

# **WAHYU NERAKA**

Oleh **Mary K Baxter** Ministry

[www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN](http://www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN)

Dengarkan kesaksian testimoni yang nyata tentang Kebenaran Kewujudan Neraka. Mary Katherine Baxter telah dipilih oleh Tuhan untuk memberitahu dunia tentang REALITI Neraka. Yesus Kristus muncul kepada Mary Baxter selama 40 malam berturut-turut dan membawa Mary melawat Neraka dan Syurga. Dia berjalan, bersama Yesus, melalui keseraman Neraka dan bercakap dengan banyak manusia. Yesus menunjukkan kepadanya hal yang berlaku kepada jiwa-jiwa selepas mereka meninggal dunia dan hal yang berlaku kepada orang-orang yang tidak percaya serta hamba Tuhan yang tidak menurut panggilan mereka.

## **Prakata**

Marcus Bach menyatakan bahawa buku-buku biasanya disebut sebagai anak-anak dan sememangnya sedemikian. Tidak seperti anak-anak yang diperanakkan daripada darah dan daging, saudara kandung yang kreatif ini, dilahirkan mempunyai pilihan atau peluang ini ditakdirkan mempunyai kehidupan sendiri. Pengalaman-pengalaman mereka di dunia ini menyamai pengalaman lain daripada setiap tawaran karya yang berpengaruh. Kesemua emosi kemanusiaan adalah milik mereka. Tidak ada keraguan tentang ketakutan dalaman mereka bahawa mereka akan disisihkan dan dilupakan untuk selama-lamanya.

Tidak seperti buku-buku lain, saya percaya bahawa Roh Kuduslah yang telah membawa penulisan ini untuk masa ini dan selamanya. Pelbagai pengalaman dan pesanan disampaikan sepenuhnya adalah penting bagi tubuh Kristus. Saya percaya bahawa urapan Allah akan turun atas buku ini dan mengajar setiap orang membaca kandungannya.

## **Dedikasi**

Tugas ini didedikasikan kepada kemuliaan Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus. Tanpa sesiapa buku ini tidak mungkin boleh terjadi.

## **Pendahuluan**

Saya menganal pasti bahawa tanpa kuasa yang luar biasa Tuhan Yesus Kristus, buku ini atau apa-apa tujuan yang berkenaan dengan selepas mati dapat dituliskan. Yesus satu-satunya memegang kunci ke neraka dan membayar harga untuk kita masuk ke syurga.

Saya mendapati bahawa penulisan buku ini adalah panjang, kesunyian, tuntutan pengalaman. Yang nyata, buku ini dinanti-nantikan selama beberapa tahun untuk diperlihatkan. Penglihatan daripada Tuhan kepada saya datang pada tahun 1976. Hal ini mengambil masa selama lapan bulan untuk dituliskan di atas kertas. Penulisan manuskrip sendiri telah mengambil masa selama beberapa tahun dan kemasukan

rujukan ayat-ayat daripada kitab adalah secara langkah demi langkah mengambil masa tahun yang lain. Penyelesaian buku dibuat pada masa terbaik ketika musim sejuk pada tahun 1982 dan tahun 1983. Tambahan lagi, selama tiga puluh malam, Yesus membawa saya ke neraka, diikuti dengan sepuluh malam melawat syurga.

Saya melihat Tuhan menyediakan saya untuk menulis buku ini semenjak saya kecil yang pernah bermimpi tentang Tuhan. Selepas saya dilahirkan semula, saya mempunyai perasaan kasih mendalam terhadap jiwa yang sesat dan mahu melihat jiwa-jiwa sesat diselamatkan.

Setelah Tuhan muncul kepada saya pada tahun 1976 dan memberitahu saya bahawa saya terpilih untuk satu tugas khusus, Dia berkata, "**Anakku, Aku akan menyatakan diriKu kepadamu untuk membawa orang-orang keluar dari kegelapan dan masuk ke dalam terang. Tuhan Allah telah memilih kamu untuk tujuan; menulis dan merekodkan apa-apa yang Aku tunjukkan dan katakana kepadamu.**

**"Aku akan menunjukkan kepadamu tentang realiti neraka, maka banyak orang diselamatkan, banyak yang akan bertaubat daripada jalan kejahatan sebelum terlambat.**

**"Rohmu akan Kuangkat dari tubuhmu, Aku Tuhan Yesus Kristus, dan dibawa ke neraka dan tempat-tempat lain yang ingin Kuingin kau saksikan. Aku akan menunjukkan penglihatan-penglihatan syurga dan banyak tempat lain serta banyak memberikan penglihatan."**

Mary Kathryn Baxter

## Untuk Kathryn daripada Yesus

Demi tujuan ini kau dilahirkan, untuk menulis dan memberitahu apa yang Aku tunjukkan dan katakan kepadamu. Perkara ini adalah benar dan betul. Panggilanmu adalah untuk membuat dunia tahu bahawa neraka itu ada dan Aku, Yesus, dihantar Tuhan untuk menyelamatkan mereka daripada seksaan.

---

# Bab 1 Masuk Ke Neraka

Pada Mac 1976 semasa saya berdoa di rumah, saya didatangi oleh Tuhan Yesus Kristus. Saya telah berdoa dalam roh selama sehari-hari sehingga saya merasakan kehadiran Tuhan. Kuasa dan kemuliaanNya memenuhi rumah. Satu cahaya yang terang memenuhi ruangan saya berdoa, dan satu perasaan yang menyenangkan dan indah melingkupi saya.

Cahaya-cahaya masuk seperti ombak besar, bergulung-gulung dan saling bercampur aduk serta bertindihan antara satu sama lain. Satu pemandangan yang menakjubkan! Kemudian suara Tuhan mula bercakap dengan saya.

Dia berkata, "***Aku Yesus Kristus, Tuhan kamu, dan aku ingin memberimu penglihatan untuk mempersiapkan orang-orang kudus semasa kedatanganKu kembali dan mengembalikan banyak orang kepada kebenaran. Kuasa-kuasa kegelapan adalah benar dan penghakimanKu adalah benar.***

***"Anakku, Aku akan membawamu ke neraka dengan RohKu, dan Aku ingin menunjukkan kepadamu banyak perkara yang Aku mahu dunia tahu. Aku akan muncul kepadamu banyak kali; Aku akan mengambil rohmu keluar dari badanmu dan yang sebenarnya membawa kamu ke neraka.***

***"Aku mahu kamu menulis sebuah buku dan memberitahu penglihatan-penglihatan dan kesemua yang Kuperlihatkan kepadamu. Kamu dan Aku akan berjalan melalui neraka bersama-sama. Jadikan rekod semua hal ini, yang sudah datang dan akan datang. FirmanKu adalah benar, setia dan dipercayai. Aku ialah Aku, tidak ada yang lain selain Aku."***

"Tuhanku," saya menjerit, " Apa yang mahu aku lakukan?" Seluruh tubuh saya ingin menjerit kepada Tuhan, untuk mengakui kehadiranNya. Yang terbaik dapat saya jelaskan ialah kasih melingkupiku. Itulah kasih yang paling indah, tenang, gembira, kuasa kasih yang pernah saya rasakan.

Puji-pujian Tuhan mula mengalir dalam diri saya. Sekali gus saya mahu memberikan seluruh hidup saya untuk dipergunakan olehNya, untuk menyelamatkan manusia daripada dosa. Saya tahu, daripada RohNya, sebenarnya Yesus anak Tuhan yang berada di dalam bilik bersama saya. Saya tidak dapat mengungkapkan dengan kata-kata untuk menyatakan kemuliaan kehadiranNya. Namun, saya tahu bahawa itu Tuhan.

***"Ketahuilah, anakku,"*** Yesus berkata, "***Aku akan membawa kamu bersama RohKu ke neraka maka kamu dapat membuat rekod realiti tentang neraka, memberitahu dunia bahawa neraka itu nyata, dan membawa keluar orang-orang sesat dari kegelapan dan masuk ke dalam terang injil Yesus Kristus."***

Dengan segera, roh saya dibawa keluar dari tubuh saya. Saya keluar bersama Yesus dari bilik dan terbang ke langit. Saya sedar apa yang berlaku kepada saya. Saya nampak suami dan anak saya sedang tidur di rumah kami di bawah.

Tampaknya saya seolah-olah mati dan tubuh saya ditinggalkan di katil manakala roh saya dibawa Yesus terbang ke atas atap rumah. Kelihatan seperti atap rumah bergulung ke belakang, dan saya dapat melihat ahli keluarga saya sedang tidur di atas katil mereka.

Saya dapat merasakan sentuhan Yesus saat Dia berkata, "***Jangan takut. Mereka akan selamat.***" Dia mengetahui fikiran saya.

Saya akan berusaha sebaik-baiknya dengan keupayaan saya untuk menceritakan satu persatu yang saya lihat dan rasakan. Seseengah hal saya tidak faham. Tuhan Yesus menjelaskan kepada saya kebanyakan maksud, tetapi seseengah perkara Dia tidak memberitahu saya.

Saya tahu kemudian, dan saya tahu sekarang, bahawa hal ini memang benar-benar berlaku dan hanya Tuhan dapat menunjukkannya kepada saya. Terpujilah namaNya yang kudus. Manusia, percayalah, neraka itu nyata. Saya dibawa ke sana beberapa kali oleh Tuhan selama mempersiapkan buku ini.

Tidak lama kemudian, kami berada jauh di awan. Saya berpusing dan melihat Yesus. Dia penuh kemuliaan dan berkuasa, dan ada kedamaian mengalir dariNya. Dia memegang tangan saya dan berkata, "**Aku mengasihimu. Jangan takut, kerana Aku bersamamu.**"

Seraya berkata demikian, kami mula terbang lebih tinggi ke langit, dan sekarang saya dapat melihat bumi di bawah. Banyak corong yang keluar dari bumi dan bertaburan di merata-rata tempat berputar-putar ke titik tengah dan kemudian kembali lagi. Benda-benda ini bergerak tinggi ke atas bumi dan kelihatan seperti raksasa, yang kotor dan bergerak terus-menerus. Corong-corong itu muncul dari seluruh bumi. "*Apa semuanya itu?*" saya bertanya Tuhan apabila kami mendekati salah satu benda itu.

"**Inilah gerbang ke neraka,**" Dia berkata. "**Kita akan ke neraka melalui salah satu daripada gerbang itu.**"

Tidak lama kemudian, kami memasuki salah satu cerobong itu. Di dalamnya seperti sebuah terowong yang berputar-putar dan kembali lagi seperti bumbung.

Kegelapan yang pekat kami lalui, dan bersama kegelapan itu datangnya bau yang dahsyat sehingga saya tidak dapat bernafas. Di sepanjang terowong ini ada makhluk yang menempel di dinding. Makhluk yang berwarna kelabu gelap bergerak dan berteriak-teriak kepada kami semasa kami melaluinya. Saya tahu dengan tidak perlu diberitahu bahawa makhluk-makhluk itu ialah iblis.

Makhluk-makhluk itu dapat bergerak tetapi tetap menempel pada dinding. Bau yang dahsyat itu datangnya daripada mereka, dan mereka memekikkan suara yang sangat mengerikan ke arah kami. Saya dapat merasakan suatu kuasa jahat yang tidak kelihatan bergerak masuk ke dalam terowong tersebut.

Ketika dalam kegelapan, saya dapat melihat makhluk-makhluk tersebut. Kebanyakan makhluk tersebut tertutup oleh asap kotor. "*Tuhan, apakah semuanya ini?*" saya bertanya sambil memegang erat tangan Tuhan.

Dia berkata, "**Inilah roh-roh iblis yang bersiap sedia dimuntahkan keluar ke bumi apabila syaitan memberikan perintah.**"

Pada saat kami menuruni terowong, makhluk-makhluk iblis ketawa dan memekik-mekik ke arah kami. Mereka cuba untuk menyentuh kami, tetapi tidak dapat kerana

kekuasaan dari Yesus. Udara di sana sangat tercemar dan kotor, dan hanya kehadiran Tuhan membuat saya tidak menjerit melihat kengerian tersebut.

Oh, ya, saya dalam keadaan sedar-saya dapat mendengar, hidu, melihat, rasa dan dapat merasakan kehadiran iblis di tempat ini. Jika perbezaan, deria saya menjadi lebih sensitif, bauan kekotoran membuat saya muak.

Teriakan-teriakan memenuhi udara pada masa kami mendekati dasar terowong. Jeritan tajam datang dari terowong yang gelap itu menyambut kami. Suara-suara dalam pelbagai bentuk memenuhi udara. Saya dapat merasakan ketakutan, kematian dan dosa di sekitar saya.

Bau yang paling busuk pernah saya bau memenuhi udara. Itu adalah bau daging yang membusuk, dan seolah-olah dari setiap arah. Belum pernah di bumi saya merasakan kejahatan dan mendengar teriakan-teriakan yang memilukan seperti itu. Kemudian saya mendapati bahawa itu merupakan teriakan orang-orang yang sudah mati, dan neraka dipenuhi dengan ratapan mereka.

Saya dapat merasakan angin keras yang jahat dan sedutan ringan di hadapan kami. Cahaya-cahaya seperti kilat atau lampu blitz menembusi kegelapan yang kelam itu dan meninggalkan bayang-bayang abu pada dinding. Saya hampir tidak dapat melihat makhluk di hadapan saya. Saya terkejut apabila menyadari itu ialah seekor ular besar yang sedang bergerak di hadapan kami. Ketika saya terus memerhatikan, saya melihat ular-ular hodoh itu menggelongsor di mana-mana.

Yesus berkata kepada saya, "***Kita akan masuk ke kaki kiri neraka. Di depan nanti kita akan melihat penderitaan yang hebat, kesedihan yang memilukan dan kengerian yang luar biasa. Sentiasa dekat denganKu, dan Aku akan memberimu kekuatan dan perlindungan semasa kita melalui neraka. Hal-hal yang kamu lihat merupakan satu peringatan,***" Dia berkata. "***Buku yang kautuliskan nanti akan menyelamatkan banyak jiwa daripada neraka. Apa yang kaulihat adalah nyata. Jangan takut, kerana aku bersamamu.***"

Akhirnya, Tuhan Yesus dan saya di dasar terowong. Kami melangkah masuk ke dalam neraka. Saya akan cuba dengan sedaya upaya saya untuk menceritakan kepada kamu apa yang saya lihat, dan saya akan memberitahu mengikut perintah daripada Tuhan kepada saya.

Di hadapan kami, sepanjang yang dapat saya lihat, objek terbang ke`sana sini. Bunyi rintihan dan tangisan yang belas kasihan memenuhi udara. Saya melihat ada cahaya samar di atas, dan kami mula berjalan melaluinya. Lintasan itu kering dan berdebu. Kami kemudiannya berada di hadapan pintu masuk ke sebuah terowong yang kecil dan gelap.

Sesetengah perkara tidak dapat saya tuliskan: hal itu terlalu mengerikan untuk dijelaskan. Kengerian di neraka dapat dirasakan, dan saya tahu kalau saya tidak bersama Yesus, saya tidak tahu jalan kembali. Dalam penulisan ini, sesetengah hal

tidak saya fahami, tetapi Tuhan mengetahui segalanya, dan Dia menolong saya untuk memahami kebanyakan hal yang saya lihat.

Biar saya memberi amaran kepada kamu-jangan pergi ke tempat itu. Itu merupakan tempat penyeksaan yang dahsyat, rasa sakit yang mendalam dan penderitaan yang kekal. Rohmu tetap hidup. Roh kamu hidup selamanya. Itulah kamu yang sebenarnya, dan roh kamu akan pergi ke syurga atau neraka.

Bagi mereka yang berpendapat neraka itu ada di bumi-neraka memang ada di bumi! Neraka ada di pusat bumi, dan jiwa-jiwa di sana disiksa siang dan malam. Di sana tidak ada pesta. Tidak ada kasih. Tidak ada belas kasihan. Tidak ada rehat. Hanya satu tempat penyeksaan di luar dugaan anda.

---

## Bab 2 Kaki Kiri Neraka

Bau yang sangat busuk memenuhi udara. Yesus berkata kepada saya, "***Di kaki kiri neraka ada banyak lubang. Cabang-cabang terowong ini menuju ke bahagian lain neraka, tetapi kita akan mengunjungi kaki kiri neraka dahulu. Hal-hal yang kamu lihat akan sentiasa bersamamu. Dunia harus tahu realiti tentang neraka. Banyak orang-orang berdosa dan sebahagian orang-orang Saya tidak percaya bahawa neraka itu nyata. Kamu terpilih oleh Aku untuk menyingkapkan kebenaran itu kepada mereka. Segalanya yang akan saya tunjukkan kepada kamu tentang neraka dan hal-hal lain yang saya tunjukkan adalah benar.***"

Yesus menampakkan dirinya dalam bentuk cahaya terang, lebih terang daripada cahaya matahari. Bentuk seorang manusi berada di tengah-tengah cahaya itu. Kadangkala saya nampak Yesus sebagai manusia, tetapi kadangkala Dia dalam bentuk roh.

Dia berkata lagi, "***Anakku, ketika Aku berbicara, Bapalah berbicara. Bapa dan Aku adalah satu. Ingatlah untuk mengasihi semuanya dan memaafkan antara satu sama lain. Mari sekarang, ikut Aku.***"

Semasa kami berjalan, roh-roh jahat terbang kerana kehadiran Tuhan. "***Oh Tuhan, Oh Tuhan,***" saya menjerit. "***Apa seterusnya?***"

Seperti yang telah saya katakan, saya dapat merasai semua deria saya di neraka. Semua yang berada di neraka dapat merasai deria mereka. Deria saya bekerja sepenuhnya. Kengerian berada di setiap sisi, dan bahaya yang tidak dapat dijelaskan berada di mana-mana. Setiap langkah saya adalah lebih mengerikan daripada sebelumnya.

Ada banyak pintu berukuran jendela kecil di atas terowong, yang terbuka dan tertutup dengan sangat cepat. Jeritan-jeritan memenuhi udara semasa banyak makhluk jahat terbang melewati kami, ke atas dan keluar pintu-pintu gerbang neraka. Kemudian kami

berada di hujung terowong. Saya gementar ketakutan kerana bahaya dan kengerian di sekitar kami.

Saya sangat berterima kasih atas perlindungan yesus. Saya bersyukur kepada Tuhan atas mahakuasanya dalam melindungi kita, walaupun di dalam lubang neraka. Meskipun dalam perlindungan perisai, saya asyik berfikir, bukan kehendak saya, Bapaku, tetapi kehendakMu untuk penyelesaian.

Saya melihat tubuh saya. Untuk pertama kalinya saya perasan bahawa saya dalam bentuk roh, dalam rupa diri saya sendiri. Saya berfikir apa yang seterusnya.

Yesus dan saya melangkah dari terowong ke laluan dengan tanah-tanah petak yang luas bagi setiap sisi. Terdapat lubang yang berapi di mana-mana sepanjang penglihatan saya. Lubang-lubang itu dalam empat meter seberang dan tiga meter dalam serta bentuknya seperti mangkuk. Yesus berkata, "**Ada banyak lubang-lubang sebegini di kaki kiri neraka. Mari, saya akan tunjukkan sebahagian daripada lubang-lubang itu.**

Saya berdiri di samping Yesus di atas laluan itu dan melihat ke arah salah sebuah lubang. Belerang menempel di sisi lubang dan memancarkan cahaya merah seperti bara api yang membara. Di tengah-tengah lubang itu ada jiwa-jiwa sesat yang sudah mati dan masuk ke neraka. Api bermula dari bawah lubang, menyambar ke atas dan membakar jiwa-jiwa sesat itu. Dalam masa singkat api itu mati dan berubah menjadi bara, kemudian dengan bunyi tergesa-gesa menyambar kembali jiwa-jiwa yang diseksa di dalam lubang itu.

Saya menatap dan melihat jiwa-jiwa sesat di dalam lubang terkurung di dalam kurungan dalam bentuk rangka. "*Tuhanku,*" saya menangis melihat pandangan itu, "*Dapatkah kau mengeluarkan mereka?*" *Batapa ngerinya pandangan itu! Saya berpendapat, Ini boleh terjadi kepada saya. Saya berkata, "Tuhan, betapa sedihnya melihat dan mengetahui ada roh yang hidup di sana."*

Saya mendengar tangisan dari tengah-tengah lubang yang pertama. Saya nampak satu jiwa dalam bentuk rangka, menangis, "*Yesus, kasihanilah!*"

"*Oh, Tuhan!*" saya berkata. Itu suara seorang wanita. Saya melihat ke arahnya dan mahu menariknya keluar dari api. Saya sedih melihat keadaanya.

Wanita dalam bentuk rangka dengan kabut kelabu yang kotor bercakap-cakap dengan Yesus. Dengan perasaan terkejut, saya mendengarnya. Daging yang membusuk bergantung tercarik-carik dari tulangnya, and, ketika terbakar, carikan daging itu terjatuh ke dasar lubang. Tempat matanya berada kini tinggal ruang kosong. Dia tidak ada rambut.

Api mulai membakar dari kakinya dalam api yang kecil dan membesar semasa merambat ke atas dan seluruh tubuhnya. Tampaknya wanita itu dibakar tanpa henti-henti, walaupun pada ketika itu apinya tinggal bara. Jauh dari dalam hatinya keluar tangisan dan rintihan berputus asa, "Tuhan, Tuhan, saya mahu keluar dari sini"

Dia cuba menggapai Yesus. Saya melihat ke arah Yesus, dan kelihatan kesedihan yang mendalam di wajahnya. Yesus berkata kepada saya, "**Anakku, kamu di sini bersama Aku adalah untuk membolehkan dunia tahu bahawa dosa membawa kepada kematian, neraka itu nyata.**"

Saya melihat wanita itu semula, dan cacing-cacing merangkak keluar dari tulang-tulang rangkanya. Cacing-cacing itu tidak dapat dibakar dengan api. Yesus said, "**Dia tahu dan dapat merasai cacing-cacing dari dalamnya.**"

"*Tuhan, kasihanilah!*" seru saya ketika api sampai kemuncaknya dan pembakaran yang mengerikan bermula semula. Tangisan besar dan esakan yang mendalam menggoncang jiwa wanita ini. Dia tersesat. Tiada jalan keluar. "*Yesus, mengapa dia di sini?*" saya bertanya dalam suara yang perlahan, kerana saya ketakutan.

Yesus berkata, "**Mari.**"

Laluan yang kami lalui adalah laluan yang memutar, berpusing ke luar dan ke dalam antara lubang-lubang api sepanjang yang dapat saya lihat. Tangisan orang-orang mati yang hidup, bercampur dengan rintihan dan jeritan yang menakutkan, kedengaran dari setiap arah. Tiada waktu yang senyap di neraka. Bau kematian dan daging yang membusuk tersebar memenuhi udara.

Kami sampai ke lubang berikutnya. Di dalam lubang ini, yang ukurannya sama dengan yang lainnya, ada rangka yang lain. Suara lelaki berteriak dari dalamnya, berkata, "*Tuhan, kasihanilah diri saya!*" Apabila mereka bercakap barulah dapat diketahui sama ada roh itu lelaki atau perempuan.

Esakan yang memilukan datangnya dari lelaki ini. "*Ampunilah saya, Yesus. Ampunilah saya. Bawa saya keluar dari sini. Saya disiksa di sini bertahun-tahun. Saya merayu kepadaMu, keluarkan saya!*" Esakannya yang besar menggoncang rangka tubuhnya saat dia merayu, "*Tolonglah, Yesus, keluarkan saya!*" saya melihat Yesus dan kelihatan Dia juga menangis.

"*Tuhan Yesus,*" teriak lelaki itu dari lubang pembakaran, "*Tidak cukupkah penderitaan yang saya alami untuk dosa-dosa saya? Sudah empat puluh tahun sejak kematian saya.*"

Yesus berkata, "**Sudah tertulis, orang benar akan hidup oleh keimanan!**" yang mencemuh dan orang-orang yang tidak percaya akan mendapat bahagian di dalam tasik berapi. **Kau tidak mahu mempercayai kebenaran itu. Sudah banyak kali orang-orang Aku dihantar untuk menunjukkan kepadamu jalan, tetapi kamu tidak mendengar kata-kata mereka. Kamu mentertawakan mereka dan menolak injil. Walaupun saya mati disalib untuk kamu, kamu mencemuh Aku dan tidak bertaubat daripada dosa-dosamu. BapaKu memberi banyak peluang kepadamu untuk diselamatkan. Seandainya kamu mahu mendengar!**" Yesus menangis.

"*Saya tahu, Tuhan, saya tahu!*" tangis lelaki itu. "*Tetapi saya bertaubat sekarang.*"



**"Sudah terlambat,"** Yesus berkata. **"Penghukuman sudah ditetapkan."**

Lelaki itu menyambung, *"Tuhan, sebilangan orang-orang saya sedang menuju ke arah sini, mereka juga tidak mahu bertaubat. Tolonglah, Tuhan, biar saya pergi untuk memberitahu mereka untuk bertaubat daripada dosa-dosa selagi mereka masih di bumi. Saya tidak mahu mereka datang ke sini."*

Yesus berkata, **"Mereka ada penkhutbah, guru-guru, penganjur. Mereka akan memberitahu kepada mereka. Mereka juga ada kelebihan daripada kemodenan sistem komunikasi dan banyak cara lain untuk belajar tentang Aku. Aku menghantar para pekerja kepada mereka agar mereka percaya dan diselamatkan. Jika mereka tidak percaya apabila mereka mendengar tentang injil, sama ada mereka dipengaruhi daripada salah satu yang bangkit daripada kematian."**

Pada saat ini, lelaki itu menjadi sangat marah dan mulai mengutuk. Kejahatan, kata-kata kesat keluar daripadanya. Saya melihat dalam kengerian semasa api menyala, daging yang membusuk terbakar dan jatuh. Saya melihat rohnya. Rohnya kelihatan seperti asap kelabu yang kotor, yang mengisi rangkanya.

Saya berpaling ke arah Yesus dan menjerit, *"Tuhan, betapa ngerinya!"*

Yesus berkata, **"Neraka itu nyata; penghakiman itu benar. Aku menyayangi mereka, anakku. Ini hanyalah permulaan daripada kengerian yang Aku tunjukkan kepadamu. Ada banyak lagi yang akan datang. Beritahu dunia untukKu bahawa neraka itu nyata, maka lelaki dan perempuan harus bertaubat daripada segala dosa. Mari, ikut Aku. Kita harus teruskan."**

Dalam lubang seterusnya sangat kecil-wanita terkurung dalam lingkungan umur melebihi 80. Saya tidak dapat menyatakan bagaimana saya mengetahui umurnya tetapi saya dapat mengetahuinya. Kulitnya tertanggal daripada tulang-tulang dengan pembakaran yang berterusan, dan hanya tinggal tulang dengan rohyang kotor di dalamnya. Saya melihat api membakarnya. Kemudian hanya tinggal tulang dan cacing-cacing yang tidak terbakar oleh api.

*"Tuhan, betapa ngerinya!"* saya menjerit. *"Saya tak pasti sama ada saya dapat teruskan, kengerian ini di luar kepercayaan."* Sepanjang penglihatan yang dapat saya lihat, jiwa-jiwa dibakar di dalam lubang api.

**"Anakku, inilah sebabnya kamu di sini,"** Yesus menjawab. **"Kamu harus mengetahuinya dan memberitahu kebenaran tentang neraka. Syurga itu nyata! Neraka itu nyata! Mari, kita harus teruskan."**

Saya melihat semula wanita itu. Tangisannya begitu sedih. Semasa saya melihatnya, dia meletakkan tangannya bersama, seperti berdoa. Saya tidak dapat menahan tangisan. Saya dalam keadaan roh, dan saya menangis. Saya tahu bahawa manusia di neraka merasai hal ini juga.

Yesus mengetahui fikirannku. "**Ya, anak,**" Dia berkata, "**mereka merasainya. Apabila manusia datang ke sini, mereka ada perasaan dan fikiran yang sama seperti ketika mereka di dunia. Mereka mengingati ahli-ahli keluarga dan kawan-kawan mereka serta mereka ada peluang untuk bertaubat tetapi mereka menolak untuk melakukannya. Kenangan sentiasa bersama mereka. Sekiranya hanya mereka percayakan injil dan bertaubat sebelum terlambat.**"

Saya melihat wanita sekali lagi, dan ketika ini saya perasan bahawa dia hanya ada sebelah kaki, dan kelihatan ada lubang pada tulang punggungnya. "Apa ini semua, Yesus?" saya bertanya.

Dia berkata, "**Anak, semasa dia di dunia, dia menghidap kanser dan dalam keadaan sangat menderita. Pembedahan dibuat untuk menyelamatkan nyawanya. Dia hidup menderita untuk banyak tahun. Banyak orangKu datang kepadanya dan memberitahu bahawa Aku dapat mengubatnya. Dia berkata, 'Tuhan melakukan ini kepadaku,' dan dia tidak mahu bertaubat mahupun mempercayai injil. Dia mengetahui Aku sekali, tetapi kemudian membenci Aku. Dia mengatakan bahawa dia tidak memerlukan Tuhan dan tidak mahu Aku mengubatnya. Aku merayu kepadanya, masih mahu mengubatnya dan memberkatinya. Dia meninggalkanKu dan mengutukKu. Dia berkata dia tidak mahukan Aku. Rohku merayu kepadanya. Walaupun dia meninggalkanKu, Aku masih cuba membawanya kepadaKu, tetapi dia tidak mahu mendengar. Akhirnya dia meninggal dan datang ke sini.**"

Perempuan tua itu menjerit ke arah Yesus, "*Tuhan, Yesus, tolonglah ampuni saya sekarang. Maafkanlah saya kerana tidak bertaubat semasa di dunia.*" Dengan esakan yang kuat dia menjerit ke arah Yesus, "*Jika hanya saya bertaubat sebelum terlambat! Tuhan, tolong keluarkan saya dari sini. Saya akan melayan Kamu. Saya akan menjadi baik. Tidak cukupkah saya menderita? Mengapa saya menunggu hingga terlalu lewat? Oh, mengapa saya menunggu hingga RohMu berhenti berusaha untukku?*"

Yesus berkata kepadanya, "**Kamu mempunyai peluang demi peluang untuk bertaubat dan melayaniKu.**" Kesedihan terukir pada wajah yesus apabila kami pergi dari situ.

Semasa melihat wanita itu menangis, saya bertanya, "Tuhan, apa yang seterusnya?"

Saya dapat merasakan ketakutan di persekitaran. Kesedihan, teriakan kesakitan dan suasana kematian terasa di mana-mana. Yesus dan saya berjalan dengan perasaan sedih dan kasihan ke lubang berikutnya. Hanya dengan kekuatanNya dapat saya bertahan. Dari jarak yang jauh saya masih dapat mendengar jeritan wanita itu bertaubat dan merayu agar diampunkan. Seandainya dapat saya lakukan sesuatu untuk menolongnya, fikir saya. Para pendosa, tolong jangan menunggu sehingga Roh Tuhan berundur daripada kamu.

Di lubang berikutnya ada seorang wanita yang sedang berlutut, seolah-olah mencari sesuatu. Tulang rangkanya dipenuhi lubang-lubang. Tulang-tulanganya dapat dilihat secara telus dan bajunya robek terbakar. Kepalanya botak dan hanya ada lubang di

bahagian mata dan hidungnya. Api kecil membakar di sekitar kakinya, di tempat dia berlutut, dan dia mencakar di sisi-sisi lubang itu. Api tergantung pada kedua-dua tangannya, dan daging mati terus berjatuh semasa dia menggali.

Esakan kuat menggoncangnya. "*Oh Tuhan, Oh Tuhan,*" dia menangis, "*Saya mahu keluar.*" Saat kami memerhatikannya, dia akhirnya naik hingga ke atas lubang dengan kakinya. Saya berfikir dia dapat keluar apabila tiba-tiba iblis besar yang bersayap lebar yang kelihatan patah di atasnya sehingga tergantung di kedua sisinya ketika berlari ke arah wanita itu. Makhluk itu berwarna perang kehitaman, dan rambut menutupi seluruh tubuhnya yang besar. Matanya terletak jauh di belakang kepalanya, dan ukuran tubuhnya seperti beruang besar. Iblis itu bergerak cepat ke arah wanita itu dan menolaknya dengan kasar ke belakang ke dalam lubang dan api. Saya melihat dengan ketakutan semasa dia terjatuh. Saya berasa kasihan melihatnya. Saya mahu menangkap dan memegangnya, meminta Tuhan menyembuhkannya dan mengeluarkannya dari sana.

Yesus mengetahui fikiran saya dan berkata, "***Anakku, penghakiman sudah ditentukan. Tuhan telah berbicara. Bahkan semasa dia kanak-kanak, Aku telah memanggilnya untuk bertaubat dan melayanKu. Semasa dia berusia enam belas tahun, Aku datang kepadanya dan berkata, 'Aku menyayangimu. Berikan hidupmu kepadaKu, dan marilah ikut Aku, Aku memanggilmu untuk suatu tugas khas: Aku memanggilnya seluruh hidupnya, tetapi dia tidak mahu mendengar. Dia berkata, 'Suatu hari nanti saya akan melayanMu. Saya tiada masa untuk Kamu sekarang. Tiada masa. Tiada masa. Saya ada hidup untuk bergembira. Tiada masa, tiada masa untuk melayanMu, Yesus. Hari esok saya akan melayanMu. ' Esok tidak pernah datang, kerana dia menunggu terlalu lama.***"

Wanita itu menjerit kepada Yesus, "*Roh saya benar-benar terseksa. Tiada jalan keluar. Saya tahu bahawa saya mahukan dunia daripada Kamu, Tuhan. Saya mahu kekayaan, popular dan beruntung, dan saya memperolehnya. Saya mampu membeli kesemua yang saya mahukan; Saya menjadi bos kepada diri saya. Sayalah yang tercantik, berpakaian terbaik pada zaman saya. Saya ada kekayaan, populariti dan beruntung, tetapi saya mendapati saya tidak dapat membawanya bersama hingga saat mati. Oh, Tuhan, neraka sangat mengerikan. Saya tidak dapat berehat siang dan malam. Saya sentiasa dalam kesakitan dan diseksa. Tuhan, tolonglah saya,*" dia menangis.

Wanita itu menatap Yesus dengan rindunya dan berkata, "*Tuhan yang dikasihi, kalaulah saya mendengar kamu! Saya menyesal selama-lamanya. Saya merancang untuk melayanMu suatu hari nanti apabila saya bersedia. Saya berfikir Kamu akan sentiasa menunggu saya. Tetapi ternyata saya salah! Saya ialah wanita yang paling didambakan pada zaman saya, kerana kecantikan saya. Saya tahu Tuhan memanggil saya agar bertaubat. Sepanjang hidup saya, Dia menarik saya dengan kasihnya, dan saya berfikir saya dapat mempergunakan Tuhan seperti saya mempergunakan orang lain. Dia sentiasa ada di sana. Oh ya, saya mempergunakan Tuhan! Dia berusaha keras agar saya melayanNya, sementara sepanjang waktu saya berfikir saya tidak memerlukanNya. Oh, betapa salahnya saya! Syaitan mulai menggunakan saya, dan saya mula semakin banyak melayan syaitan. Akhirnya saya menyayangi syaitan melebihi Tuhan. Saya sukakan dosa dan tidak kembali kepada Tuhan. Syaitan*

menggunakan kecantikan dan wang saya, dan semua fikiran saya beralih kepada kuasa yang diberikan kepad saya. Namun, Tuhan terus menarik saya. Walau bagaimanapun, saya berfikir, saya masih ada hari esok dan hari berikutnya. Suatu hari, semasa memandu kereta, pemandu saya melanggar sebuah rumah dan saya terbunuh. Tuhan, tolonglah keluarkan saya." Saat dia berkata demikian, kedua-dua tangannya dan lengan yang tinggal tulang menggapai yesus, sementara api terus membakarnya.

Yesus berkata, "**Penghakiman sudah ditetapkan.**"

Air mata jatuh ke pipinya apabila kami menuju ke lubang seterusnya. Saya menangis dari dalam tentang kedahsyatan neraka. "Tuhan yang dikasihi," saya menangis, "Seksaan sangat nyata. Apabila satu roh dating ke sini, tiada lagi harapan, tiada lagi kehidupan, tiada lagi kasih sayang. Neraka itu nyata." Tiada jalan keluar, saya berfikir. Dia pasti dibakar selama-lamanya di dalam api.

"**Masa semakin suntuk,**" kata Yesus. "**Kita akan kembali esok.**"

Kawan, sekiranya kamu hidup dalam dosa, sila bertaubat. Sekiranya kamu dilahirkan kembali dan sekiranya kamu membelakangkan Tuhan, bertaubat dan kembali kepadanya sekarang. Hiduplah dalam kebaikan dan pertahankan kebenaran. Bangunlah sebelum terlambat, dan kamu berupaya bersama Tuhan selamanya di syurga.

Yesus berkata semula, "**Neraka memiliki badan** (seperti keadaan tubuh manusia) **berbaring atas belakangnya di tengah-tengah neraka. Neraka dibentuk seperti tubuh manusia-sangat besar dengan banyak ruang penyeksaan. Beringatlah untuk memberitahu manusia di bumi bahawa neraka itu benar. Jutaan jiwa yang tersesat berada di sini, dan banyak lagi jiwa bakal ke sini setiap hari. Pada Hari Penghakiman, kematian dan neraka akan dibuang ke dalam tasik berapi; yang merupakan kematian kedua.**"

---

## **Bab 3**

# **Kaki Kanan Neraka**

Saya tidak berupaya untuk tidur atau makan semenjak pada malam sebelum saya ke neraka. Setiap hari saya kembali ke neraka. Apabila saya menutup mata, semua yang saya lihat ialah neraka. Telinga saya tidak dapat ditutup daripada mendengar tangisan jahanam. Seolah-olah program televisyen, saya kembali kepada semua yang saya saksikan di neraka semula. Setiap malam saya berada di neraka, dan setiap hari saya bertungkus-lumus mencari perkataan yang bertepatan untuk membawa ketakutan ini ke dunia.

Yesus muncul kepada saya semula dan berkata, "**Malam ini kita akan pergi ke dalam kaki kanan neraka, anakku. Jangan takut, saya menyanggimu dan bersama kamu.**"

Riak muka Tuhan kelihatan sedih, dan mataNya penuh dengan kelembutan dan cinta yang mendalam. Walaupun mereka yang berada di neraka selamanya tersesat, saya tahu bahawa Dia masih menyayangi mereka dan akan berlanjutan selamanya.

**"Anakku,"** Dia berkata, **"Tuhan, Bapa kita, berikan setiap seorang daripada kami agar kami dapat memilih sama ada mahu melayanNya atau syaitan. Kamu lihat, Tuhan tidak mencipta neraka untuk orang-orangNya. Syaitan menipu banyak manusia agar mengikutnya, tetapi neraka dicipta untuk syaitan dan para malaikatnya. Bukan kehendak Aku, bukan kehendak BapaKu, bahawa sesiapa pun patut mati."** Air mata belas kasihan mengalir menuruni pipi Yesus.

Dia mula berkata lagi, **"Ingatlah kata-kataKu pada hari-hari mendatang seperti Kutunjukkan neraka kepadamu. Aku memiliki kuasa di syurga dan bumi.' Sekarang, adakalanya kamu seolah-olah berasa seperti Aku meninggalkannmu, tetapi Aku tidak. Juga, adakalanya kita dilihat oleh angkatan syaitan dan jiwa-jiwa sesat, adakalanya pada waktu yang lain kita tidak dilihat. Tidak kira ke mana kita pergi, bertenang dan jangan takut untuk mengikut Aku."**

Kami terus menuju ke depan bersama-sama. Saya mengikut belakangNya dengan dekat sambil menangis. Selama beberapa hari saya menangis, saya tidak dapat berhenti menggigil sehingga pada detik sekarang saya di neraka. Saya menangis dari dalam. Jiwa saya turut bersedih.

Kami tiba di kaki kanan neraka. Melihat ke hadapan, saya melihat kami berada di laluan yang kering dan hangus. Jeritan mengisi udara yang kotor, dan bau busuk bangkai di mana-mana. Bau busuk kadangkala yang meloyakan menyebabkan perut saya sakit. Di mana-manapun kegelapan kecuali cahaya yang terpancar dari Yesus dan api bernyala di lubang-lubang, yang memperlihatkan landskap sepanjang penglihatan saya.

Dalam sekali gus, semua bentuk iblis melepasi kami. Anak syaitan menderam ke arah kami apabila melalui sebelah kami. Iblis pelbagai saiz dan bentuk bercakap-cakap antara satu sama lain. Di hadapan kami, iblis yang bersaiz besar memberi arahan kepada iblis bersaiz kecil. Kami berhenti untuk mendengar, dan Yesus berkata, **"Terdapat juga angkatan iblis yang tidak kelihatan di sini-iblis yang membawa penyakit."**

**"Pergi!"** iblis yang besar berkata kepada anak-anak syaitan yang lebih kecil dan iblis-iblis. **"Buat perkara-perkara jahat. Musnahkan rumah tangga dan keluarga. Goda orang-orang Kristian yang lemah, dan perdayakan mereka sebanyak mungkin yang kamu terdaya. Kamu akan diberi ganjaran apabila kamu kembali. Ingatlah, kamu harus berhati-hati terhadap mereka yang benar-benar menerima Yesus sebagai Penyelamat. Mereka berkuasa menghalau kamu. Pergi sekarang ke bumi. Saya ada banyak iblis yang berada di sana dan banyak lagi yang akan dihantar. Ingatlah, kita ialah hamba-hamba putera kegelapan dan berkuasa di udara."**

Pada masa itu, iblis pelbagai bentuk terbang dan keluar dari neraka. Pintu-pintu di atas di kaki kanan neraka terbuka dan tertutup dengan cepat apabila mereka keluar. Begitu juga ada iblis yang naik ke atas dan keluar dari lubang yang kami masuk ke dalam.

Saya cuba menjelaskan rupa iblis-iblis. Iblis yang bercakap sangat besar, lebih kurang saiz beruang dewasa, berwarna perang, dengan kepala seperti kelawar dan mata yang kelihatan jauh ke dalam antara bulu-bulu di wajah. Lengan-lengan berbulu dan taring keluar antara bulu-bulu di wajahnya.

Iblis yang lain kelihatan kecil seperti monyet dengan tangan yang sangat panjang dan berbulu pada keseluruhan badan. Mukanya kecil dan berhidung runcing. Saya tidak nampak mata padanya di mana-mana.

Iblis yang lain pula mempunyai kepala yang besar, telinga yang besar dan berekor panjang, manakala iblis yang satu lagi sebesar seekor kuda dan berkulit lembut. Penglihatan iblis-iblis dan roh-roh jahat, serta bau yang dahsyat datang daripada mereka membuatkan perut saya sakit. Di mana-mana saya lihat terdapat iblis-iblis dan roh-roh jahat. Perkara yang saya pelajari daripada Tuhan, iblis yang terbesar mendapat arahan secara terus daripada syaitan.

Yesus dan saya berjalan di atas laluan sehingga tiba di lubang berikutnya. Jeritan kesakitan, suara kesedihan yang tidak dapat dilupakan, kedengaran di mana-mana. Tuhanku, apa yang seterusnya? Saya berfikir.

Kami berjalan melepasi makhluk-makhluk jahat, yang tidak dapat melihat kami, dan berhenti di lubang lain yang mempunyai api dan belerang. Di dalam lubang ini, terdapat rangka seorang lelaki. Saya mendengar dia berkhotbah tentang gospel. Saya melihatnya dengan rasa kehairanan agar Yesus memberikan jawapannya, kerana Dia sentiasa tahu fikiran saya. Dia berkata, **"Semasa dia di bumi, lelaki ini berkhotbah tentang gospel. Pada suatu ketika dia bercakap benar dan melayan Aku."**

Saya tertanya-tanya perkara yang telah dilakukan oleh lelaki di neraka ini. Dia lebih kurang 6 kaki tinggi, dan rangkanya kotor, berwarna kelabu, seperti belerang. Sebahagian bajunya masih tergantung padanya. Saya tertanya-tanya sebab api meninggalkan pakaian koyak-rabaknya dan tidak terbakar. Daging yang terbakar tergantung padanya, dan tengkoraknya kelihatan dibakar api. Bau yang busuk datang daripadanya.

Saya melihat lelaki ini membukakan tangannya seperti memegang sebuah buku dan mula membaca ayat-ayat daripada buku membuatkan percaya. Sekali lagi, saya teringat perkara yang diperkatakan Yesus: **"Kamu memiliki kesemua deria di neraka, dan deria-deria itu lebih kuat di sini."** Lelaki itu membaca ayat demi ayat, dan pada pandangan saya adalah bagus. Yesus berkata kepada lelaki itu dengan suara yang penuh kasih sayang, **"Bertenang, diam."** Dengan serta-merta, lelaki itu berhenti bercakap dan perlahan-lahan melihat ke arah Yesus.

Saya melihat roh lelaki ini di dalam rangkanya. Dia berkata kepada Tuhan, **"Tuhan, sekarang saya tidak akan berkhotbah perkara yang sebenar kepada semua orang."**

*Sekarang, Tuhan, saya bersedia untuk pergi dan memberitahu orang lain tentang tempat ini. Saya tahu bahawa semasa saya di bumi, saya tidak percaya tentang kewujudan neraka, malah tidak mempercayai bahawa Kamu akan kembali. Bergantung kepada hal yang hendak didengar oleh orang, dan saya menimbulkan curiga terhadap kebenaran kepada orang-orang di gereja saya. Saya tahu saya tidak menyukai sesiapa yang memiliki perbezaan bangsa atau warna kulit, dan saya menyebabkan banyak orang menjauhi Kamu. Saya mencipta peraturan sendiri tentang syurga serta betul dan salah. Saya tahu saya membawa banyak orang tersesat, dan menyebabkan banyak orang tersandung daripada Ayat Suci Kamu, dan saya mengambil wang daripada orang miskin. Namun, Tuhan, benarkan saya keluar, dan saya akan membuat perkara yang betul. Saya tidak akan mengambil wang daripada gereja lagi. Saya sudah bertaubat. Saya akan mengasihi orang tanpa mengira bangsa dan warna kulit."*

**Yesus berkata, "*Kamu bukan sahaja memutarbelitkan dan memberikan gambaran yang salah tentang Ayat Suci Tuhan, tetapi kamu menipu tentang kebenaran yang kamu tidak tahu. Kehidupan yang selesa lebih penting kepada kamu daripada kebenaran. Aku melawat kamu sendiri dan cuba untuk membawa kamu semula, tetapi kamu tidak mendengar. Kamu berjalan mengikut arah kamu sendiri, dan iblis merupakan tuhanmu. Kamu tahu hal yang sebenar, tetapi kamu tidak mahu bertaubat atau kembali kepadaKu. Aku sentiasa di sana. Aku menunggumu. Aku mahu kamu bertaubat, tetapi kamu tidak mahu. Sekarang, penghakiman sudah ditetapkan.*"**

Belas kasihan terpancar daripada wajah Yesus. Saya tahu sekiranya lelaki itu mendengar panggilan Penyelamat, dia tidak mungkin berada di sini sekarang. Oh, manusia, tolonglah dengar.

Yesus berkata kepada orang-orang yang melakukan kejahatan semula, "***Kamu patut memberitahu perkara sebenar, dan kamu harus membawa banyak orang ke arah kebenaran Kata-kata Tuhan, yang mengatakan semua orang yang tidak percaya akan ada bahagian di dalam tasik yang membakar dengan api dan belerang. Kamu tahu jalan ke arah salib. Kamu tahu jalan ke arah kebenaran. Kamu tahu bercakap tentang yang benar. Namun, syaitan mengisi hatimu dengan penipuan, dan kamu berjalan ke arah dosa. Kamu patut bertaubat dengan ikhlas, bukan separuh jalan. Kata-kataku adalah benar. Bukan penipuan. Sekarang sudah terlambat, sangat terlambat.***" Pada ketika itu, lelaki itu menunjukkan penumbuk kepada Yesus dan menyumpahNya.

Dengan sedih, Yesus dan saya berjalan ke arah lubang berikutnya. Pengkuthbah yang tersasar dari kebenaran itu tadi masih menyumpah-nyumpah dan marah akan Yesus. Semasa kami berjalan melepasi lubang-lubang berapi, tangan-tangan jiwa yang tersesat menggapai Yesus, dan dengan suara merayu memanggilNya agar dikasihani. Tulang-tulang tangan dan lengan-lengan mereka kelabu hitam akibat dibakar-tiada daging mahupun darah, tiada organ, hanya kematian dan bakal mati. Dalam diri saya, saya menangis, oh bumi, bertaubatlah. Jika kamu tidak bertaubat, kamu akan ke sini. Berhenti sebelum terlambat.

Kami berhenti di lubang yang lain. Saya berasa kasihan terhadap mereka dan kesedihan mereka membuatkan fizikal saya lemah dan sukar berdiri. Esakan yang kuat menguasai saya. "*Yesus, hati saya sangat sakit,*" saya berkata.

Dari lubang itu, suara seorang perempuan bercakap kepada Yesus. Dia berdiri di tengah-tengah api, dan api menjilat seluruh tubuhnya. Tulang-tulanganya penuh dengan ulat dan daging mati. Apabila kedipan api mengelilinginya, dia menaikkan tangannya ke arah Yesus, sambil menangis, "*Benarkan saya keluar dari sini. Saya akan memberikan hati saya kepadaMu, sekarang, Yesus. Saya akan memberitahu orang lain tentang pengampunan Kamu. Saya akan menjadi saksiMu. Saya merayu kepadaMu, tolonglah benarkan saya keluar!*"

Yesus berkata, "*Kata-kataKu adalah benar, dan mengisytiharkan bahawa kamu semua harus bertaubat dan berhenti berbuat dosa dan meminta Aku datang dalam hidup mereka sekiranya mereka mahu mengelakkan tempat ini. Dengan darah Aku, masih ada pengampunan dosa. Aku menepati janji dan akan memaafkan semua orang yang datang kepadaKu. Aku tidak akan menghalau mereka.*"

Dia berpaling, melihat ke arah wanita itu dan berkata "*Jika dahulu kamu mendengar Aku dan datang kepada Aku serta bertaubat, Aku akan memaafkanmu.*"

Wanita itu bertanya, "*Tuhan, tiadakah jalan keluar dari sini?*"

Yesus berkata dengan sangat lembut. "*Wahai wanita,*" Dia berkata, "*kamu diberi banyak peluang untuk bertaubat, tetapi kamu keraskan hati dan tidak mahu bertaubat. Kamu tahu bahawa Kata-kataKu bahawa penjual pelacur akan ada bahagiandi dalam tasik berapi.*"

Yesus berpaling ke arah saya dan berkata, "*Wanita ini berdosa kerana mempunyai hubungan dengan banyak lelaki, dan dia menyebabkan banyak rumah tangga berpecah-belah. Walaupun semua hal ini, Aku masih menyayangnya. Aku datang kepadanya bukan untuk mengutuknya tetapi untuk menyelamatkannya. Aku menghantar banyak orang-orangKu kepadanya agar dia bertaubat daripada kejahatan, tetapi dia tidak bertaubat. Semasa dia muda, Aku mamanggilnya, tetapi dia terus-menerus melakukan dosa. Dia banyak melakukan kesilapan, namun Aku akan memaafkannya jika dia datang kepadaKu. Syaitan memasukinya, dan dia hidup susah malah tidak memaafkan orang. Dia masuk ke gereja semata-mata untuk mendapatkan lelaki. Dia menjumpai mereka dan menggoda mereka. Jika dia hanya datang kepadaKu, semua dosanya akan Aku bersihkan dengan darahKu. Sebahagian dirinya mahu melayan Aku, tetapi kamu tidak dapat menyembah Tuhan dan syaitan pada masa yang sama. Setiap orang harus mebuat pilihan siapa yang mereka mahu layan.*"

"*Tuhan,*" saya menangis, "*berikan saya kekuatan untuk meneruskan*" saya menggeletar dari kaki hingga ke kaki kerana kedahsyatan neraka.

Yesus berkata kepada saya, "*Bertenang, diam*"



"Tolong saya, Tuhan" tangis saya. "Syaitan tidak mahu kita tahu hal sebenar tentang neraka. Dalam semua mimpi ngeri yang saya alami, saya tidak pernah terfikir bahawa neraka adalah seperti ini. Ya Yesus, sampai bilakah semua ini akan berakhir"

"**Anakku,**" Yesus membalas, "**hanya Bapa tahu bila pengakhirannya akan datang.**" Kemudian Dia berkata semula dengan mengatakan "**Bertenang, diam.**" Kekuatan yang besar datang kepada saya.

Yesus dan saya berjalan terus ke lubang-lubang. Saya mahu menarik setiap orang yang saya lalui daripada api dan segera mendapatkan mereka ke kaki Yesus. Saya menangis dengan kuat di dalam hati. Saya berfikir sendiri, saya langsung tidak mahu anak-anak saya ke sini.

Akhirnya, Yesus berpaling ke arah saya dan berkata secara tidak kuat, "**Anakku, kita akan balik ke rumah kamu sekarang. Pada malam esok kita akan kembali ke neraka bahagian ini.**"

Balik ke rumah saya, saya menangis dan menangis. Sepanjang hari itu saya terkenang akan neraka dan kengerian melihat semua orang di sana. Saya memberitahu setiap orang yang saya jumpa tentang neraka. Saya memberitahu mereka kesengsaraan di neraka adalah di luar kepercayaan.

Kepada semua orang yang membeca buku ini, tolonglah, saya merayu kepadamu, bertaubatlah daripada dosa-dosa kamu. Panggillah Yesus dan memintanya menyelamatkan kamu. Panggillah hari ini. Jangan tunggu sehingga esok. Esok sudah terlambat. Masa semakin kesuntukan. Berlututlah dan bersihkan diri daripada dosa-dosa. Berbuat baik antara satu sama lain. Demi kepentingan Yesus, seseorang harus berbuat baik dan saling memaafkan antara satu sama lain.

Sekiranya kamu marah akan seseorang, maafkannya. Tiada kemarahan yang berbaloi untuk ke neraka. Jadilah pemaaf seperti Yesus memaafkan dosa-dosa kita. Yesus berupaya menyimpan kita jika kita bertaubat dengan sepenuh hati membenarkan darahNya mencuci kita daripada dosa. Sayangilah anak-anakmu dan sayangilah sesama manusia seperti menyayangi dirimu.

Tuhan segala gereja berkata, "**Bertaubatlah dan diselamatkan!**"

## Bab 4

# Lebih banyak lubang lagi

Pada malam berikutnya Yesus dan saya pergi ke kaki kanan neraka sekali lagi. Saya nampak kasih Yesus terhadap jiwa-jiwa sesat di neraka. Saya dapat merasakan kasihNya terhadap saya dan semua orang yang berada di bumi.

"Anak," Dia berkata kepada saya, "Bukan kehendak Bapa agar sesiapa mati. Syaitan memperdayakan banyak orang, dan mereka mengikutnya. Namun, Tuhan memaafkan manusia. Dia Tuhan yang penyayang. Sekiranya hal ini datang kepada Bapa dengan ikhlas dan bertaubat, Dia akan memaafkan mereka." Kelembutan wajah terpancar daripada muka Yesus apabila Dia bercakap.

Kami berjalan antara lubang-lubang berapi semula dan melepasi lebih banyak lubang dan lebih banyak manusia yang disiksa seperti yang saya jelaskan lebih awal. Tuhanku, Tuhanku, sungguh dahsyat! Saya berfikir. Terus-menerus kami berjalan melepasi banyak jiwa-jiwa yang dibakar di neraka.

Sepanjang laluan tangan-tangan yang terbakar cuba menggapai Yesus. Hanya ada tulang-tulang dengan gumpalan daging terbakar dan daging busuk tergantung dalam bentuk cebisan. Di dalam setiap rangka manusia terdapat asap kelabu yang kotor-roh terperangkap di dalam rangka kering sela-lamanya. Saya dapat memberitahu daripada tangisan mereka akibat api, ulat-ulat, kesakitan dan tiada harapan. Tangisan mereka mengisi jiwa saya dengan penuh rasa kesedihan yang tidak dapat dijelaskan. Sekiranya mereka mendengar, mereka tidak akan berada di sini.

Saya tahu bahawa jiwa-jiwa sesat di neraka memiliki kesemua deria. Mereka mengingati semua perkara yang diberitahu kepada mereka. Mereka tahu bahawa tiada jalan keluar daripada api dan mereka sesat selama-lamanya. Walaupun tiada harapan, mereka masih berharap apabila mereka berteriak kepada Yesus agar dikasihani.

Kami berhenti di lubang berikutnya. Sama sepenuhnya seperti lubang-lubang lain. Di dalamnya seorang wanita, yang saya kenal pasti daripada suaranya. Dia berteriak kepada Yesus agar diselamatkan daripada api.

Yesus melihat ke arah wanita itu dengan kasih dan berkata, "Semasa kamu di bumi, Aku memanggilmu datang kepadaKu. Aku merayu kepadamu untuk agar hatimu dibetulkan mengikut kemahuan Aku sebelum terlambat. Aku melawatmu beberapa kali pada larut malam untuk memaklumkan kepadamu tentang kasihKu. Aku cuba memancingmu! Mengasihimu dan membawamu kepadaKu dengan RohKu.

"Ya Tuhan,' kamu berkata, 'Saya akan mengikutMu,' Dengan mulutmu kamu berkata kamu mengasihiku, tetapi hatimu tidak bermaksud demikian. Aku tahu hatimu. Aku sentiasa menghantar penghantar mesej kepadamu untuk memberitahumu agar bertaubat daripada dosa dan datang kepadaKu, tetapi kamu tidak mendengarKu. Aku mahu menggunakanmu untuk menjadi utusan kepada orang lain, membantu orang lain

datang kepadaKu. Namun, kamu mahukan dunia bukannya Aku. Aku memanggilmu, tetapi kamu tidak mahu mendengarKu, apalagi bertaubat daripada dosa-dosamu."

Wanita itu berkata kepada Yesus, "Kamu mengingatnya, Tuhan, saya pergi ke gereja sebagai wanita yang baik. Saya menyertai gereja. Saya menjadi ahli gerejaMu. Saya tahu panggilanMu dalam hidup saya. Saya tahu bahawa saya patut patuh dan berkorban segalanya, dan saya patuh."

Yesus berkata, "Perempuan, kamu penuh dengan penipuan dan dosa. Saya memanggilmu, tetapi kamu tidak mendengarKu! Benar, kamu ahli gereja, tetapi menjadi ahli gereja bukan penentu kamu ke syurga. Kamu banyak dosa, dan kamu tidak bertaubat. Kamu menyebabkan orang lain tersandung dengan Kata-kataKu. Kamu tidak memaafkan orang apabila mereka menyakitimu. Kamu berpura-pura kasih dan melayanKu apabila kamu bersama orang-orang Kristian, tetapi apabila kamu tidak bersama orang-orang Kristian, kamu menipu, memperdaya dan mencuri. Kamu melayan iblis yang menggoda dan menikmati hidup berkembar(double life). Kamu tahu jalan yang lurus dan jalan yang sempit."

"Dan," Yesus berkata, "kamu juga memiliki lidah berkembar. Kamu bercakap tentang abang dan kakak dalam Kristus. Kamu menghakimi mereka dan berpendapat kamu lebih suci daripada mereka, apabila ada dosa yang melampau dalam hatimu. Aku tahu ini, kamu tidak akan mendengar kepada RohKu yang mengasihani. Kamu menghakimi luaran seseorang, tanpa mengambil kira fakta bahawa ada banyak anak yang beriman. Kamu sangat degil.

"Ya, kamu berkata bahawa kamu mengasihani Aku dengan mulutmu, tetapi hatimu jauh daripadaKu. Kamu tahu cara Tuhan dan kamu faham. Kamu bermain-main dengan Tuhan, dan Tuhan tahu segalanya. Sekiranya kamu melayan Tuhan dengan ikhlas, kamu tidak akan berada di sini hari ini. Kamu tidak boleh melayan syaitan dan Tuhan pada masa yang sama."

Yesus berpaling ke arah saya dan berkata, "Banyak orang pada akhir zaman akan beralih daripada keimanan, melayan iblis yang menggoda dan melayan dosa. Keluar daripada mereka dan berpisah. Jangan berjalan seiring dengan mereka. " Apabila kami pergi dari situ, wanita itu mula menyumpah-nyumpah Yesus. Dia menjerit dan menangis dengan berang. Kami terus berjalan. Badan saya sangat lemah.

Di dalam lubang berikutnya terdapat rangka yang lain. Saya dapat menghidu bau bangkai sebelum tiba. Rangka ini kelihatan sama dengan rangka yang lain.

Saya tertanya-tanya hal yang dilakukan oleh jiwa ini sehingga tersesat dan tiada harapan, dengan tiada masa depan terkecuali selama-lamanya di tempat yang menakutkan ini. Neraka adalah untuk selama-lamanya. Apabila saya mendengar suara tangisan jiwa-jiwa diseksa, saya turut menangis.

Saya mendengar seorang wanita bercakap kepada Yesus daripada lubang berapi. Dia sedang memetik Kata-kata Tuhan. "Oh Tuhan, apa yang dia buat di sini?" saya bertanya.

"Dengar," kata Yesus.

Wanita itu berkata, "Yesus adalah Jalan, Kebenaran dan Hidup. Tiada sesiapa pun datang kepada Bapa kalau tidak melalui Dia. Yesus Penerang Dunia. Datanglah kepada Yesus, dan Dia akan menyelamatkan anda."

Apabila dia bercakap, banyak jiwa-jiwa sesat sekelilingnya mendengar. Ada antara mereka menyumpahnya. Ada yang memintanya berhenti. Masih ada yang berkata, "Benarkah masih ada peluang?" atau "Tolong kami, Yesus." Tangisan kesedihan yang besar mengisi udara.

Saya tidak faham hal yang sedang berlaku. Saya tidak tahu sebab wanita itu berkhotbah gospel di sini.

Tuhan tahu fikiran saya. Dia berkata, "Anakku, Aku memanggil wanita ini semasa berusia tiga puluh untuk berkhotbah Kata-kataKu dan menjadi saksi gospel. Aku memanggil orang yang berlainan demi motif yang berbeza di dalam TubuhKu. Sekiranya lelaki atau perempuan tidak mahu RohKu. Aku akan pergi.

"Ya, dia menjawab panggilanKu untuk beberapa tahun, dan dia menjadi semakin berpengetahuan tentang Tuhan. Dia mempelajari suaraKu, dan dia melakukan banyak kerja kebajikan untuk Aku. Dia mempelajari Kata-kataKu. Dia sentiasa berdoa, dan banyak doa-doanya dimakbulkan. Dia mengajar banyak orang cara hidup yang suci. Dia seorang yang beriman di rumahnya.

"Beberapa tahun kemudian dia mendapati suaminya mempunyai hubungan sulit dengan perempuan lain. Walaupun suaminya meminta maaf daripadanya, dia terus hidup dalam kepahitan dan tidak dapat memaafkannya dan cuba menyelamatkan rumah tangganya. Benar, suaminya bersalah, dan dia mengakui setiap dosanya.

"Namun perempuan ini tahu Kata-kataKu. Dia tahu bahawa keperluan memaafkan, dan dia tahu bahawa setiap godaan pasti ada jalan keluar. Suaminya memintanya agar memaafkan dirinya. Dia tidak mahu memaafkan suaminya. Malah, kemarahan mengambil alih akarnya. Kemarahan berkembang dalam dirinya. Dia tidak mahu kembali kepadaKu. Dia terus hidup dalam keperitan hari demi hari dan berkata dalam hatinya, 'Di sini saya melayani Tuhan selama ini, dan suamiku lari bersama perempuan lain! 'Adakah kamu berfikir semua ini betul?' Dia berkata kepadaKu.

"Aku berkata, 'Tidak, tidak betul. Dia datang kepadamu dan bertaubat serta menyatakan bahawa dia tidak akan mengulanginya lagi.

"Aku memberitahunya, 'Anak perempuanKu, lihat dalam dirimu, dan lihat kamu penyebabnya sendiri"

"'Bukan saya, Tuhan,' dia berkata, 'Saya seorang yang suci, dan dia seorang yang berdosa.' Dia tidak mahu mendengar Aku.

"Masa berlalu, dan dia tidak berdoa kepadaKu atau membaca Alkitab. Dia bukan sahaja marah kepada suaminya, tetapi juga orang-orang sekelilingnya. Dia memetik Ayat-ayat suci, tetapi dia tidak dapat memaafkannya.

"Dia tidak mahu mendengar Aku. Hatinya terus bersedih, dan dosa besar masuk dalam dirinya. Sifat bunuh berkembang dalam dirinya yang sebelum ini adanya kasih. Suatu hari, dalam kemarahan, dia membunuh suaminya dan juga perempuan lain itu. Syaitan menguasai dirinya dengan penuh, dan dia turut membunuh dirinya. "

Saya melihat ke arah jiwa sesat yang berputus asa terhadap Kristus dan memusnahkan jiwanya ke dalam api dan kesakitan selamanya. Saya mendengar dia memberi reaksi kepada Yesus. "Saya akan memaafkan sekarang, Tuhan," dia berkata. "Benarkan saya keluar. Saya akan mematuhiMu sekarang. Lihat, Tuhan, saya berkhotbah Kata-kataMu sekarang. Dalam sejam iblis akan datang mengambil saya untuk disiksa dengan lebih teruk. Untuk berjam-jam mereka akan menyiksa saya. Disebabkan saya berkhotbah tentang Kata-kataMu, seksaan untuk saya adalah lebih teruk. Tolonglah, Tuhan, saya merayu kepadaMu agar membenarkan saya keluar."

Saya menangis bersama wanita di dalam lubang dan meminta Tuhan mengelakkan saya daripada semua penderitaan di hati. "Jangan benarkan saya menerima kebencian datang ke hati saya, Tuhan Yesus," saya berkata.

"Mari, kita teruskan," Yesus berkata.

Di dalam lubang seterusnya terdapat roh seorang lelaki dibalut dengan rangka, menangis ke arah Yesus. "Tuhan," dia menangis, "tolong saya fahamkan sebab saya berada di sini."

Yesus berkata, "Bertenang, diam. Kamu faham sebab kamu berada di sini."

"Benarkan saya keluar, dan saya akan menjadi baik," rayu lelaki itu.

Tuhan berkata kepadanya, "Meskipun di neraka, kamu masih berbohong. "

Yesus kemudiannya berpaling ke arah saya dan berkata, "Lelaki ini berusia 23 tahun semasa dia datang ke sini. Dia tidak mendengar gospelKu. Dia mendengar tentangku banyak kali di rumahKu. Saya membawanya daripada RohKu hingga pengorbanan, tetapi dia mahukan dunia dan godaannya. Dia suka minum arak dan tidak mempedulikan panggilanKu. Dia dibesarkan di gereja, tetapi dia tidak menyerah kepadaKu. Suatu hari dia berkata kepadaKu. 'Saya akan memberikan hidup saya kepadaMu suatu hari nanti, Yesus.' Tetapi hari itu tidak pernah tiba. Suatu malam selepas parti, dia mabuk di dalam kereta yang ranap dan terbunuh. Syaitan memperdayakannya hingga akhir.

"Dia terbunuh serta-merta. Dia tidak mendengar panggilanKu. Semua yang lain turut terbunuh dalam kemalangan. Kerja syaitan adalah membunuh, mencuri dan memusnahkan. Sekiranya lelaki muda ini mendengar! Bukannya kehendak Bapa mahukannya mati. Syaitan mahukan roh lelaki ini, dan dia memusnahkannya dengan

kecuaian, dosa dan mabuk yang tegar. Banyak keluarga dan kehidupan dimusnahkan setiap tahun disebabkan arak. "

Sekiranya manusia dapat melihat bahawa nafsu dan keinginan dunia hanyalah untuk sementara waktu! Sekiranya kamu datang kepada Tuhan Yesus, dia akan menyelamatkan kamu daripada peminum yang kuat. Panggillah Yesus, Dia akan mendengar dan menolong kamu. Dia akan menjadi kawanmu. Ingatlah, Dia mangasihimu, dan Dia juga memiliki kuasa memaafkan dosa-dosamu.

Orang-orang Kristian yang berkahwin, Yesus mengingatkan kamu agar tidak melakukan perbuatan zina. Kamu juga tidak harus memiliki keinginan nafsu dengan seseorang yang berlainan jantina, walaupun kamu tidak melakukan perbuatan zina, kamu sudah berzina dalam hati kamu.

Orang muda, jauhkan diri daripada dadah dan dosa seks. Sekiranya kamu memiliki dosa, Tuhan akan mengampunimu. Panggilah Dia sekarang selagi masih ada masa. Carilah orang Kristian dewasa yang beriman, dan bertanya mereka jika kamu berupaya bercakap dengan mereka tentang masalah kamu. Kamu akan berbangga bahawa kamu mangambil masa sekarang di dunia sebelum terlambat.

Syaitan datang sebagai malaikat yang bercahaya untuk memperdayakan dunia. Tidak hairanlah dosa-dosa dunia manggoda lelaki muda, walaupun dia tahu Kata-kata Suci Tuhan. Namun kematian tiada belas kasihan. Dia menunggu terlalu lama.

Saya melihat roh seorang lelaki, dan saya teringat anak-anak saya. "Oh Tuhan, semoga mereka melayanimu!" Saya tahu bahawa banyak antara kamu yang membaca ini memiliki orang tersayang, mungkin anak-anak, yang kamu tidak mahu mereka ke neraka. Beritahulah mereka tentang Yesus sebelum terlambat. Beritahu mereka agar bertaubat daripada dosa dan jadikan mereka beriman.

Tangisan lelaki itu mengisi hati saya untuk beberapa hari. Saya tidak akan lupakan tangisan kesalannya. Saya teringat daging yang tergantung dan terbakar di dalam api. Saya tidak dapat melupakan pereputan, bau bangkai, lubang-lubang yang saya pernah lihat, roh-roh kelabu yang kotor dan ulat-ulat yang merangkak antara tulang-tulang. Bentuk seorang lelaki muda mengangkat tangannya merayu ke arah Yesus apabila kami berjalan ke arah lubang seterusnya.

"Oh Tuhan," saya berdoa, berikan saya kekuatan untuk meneruskan.

Saya mendengar suara seorang wanita manangis dalam keadaan terdesak. Tangisan orang-orang yang sudah meninggal ada di mana-mana.

Kemudian kami tiba di lubang yang mempunyai seorang wanita. Dia merayu-rayu dengan seluruh jiwanya ke arah Yesus agar membawanya keluar dari situ. "Tuhan," dia berkata, "tidakkah saya cukup lama di sini? Seksaan ini melebihi daripada tanggungan yang dapat saya tampung. Tolonglah Tuhan, benarkan saya keluar!" Tangisan menggeletar daripadanya dan kesakitan itu dapat didengar daripada suaranya. Saya tahu bahawa dia sangat menderita.

Saya berkata, "Yesus, tiada apa-apa yang dapat Kamu lakukan?"

Yesus kemudiannya berkata kepada wanita itu. "Semasa kamu di bumi," Dia berkata, "Aku memanggil dan memanggil kamu datang kepada Aku. Aku merayu agar hatimu mengikut kehendakKu, untuk memaafkan orang, berbuat perkara yang betul, menjauhkan diri daripada dosa. Walaupun Aku melawat kamu pada larut malam dan menarik kamu dengan RohKu dari masa ke masa. Dengan mulutmu kamu berkata kepadaKu bahawa kamu mengasihiku, tetapi hatimu jauh daripadaKu. Tidakkah kamu tahu bahawa apa-apapun tidak dapat disembunyikan daripada Tuhan? Kamu menipu orang lain, tetapi kamu tidak dapat menipu Aku. Aku menghantar orang untuk memberitahumu agar bertaubat, tetapi kamu tidak mendengar. Kamu tidak mahu mendengar, tidak mahu melihat, dan dalam kemarahan kamu berpaling daripada mereka. Aku menempatkan kamu di tempat kamu boleh mendengar Kata-kataKu. Namun kamu tidak mahu memberikan hatimu kepadaKu.

"Kamu tidak rasa bersalah, apatah lagi berasa malu dengan perbuatanmu. Kamu mengeraskan hatimu dan berpaling daripada Aku. Sekarang kamu tersesat dan selamanya-lamanya. Kamu sepatutnya mendengar Aku."

Pada ketika ini, dia melihat Yesus dan mula menyumpah-nyumpah Tuhan. Saya berasa kehadiran iblis-iblis dan tahu bahawa mereka yang menyumpah-nyumpah. Amat menyedihkan apabila tersesat selamanya di neraka! Lawanlah iblis selagi kamu dapat, dan dia akan pergi dari kamu.

Yesus berkata, "Dunia dan segala di dalamnya akan berlalu, tetapi Kata-kataKu tidak akan berlalu."

---

## **Bab 5**

# **Terowong yang Menakutkan**

Saya cuba untuk mengingati khutbah yang pernah saya dengar tentang neraka. Namun saya tidak pernah mendengar tentang kedahsyatan di neraka seperti yang ditunjukkan oleh Tuhan kepada saya di sini. Neraka sudah tentunya lebih dahsyat daripada sesiapaapun dapat fikirkan. Amat menyakitkan hati saya untuk tahu bahawa roh-roh yang disiksa sekarang di neraka adalah untuk selama-lamanya. Tiada jalan keluar dari sini.

Saya menetapkan bahawa saya harus melakukan segalanya dengan kuasa saya untuk menyelamatkan roh-roh daripada penghormatan ini. Saya harus memberitakan gospel kepada setiap orang yang saya jumpa, neraka merupakan tempat yang mengerikan, dan laporan ini adalah benar. Kamu sedar hal yang saya perkatakan sekarang? Sekiranya seseorang yang berdosa tidak bertaubat dan mempercayai gospel, mereka pastinya berakhir di sini.

Percaya kepada Tuhan Yesus Kristus, dan panggillah Dia untuk menyelamatkan kamu daripada dosa. Baca bab 3 dan 4 daripada Gospel John. Silalah baca buku ini dari

muka ke muka supaya kamu dapat memahami neraka dan kemudiannya. Apabila kamu membaca, berdoalah agar Yesus akan datang dalam hatimu dan membersihkan kamu daripada dosa sebelum terlambat.

Yesus dan saya berjalan terus di neraka. Laluannya ada kesan terbakar, kering, merekah dan gersang. Saya melihat barisan lubang sepanjang penglihatan yang dapat saya lihat. Saya sangat letih. Hati saya, semangat saya, remuk setelah melihat dan mendengar segalanya malah saya tahu ada banyak lagi di hadapan.

"Yesus, berikan saya kekuatan untuk meneruskan," saya menangis.

Semasa Yesus membawa saya, saya berjalan rapat-rapat di belakangnya. Saya berasa sedih melihat dengan segala yang dahsyat. Saya tertanya-tanya dalam diri sama ada dunia akan mempercayai saya. Saya melihat ke kiri dan ke kanan serta belakang saya-terdapat lubang-lubang berapi sepanjang penglihatan saya. Saya dikelilingi oleh api, bernyala-nyala dan membakar jiwa-jiwa. Saya menangis dengan amat takut. Ketakutan dan realiti yang saya lihat melebihi daripada tanggungan yang dapat saya tampung.

"Oh bumi, bertaubatlah" saya menangis. Esakan yang kuat membuatkan saya menggigil semasa berjalan dengan Yesus. Saya terfikir-fikir apa yang seterusnya. Saya terfikir perkara yang dilakukan oleh keluarga dan kawan-kawan pada ketika itu. Oh, saya amat menyayangi mereka! Saya teringat dosa saya sebelum kembali kepada Yesus, dan berterima kasih kepada Tuhan kerana saya sudah kembali sebelum terlambat.

Yesus berkata, "Kita akan masuk ke terowong yang akan membawa kita masuk ke perut neraka. Neraka berbentuk seperti tubuh manusia yang terbaring di tengah-tengah bumi. Tubuh yang terbaring di atas belakang, dengan kedua-dua lengan dan kaki diregangkan ke luar. Saya memiliki tubuh yang mempercayai Yesus, maka neraka memiliki tubuh yang berdosa dan mati. Apabila tubuh Kristus terbina setiap hari, maka tubuh neraka juga terbina setiap hari."

Dalam perjalanan ke terowong, kami berjalan melalui nyalaan api daripada lubang yang kedengaran tangisan dan rintihan jahaman berderingan di telinga. Banyak jiwa yang memanggil-manggil Yesus apabila kami lalu. Jiwa-jiwa yang lain pula cuba memanjat lubang berapi untuk menggapainya, tetapi tidak dapat. Terlalu lambat, sudah terlambat, hati saya menangis.

Kesedihan terpancar di muka Yesus apabila kami berjalan. Saya teringat apabila melihat pada lubang-lubang berapi dan terfikir tentang kami pernah berkelah dan masak-memasak di kawasan belakang rumah serta rupa arang-arang yang panas ketika berbara untuk beberapa jam. Rupanya hampir sama seperti yang saya lihat di neraka.

Saya bersyukur semasa kami masuk ke terowong. Saya terfikir, terowong itu tidak mungkin seteruk lubang-lubang. Namun sangkaan saya salah!



Sebaik sahaja kami berada di dalam, saya mula dapat melihat ular-ular besar, tikus-tikus besar dan banyak iblis, kesemuanya melarikan diri daripada kehadiran Tuhan. Ular-ular berdesis kepada kami dan tikus-tikus berdecit. Terdapat banyak bunyi iblis. Ular-ular kapak dan bayang-bayang hitam melingkungi kami. Yesus merupakan satu-satunya cahaya yang dapat dilihat di dalam terowong. Saya berada serapat-rapatnya dengan Dia dengan semampu yang saya dapat.

Anak-anak syaitan dan iblis-iblis berada di sisi-sisi gua, dan kesemua mereka pergi ke atas dann keluar dari terowong. Saya kemudiannya mendapati bahawa iblis-iblis ini ke luar ke bumi untuk melakukan perintah syaitan.

Saya berasa takut dengan kegelapan, kelembapan, tempat yang kotor, Yesus berkata, "Jangan takut; kita akan berada di penghujung terowong sekejap lagi. Aku harus tunjukkan kepadamu kesemua ini. Mari, ikutlah Aku."

Ular-ular gergasi bergeluncur melepasi kami. Sebahagian ular-ular ini sebesar empat kaki kelilingnya dan 25 kaki panjang. Padat, bau yang tidak disenangi mengisi udara, dan iblis berada di mana-mana.

Yesus berkata. "Kita akan tiba di perut neraka tidak lama lagi. Bahagian neraka ini tujuh belas batu tinggi dan tiga batu keliling seperti sebuah bulatan. " Yesus memberikan saya ukuran yang tepat.

Saya akan cuba menggunakan keupayaan saya untuk menulis dan memberitahu apa yang saya lihat dan dengar. Saya akan membuatnya demi kemuliaan Bapa, kemuliaan Anak Tuhan dan kemuliaan Roh Kudus. Semoga keinginan Tuhan dipenuhi.

Saya tahu bahawa Yesus menunjukkan kepada saya kesemua ini supaya saya dapat memberi amaran kepada lelaki dan wanita di dunia agar menjauhi neraka dengan sekeras-kerasnya. Wahai saudara atau saudari, sekiranya kamu membaca ini dan kamu tidak mengenali Yesus, berhentilah sekarang, bertaubat daripada dosa-dosa, dan jemputlah Dia menjadi Juruselamatmu.

---

## Bab 6

# Aktiviti di Neraka

Di hadapan kami saya dapat melihat kesamaran, cahaya kuning. Yesus dan saya keluar dari terowong ketakutan dan sekarang berdiri di atas kayu panjang yang kotor melihat perut neraka. Sepanjang penglihatan saya, ada banyak aktiviti yang berlaku di bahagian tengah (perut) neraka.

Kami berhenti, dan Yesus berkata. "Saya akan membawa kamu masuk perut neraka, dan mendedahkan kepadamu banyak perkara. Mari, ikutlah Aku." Kami berdua meneruskan perjalanan.

Yesus berkata, "Di hadapan ada banyak ketakutan. Kesemuanya bukan khayalan seseorang-tetapi adalah perkara yang benar-benar berlaku. Pastikan untuk memberitahu para pembaca kuasa iblis adalah benar. Beritahu juga bahawa syaitan adalah benar, dan kuasa kegelapan adalah benar. Namun beritahu mereka agar jangan berputus asa, orang-orang Aku yang memanggil menggunakan Nama Aku akan merendahkan diri dan berdoa serta berpaling daripada kejahatan, mereka akan mendengar dari syurga dan pulih daripada tanah dan tubuh mereka (their lands and their bodies). Sama seperti syurga itu benar, maka neraka juga benar. "

Tuhan mahu kamu tahu tentang neraka, dan Dia mahu menyelamatkan kamu daripada tempat itu. Tuhan mahu kamu tahu bahawa kamu mempunyai jalan keluar. Jalan itu ialah Yesus Kristus, Penyelamat roh kamu. Ingatlah, hanya mereka yang memiliki namanya tertulis di dalam Buku Kehidupan Anak Domba (Lamb's Book of Life) akan diselamatkan.

Kami melihat aktiviti pertama di perut neraka. Aktiviti yang berlaku di bahagian kanan dari tempat kami masuk dan di atas bukit kecil di penjuru kegelapan neraka.

Saya teringat kata-kata Tuhan apabila Dia berkata kepada saya, "Kadangkala seolah-olah Aku meninggalkanmu, tetapi Aku tidak akan meninggalkanmu. Ingatlah bahawa Aku memiliki semua kuasa di syurga dan bumi. Kadangkala iblis-iblis dan jiwa-jiwa sesat tidak dapat melihat kami di sini. Jangan takut. Apa yang kamu bakal lihat adalah benar. Hal ini sedang berlaku sekarang dan akan berlanjutan terjadi sehingga kematian dan neraka dicampak ke dalam tasik berapi."

Pembaca, pastikan nama kamu tertulis di dalam Buku Kehidupan Anak Domba (Lamb's Book of Life).

Di hadapan kami dapat didengar suara-suara dan tangisan jiwa-jiwa yang diseksa. Kami berjalan naik ke atas bukit kecil dan melihat secara menyeluruh. Cahaya menerangi tempat itu, saya dapat melihat dengan jelas. Tangisan yang mungkin kamu tidak pernah fikirkan mengisi udara. Tangisan itu merupakan tangisan seorang lelaki.

"Dengar kata-kata Aku," Yesus berkata. "Apa yang bakal kamu lihat dan dengar adalah benar. Dengar baik-baik kamu yang menjadi jemaah gospel, bahawa semua ini

boleh dipercayai dan diperkatakan dengan benar. Bangunlah, mubaligh Kristian, pengkhotbah, dan guru-guru Kata-kataKu, semua kamu yang dipanggil untuk berkhotbah tentang gospel Yesus Kristus. Sekiranya kamu berdosa, bertaubatlah atau juga akan mati."

Kami berjalan dalam lingkungan lima belas kaki daripada aktiviti ini. Saya melihat rupa sesuatu yang berpakaian hitam berkawat mengelilingi objek seperti kotak. Apabila melihat secara dekat, saya melihat kotak itu merupakan sebuah keranda dan rupa-rupa yang berkawat mengelilinginya ialah para iblis. Keranda itu benar, dan terdapat dua belas iblis sedang berkawat mengelilinginya. Apabila mereka berkawat, mereka bernyanyi dan ketawa. Setiap mereka mempunyai lembing tajam di tangan, sambil merodok ke dalam keranda melalui pembukaan kecil yang bergaris di luar.

Terdapat perasaan takut yang amat di udara dan saya menggigil melihatnya di hadapan saya.

Yesus tahu fikiran saya, Dia berkata, "Anak, ada banyak jiwa yang disiksa di sini, dan terdapat banyak jenis seksaan untuk jiwa-jiwa ini. Hukuman yang lebih berat untuk mereka yang berkhotbah dan kembali berdosa, atau untuk mereka yang tidak menurut panggilan Tuhan dalam hidup mereka. "

Saya mendengar tangisan yang bersungguh-sungguh yang mengisi hati saya rasa putus harapan. "Tiada harapan, tiada harapan!" dia memanggil. Tangisan tiada harapan itu datang dari keranda. Raungan penyesalan yang tiada penamatnya.

"Tuhan, betapa dahsyatnya!" saya berkata.

"Mari," Yesus berkata, "mari melihat secara dekat." Dengan itu, Dia berjalan atas keranda melihat ke dalam. Saya menurut dan juga melihat ke dalam. Kelihatan roh-roh jahat tidak dapat melihat kami.

Asap kelabu yang kotor berada di dalam keranda. Jiwa seorang lelaki. Semasa saya melihat, iblis-iblis menusuk lembing-lembing ke lelaki di dalam keranda ini.

Saya tidak dapat melupakan penderitaan jiwa ini. Saya menangis kepada Yesus, "Biarkan dia keluar, Tuhan; biarkan dia keluar." Seksaan untuk jiwa ini dilihat sangat dahsyat. Sekiranya dia dapat bebas. Saya menarik tangan Yesus dan merayunya agar membenarkan lelaki itu keluar dari keranda.

Yesus berkata, "Anakku, bertenang, diam."

Apabila Yesus bercakap, lelaki itu nampak kami. Dia berkata, "Tuhan, benarkan saya keluar. Kasihanilah." Saya melihat ke bawah dan melihat lumuran darah. Di hadapan mata saya merupakan seorang jiwa. Di dalam jiwa terdapat jantung manusia, dan pancutan darah darinya. Rodokan lembing-lembing betul-betul menusuk jantungnya.

"Saya akan melayanimu sekarang, Tuhan." Dia merayu, "Tolonglah benarkan saya keluar." Saya tahu bahawa lelaki ini merasai setiap tusukan lembing ke jantungnya.

"Siang dan malam, dia disiksa," Tuhan berkata. "Dia diletakkan di sini oleh syaitan yang menyeksanya."

Lelaki itu menangis, "Tuhan, saya akan berkhotbah tentang gospel yang benar. Saya akan memberitahu tentang dosa dan neraka. Namun tolonglah keluarkan saya dari sini."

Yesus berkata, "Lelaki ini merupakan pengkhotbah Kata-kata Tuhan. Suatu ketika dia melayani Aku dengan seluruh jiwanya dan membawa banyak orang untuk diselamatkan. Sebilangan orang yang memeluk Kristian olehnya masih melayani Aku hari ini. Beberapa tahun kemudian, nafsu daging dan penipuan untuk kaya membawanya tersesat. Dia membenarkan syaitan bertakhta dalam dirinya. Dia memiliki gereja yang besar, kereta mewah, gaji yang besar. Dia mula mencuri wang persembahan gereja. Dia mula berkhotbah sesuatu yang tidak benar. Kebanyakannya dia bercakap dengan separuh menipu dan separuh benar. Dia tidak membenarkan Aku membetulkannya. Aku menghantar Pembawa Mesej untuk memberitahunya agar bertaubat dan berkhotbah sesuatu yang benar, tetapi dia suka akan keseronokan hidup daripada hidup dengan Ketuhanan. Dia tahu agar tidak mengajar atau berkhotbah doktrin yang lain kecuali yang benar dan terdapat dalam Alkitab. Sebelum dia meninggal, dia mengatakan bahawa baptis dengan Roh Kudus adalah penipuan dan mereka yang menyatakan mempunyai Roh Kudus merupakan hipokrit. Dia berkata kamu boleh menjadi pemabuk dan masuk ke syurga, walaupun tanpa bertaubat.

"Dia berkata Tuhan tidak akan menghantar sesiapa ke neraka-Tuhan terlalu baik untuk tidak berbuat demikian. Dia menyebabkan banyak orang yang baik tersungkur daripada kurniaan Tuhan. Bahkan dia pernah mengatakan bahawa dia tidak memerlukan Aku, seolah-olah dia ialah Tuhan. Dia tersasar jauh sehingga mengadakan seminar yang mengajar doktrin yang salah ini. Dia memijak-mijak Kata-kata SuciKu di bawah kakinya. Namun, Aku terus mengasihinya.

"Anakku, lebih baik tidak mengenaliKu daripada mengenali Aku dan berpaling daripada melayani Aku," kata Tuhan.

"Sekiranya dia mendengar Kamu, Tuhan!" saya menangis. "Jika dia hanya mengambil berat tentang rohnya dan roh-roh orang lain. "

"Dia tidak mendengar Aku. Apabila Aku memanggil dia tidak mendengar Aku. Dia lebih suka hidup yang ringkas. Aku memanggil dan memanggilnya agar bertaubat, tetapi dia tidak kembali kepada Aku. Suatu hari dia terbunuh dan terus datang ke sini. Sekarang syaitan menyeksanya kerana pernah berkhotbah tentang Kata-kata Aku dan menyelamatkan banyak jiwa untuk kerajaan Aku. Ini merupakan seksaannya."

Saya melihat iblis-iblis terus berkawat mengelilingi keranda. Jantung lelaki itu berdenyut dan darah mengalirkeluar dengan deras. Saya tidak dapat melupakan tangisannya dan kesedihannya.

Yesus melihat ke arah lelaki di dalam keranda itu dengan perasaan penuh belas kasihan dan berkata, "Darah daripada banyak jiwa sesat terletak di tangan lelaki ini.

Banyak daripada mereka diseksa di sini sekarang." Dengan rasa sedih, Yesus dan saya terus berjalan.

Semasa kami meninggalkannya, saya melihat kumpulan iblis yang lain datang ke keranda itu. Mereka lebih kurang tiga kaki tinggi, memakai pakaian hitam, dengan tudung hitam menutupi muka. Mereka bertukar giliran untuk menyeksa jiwa ini.

Saya terfikir betapa sombongnya kita semua yang membuatkan kadangkala kita tidak mahu mengaku salah dan meminta ampun. Kita menolak untuk bertaubat dan merendah diri, dan kita terus begini seolah-olah kita sahaja yang betul. Namun dengar, jiwa, neraka itu benar. Tolonglah jangan pergi ke tempat itu.

Kemudian Yesus menunjukkan kepada saya sebuah jam gergasi, terbentang ke seluruh dunia. Saya mendengar bunyinya berdetik. Posisinya masanya menunjukkan hampir pukul dua belas, dengan minitnya menunjukkan tiga minit sebelum dua belas. Secara perlahan-lahan minitnya bergerak mengikut masa. Apabila bergerak, detikannya semakin kuat kedengaran sehingga seolah-olah mengisi seluruh bumi.

Tuhan bercakap seperti trompet, dan suaraNya seperti air yang banyak. "Dengar hal yang diperkatakan oleh iblis kepada gereja-gereja," Dia berkata. "Bersedia, semasa kamu berfikir bukan pada masanya, saya akan kembali semula. Saya mendengar detikannya. Pukul dua belas. Pengantin lelaki datang untuk pengantin perempuannya."

Adakah kamu bersedia untuk kedatangan Kristus, kawanku? Atau kamu akan menjadi seperti mereka yang berkata, "Bukan hari ini, Tuhan?" adakah kamu akan memanggilNya dan diselamatkan? Mahukah kamu memberikan hatimu kepadaNya hari ini? Ingatlah, Yesus berupaya dan akan menyelamatkan kamu daripada iblis jika kamu memanggilNya hari ini, dan bertaubat. Berdoalah untuk keluargamu dan orang tersayang agar mereka datang kepada Kristus sebelum terlambat.

Dengar seperti Yesus berkata, "Aku akan melindungimu daripada iblis. Aku akan menyimpanmu dengan apa carapun. Aku akan menyelamatkanmu. Aku akan menyelamatkan orang kesayanganmu. Panggil Aku hari ini dan hidup. "

Dengan linangan air mata, saya berdoa agar semua orang yang membaca buku ini akan sedar tentang kebenaran sebelum terlambat. Neraka adalah untuk selamanya. Saya cuba dengan sedaya upaya saya untuk mendedahkan segalayang saya lihat dan dengar. Saya tahu bahawa semua ini adalah benar. Semasa kamu membaca yang selebihnya dalam buku ini, saya berdoa agar kamu akan bertaubat dan menerima Yesus Kristus sebagai Juruselamat kamu.

Saya mendengar Tuhan berkata "Sudah tiba masanya untuk pergi. Kita akan kembali esok."

---

## Bab 7

# Perut Neraka

Pada malam berikutnya Yesus dan saya ke neraka lagi. Kami mula-mula masuk ke ruangan yang besar yang terbuka. Sepanjang penglihatan saya, aktiviti iblis sedang berjalan. Banyak aktiviti tertumpu di sekeliling kami. Hanya sepuluh kaki begitu daripada tempat kami berada, saya perasan kebanyakannya aktiviti-aktiviti pelik kerana banyak bentuk iblis dan roh-roh jahat tergesa-gesa masuk dan keluar dari tempat tertentu.

Pandangan itu seolah-olah daripada filem seram. Sepanjang yang dapat saya lihat, ada jiwa-jiwa yang diseksa, iblis dan malaikatnya sedang dalam perjalanan untuk melakukan kerja mereka. Dalam separuh kegelapan itu kedengaran jeritan penderitaan dan putus harapan.

Yesus berkata, "Anak, syaitan merupakan penipu dan penyeksa jiwa-jiwa di neraka. Banyak kuasa-kuasa jahat di sini juga pergi ke bumi untuk menyakiti, menyebabkan penderitaan dan memperdaya manusia. Saya akan menunjukkan hal-hal yang kamu tidak pernah lihat begitu teliti sebelum ini. Sebahagian yang kamu akan lihat akan berlaku sekarang, manakala yang lain bakal berlaku pada masa akan datang. "

Sekali lagi saya melihat ke hadapan. Tanah berwarna perang muda, tiada hidupan, tiada rumput atau sesuatu yang hijau. Kesemuanya mati atau akan mati. Sesetengah tempat pula sejuk dan lembap, manakala ada tempat yang panas dan kering. Bau yang teruk daripada pereputan akibat dibakar dan pereputan daging bercampur dengan bau organ-organ, hapak sampah dan tanah reputan sentiasa ada.

"Syaitan menggunakan pelbagai perangkap dan jerat untuk memperdayakan orang-orang milik Tuhan," Yesus berkata. "Semasa lawatan kita ke neraka, saya akan menunjukkan kepadamu pelbagai muslihat licik dan tersembunyi iblis."

Kita berjalan bebrapa ela apabila saya nampak kegelapan, objek hitam muncul di hadapan kami. Kelihatan mereka bergerak ke atas dan ke bawah, mengecil dan bertambah. Setiap kali mereka bergerak memberikan bau yang sangat busuk dan lebih busuk daripada kebiasaan, bau yang tidak menyenangkan mengisi udara di neraka.

Saya akan cuba menerangkan apa yang saya lihat sebaik mungkin. Semasa objek besar, tergantung dan berwarna hitam terus mengecil, mengembang dan mengeluarkan bau busuk, saya perasan sesuatu seperti tanduk, berwarna hitam, keluar darinya dan bergerak ke atas ke bumi. Saya perasan ada sesuatu yang besar, jantung hitam dan ada banyak laluan masuk ke dalamnya. Rasa takut yang dahsyat menguasai saya.

Yesus tahu fikiran saya dan berkata, "Jangan takut. Inilah jantung neraka. Nanti kita akan masuk ke dalam, tetapi sekarang kita perlu masuk blok sel neraka."

Blok sel neraka terletak dalam bulatan di perut neraka. Sel-sel ini mempunyai ketinggian tujuh belas batu. Saya melihat ke atas, dan saya nampak ada longkang

perang yang besar antara sel-sel dengan bahagian bawah atau perut neraka. Pada pandangan saya longkang itu kira-kira enam kaki dalam dan saya tertanya-tanya cara untuk saya melangkahnya. Saya kemudiannya tidak terfikir tentang kami berada di atas belebas, di tingkat pertama daripada sel-sel. Belebas berfungsi sebagai laluan keliling sel-sel yang juga sebagai posisi untuk seseorang melihat ke luar dari perut neraka.

Yesus berkata, "Hal ini adalah tepat dan benar. Kematian dan neraka akan dicampak ke dalam tasik berapi suatu hari nanti. Sehingga pada ketika itu, inilah tempat neraka. Sel-sel ini akan berterusan di sini, penuh dengan jiwa-jiwa berdosa, seksaan dan penderitaan.

"Aku memberikan hidupKu supaya kamu tidak perlu datang ke sini. Aku tahu kengerian ini benar, tetapi belas kasihan BapaKu adalah benar juga. Jika kamu menerimanya, Dia akan mengampunkanmu. Panggillah Dia dalam nama Aku hari ini."

---

## **Bab 8** **Sel-sel di Neraka**

Yesus dan saya berdiri di atas belebas di tingkat pertama daripada sel-sel. Belebas itu lebih kurang empat kaki lebar. Saya melihat ke atas, sepanjang yang dapat saya lihat, terdapat belebas yang lain dengan bulatan besar mengelilingi suatu lubang yang besar. Sebelah belebas, atau laluan, terdapat sel-sel yang digali ke dalam bumi. Seperti penjara-penjara, sel-sel ini semuanya sebaris, dengan hanya dua kaki tanah memisahkannya.

Yesus berkata, "Sel blok ini tujuh belas batu tinggi, bermula dari dasar neraka. Sel-sel di sini memuatkan banyak jiwa yang mengamalkan sihir atau kuasa ghaib. Ada antara mereka merupakan ahli sihir, perantara, pengedar dadah, penyembah berhala, atau orang jahat yang rapat dengan roh-roh jahat. Jiwa-jiwa ini bekerja keras membenci dan menentang Tuhan-banyak antara mereka sudah berada di sini ratusan tahun. Golongan ini tidak mahu bertaubat, terutamanya mereka yang memperdayakan orang dan membiarkan mereka berjauhan dengan Tuhan. Jiwa-jiwa ini membuat kejahatan yang menentang Tuhan dan orang-orangnya. Iblis dan dosa merupakan kesayangan dan kehairahan mereka. "

Semasa saya mengikut Tuhan di laluan, saya melihat ke bawah ke arah pusat neraka, yang terdapat banyak banyak aktiviti. Cahaya yang samar-samar kadangkala menyinar, dan saya dapat melihat pergerakan banyak lembaga. Sepanjang yang dapat saya lihat di hadapan kami merupakan sel-sel.

Saya terfikir sendiri bahawa seksaan di sel-sel mungkin tidak seteruk di lubang-lubang. Di sekeliling saya kedengaran tangisan dan rintihan serta jeritan jahanam di dalam sel-sel. Saya mula menjadi sangat sakit. Kesedihan yang teramat mengisi hati saya.

Yesus berkata, "Aku tidak membenarkan kamu mendengar tangisan itu hingga sekarang, anakku. Tetapi sekarang Aku mahu menunjukkan kepadamu bahawa syaitan datang untuk mencuri, membunuh dan memusnahkan. Di neraka, terdapat seksaan yang berbeza untuk jiwa-jiwa yang berbeza. Syaitan mentadbir seksaan ini sehingga penghakiman, sehingga kematian dan neraka dicampak ke tasik neraka. Tasik berapi datang ke neraka pada waktunya. "

Semasa kami berjalan sepanjang belebas, suara-suara kedengaran semakin kuat. Tangisan yang kuat datang dari dalam sel-sel. Saya berjalan dekat dengan Yesus, Dia berhenti di hadapan sel ketiga. Cahaya yang terang menerangi dari dalam sel. Di dalam sel itu terdapat seorang perempuan sedang duduk di atas kerusi goyang, bergoyang dan menangis sehingga hatinya hampir meledak. Saya tidak tahu sebabnya, tetapi saya terperanjat apabila mendapati wanita ini dalam keadaan manusia sebenar yang memiliki badan.

Sel itu kelihatan kosong melainkan wanita yang duduk di atas kerusi goyang. Dindingnya dibuat daripada tanah terang dan kotor serta tanah reputan bumi. Pintunya merupakan keseluruhan sel di hadapan. Pintu ini dibuat daripada besi hitam dengan palang-palang yang terkunci. Palang-palang itu mempunyai lebar yang luas antara palang, Yesus dan saya memiliki pandangan yang hampir terhad pada keseluruhan sel.

Wanita tua itu berwarna keabu-abuan-daging bercampur dengan warna kelabu. Dia sedang bergoyang ke belakang dan ke depan. Semasa goyang, air mata mengalir keluar turun ke pipinya. Saya tahu daripada air mukanya yang menderita bahawa dia sangat sakit dan menderita daripada seksaan yang tidak kelihatan. Saya tertanya-tanya apa yang menyebabkan dia dihukum dengan dipenjarakan di sini.

Secara tiba-tiba, di hadapan mata saya, wanita itu mula berubah rupa-mula-mula seorang tua, lelaki tua, kemudian bertukar kepada perempuan muda, wanita pertengahan umur dan kembali kepada wanita tua seperti yang mula-mula saya lihat tadi. Dengan terkejut, saya melihat dia mengalami perubahan demi perubahan.

Apabila dia melihat Yesus, dia menangis, "Tuhan, kasihanilah saya. Benarkan saya keluar dari tempat seksaan ini. " Dia menyengetkan krusinya ke hadapan dan ingin mencapai Yesus, tetapi tidak berupaya mencapainya. Perubahan terus berlaku. Kesemua perubahan ini mengambil masa beberapa minit.

Saya bertanya Yesus, "Mengapa, Tuhan?"

Sekali lagi dia menjerit, "Oh Tuhan, benarkan saya keluar sebelum mereka kembali." Sekarang dia berdiri di depan sel, menggenggam palang-palang dengan genggaman kuat. Dia berkata, "Saya tahu kasihMu adalah realiti. Saya tahu kasihMu adalah benar. Benarkan saya keluar!" Wanita itu kemudiannya menangis dengan gementar, saya nampak sesuatu mula mengoyakkan daging daripada badannya.

"Rupanya bukan seperti yang dijelma," kata Tuhan.



Wanita itu kembali duduk di kerusi dan mula goyang. Namun hanya rangka yang duduk di kerusi goyang-rangka dengan kabus kotor di dalamnya. Tempat yang sebelum ini ialah badan yang memiliki pakaian hanya beberapa minit berlalu, sekarang hanya ada tulang yang hitam dan terbakar dengan ruangan kosong di bahagian mata. Jiwa wanita ini merintih dan menangis kepada Yesus dalam taubat. Namun tangisannya sudah terlambat.

"Kembali semasa di bumi" kata Yesus, "wanita ini seorang perempuan sihir dan menyembah syaitan. Dia bukan sahaja ahli sihir, tetapi juga mengajar ilmu sihir kepada orang-orang lain. Semenjak dia seorang kanak-kanak, keluarganya mengajar dia kesenian yang gelap. Mereka lebih menyukai kegelapan berbanding kecerahan.

"Banyak kali," kata Tuhan, "Aku memanggilnya bertaubat. Dia mempermainkan Aku dan berkata, 'Saya seronok melayani syaitan. Saya akan terus melayaninya.' Dia menolak kebenaran dan tidak mahu bertaubat daripada dosanya. Dia menyebabkan banyak orang menjauhi Tuhan, sebahagian daripada mereka berada di neraka bersamanya hari ini. Jika dia bertaubat, saya akan menyelamatkannya dan banyak ahli keluarganya yang lain, tetapi dia tidak mahu mendengar.

"Syaitan memperdayakan wanita ini agar mempercayainya bahawa dia akan menerima kerajaan sendiri sebagai ganjaran kerana melayaninya. Dia memberitahunya bahawa dia tidak akan mati, tetapi akan mempunyai kehidupan bersama dengannya selamanya. Dia meninggal semasa memuji-muji syaitan dan datang ke sini lalu bertanyanya tentang kerajaannya. Syaitan, bapa pembohongan, mentertawakannya dan berkata, 'Adakah kamu fikir saya akan mengagihkan kerajaan saya dengan kamu? Inilah kerajaanmu.' Dia menguncinya di sel ini dan menyeksanya siang dan malam.

"Semasa di bumi wanita ini mengajar banyak ilmu sihir, sama ada ilmu yang bukan hitam mahupun ilmu hitam, untuk membuat sihir. Salah satu sihirnya adalah menukarkan wanita muda menjadi wanita pertengahan umur dan kepada wanita tua-malah kepada lelaki tua. Memang menyeronokkan pada waktu itu untuk menukar dan menakutkan ahli-ahli sihir yang kurang kuasa sihir dengan saktinya. Namun sekarang dia menderita kesakitan di neraka, dan dagingnya terkoyak dengan setiap perubahan. Dia tidak dapat mengwalnya sekarang, dan terus berubah daripada satu rupa kepada rupa yang lain tetapi rupa asalnya ialah kabus kotor di dalam rangka. Syaitan mempergunakannya untuk tujuan jahatnya serta mencemuh dan mempermain-mainkannya. Dengan kerap dia dibawa kepada syaitan untuk diseksa demi kegembiraannya.

"Aku memanggilnya banyak kali, dan mahu menyelamatkannya. Namun dia tidak mahukan Aku. Sekarang dia meminta-minta dan merayu agar diampunkan, tetapi sudah terlambat. Sekarang dia tersesat tanpa harapan."

Saya melihat wanita yang tersesat ini selamanya dia dalam penderitaan dan kesakitan, dan meskipun dia jahat, hati saya mengasihani. "Tuhan, betapa dahsyatnya!" saya berkata sambil menangis.

Kemudian, sebaik Yesus dan saya tiada di situ, iblis perang yang kotor, dengan kepak yang terkoyak, bersaiz dan mempunyai rupa seakan-akan beruang besar, datang di hadapan sel dan membukanya dengan kunci. Wanita ini menjerit dengan ketakutan apabila iblis mula menyerangnya dan menariknya keluar dari sel.

Yesus berkata, "Iblis ini sentiasa menyeksanya." Saya melihatnya ditarik keluar dari sel dan dibawa pergi.

"Tuhanku," saya bertanya, "tiada apa-apa yang dapat kita buat?" Saya berasa kasihan dengannya.

"Sudah terlambat!" balas Yesus. " Sudah terlambat."

---

## **Bab 9**

# **Kedahsyatan Neraka**

Saya faham sebab orang di sel-sel perut neraka diseksa berlainan dengan seksaan di tempat lain. Ada banyak yang saya tidak faham. Saya mendengar Yesus dan merekodkan semua yang didengar dan lihat demi kemuliaan Tuhan.

Sepanjang yang dapat saya lihat, sel-sel ini seolah-olah bulatan yang tidak berpenghujung. Terdapat juga seorang jiwa di dalam sebuah sel. Suara merintih, meraung, mengeluh dan mengerang datang daripada sel-sel apabila kami berjalan melalui mereka.

Kami berjalan tidak jauh sehingga Yesus berhenti di hadapan sel yang lain. Semasa kami melihat ke dalam, datanglah cahaya (cahaya dari Yesus). Saya berdiri dan melihat ke arah jiwa yang saya tahu dalam seksaan yang dahsyat! Jiwa seorang wanita, dan berwarna biru-kelabu. Dagingnya sudah mati, dan bahagian daging yang mereput terjatuh daripada tulang-tulang. Tulang-tulanganya terbakar sehingga kehitaman, dan dia memakai cebisan kain yang compang-camping. Ulat-ulat merangkak keluar dari daging dan tulang-tulang. Bau busuk mengisi sel.

Sama seperti wanita sebelum ini, dia juga duduk di atas kerusi goyang. Dia sedang memegang patung buruk. Apabila goyang, dia menangis dan memegang patung ke dadanya. Esakan yang kuat menggoyangkan badannya dan raungan yang kuat datang dari sel.

Yesus memberithu saya, "Dia juga seorang hamba syaitan. Dia menjual rohnya kepadanya, dan semasa hidupnya, dia mengamalkan segala kejahatan. Ilmu sihir memang wujud," kata Yesus. "Wanita ini mengajar dan mengamalkan ilmu hitam serta membawa banyak orang ke arah dosa. Mereka yang mengajar ilmu hitam menerima perhatian yang istimewa dan kuasa yang hebat daripada syaitan berbanding dengan mereka yang mengamalkannya secara sederhana. Dia seorang tukang ramal, nujum dan perantara kepada ketuanya.

"Dia mendapat pertolongan daripada syaitan dan semua iblis yang diabdikannya. Dia tahu cara untuk menggunakan kuasa gelap untuk dirinya dan untuk syaitan. Dia pergi kepada iblis-khidmat melnyembah dan memuji syaitan. Dia merupakan wanita yang berpengaruh kepadanya."

Saya terfikir-fikir berapa banyak jiwa yang diperdayakannya untuk syaitan. Saya rangka seorang jiwa, menangis atas patung buruk-hanya sehelai kain yang kotor. Kesedihan mengisi hati saya, dan air mata bergenang di mata saya. Dia memegang erat patung buruk itu seolah-olah dapat membantunya, atau mungkin dia dapat membantunya. Bau bangkai mengisi tempat itu.

Kemudian saya melihat dia mula bertukar kepada wanita lain. Pada mulanya seorang wanita zaman 1930-an dan kemudiannya wanita zaman ini. Masa ke masa, dia melakukan transformasi ini di hadapan kami.

"Wanita ini," kata Yesus, "sama seperti pengkhotbah untuk syaitan. Sama juga gospel yang benar dikhotbahkan kepada kita daripada jemaah yang benar, maka syaitan mempunyai jemaah yang palsu. Dia memiliki kuasa syaitan yang paling kuat, yang memerlukan mereka menjual roh sendiri untuk mendapat kuasa itu. Pemberian syaitan adalah seperti bahagian berlawanan duit syiling berbanding dengan kurniaan spiritual daripada Yesus kepada penganutnya. Inilah kuasa kegelapan.

"Inilah kerja-kerja syaitan dalam ilmu ghaib, kedai ilmu sihir, mentafsir tapak tangan, dan pelbagai cara lagi. Perantara syaitan merupakan pekerja syaitan yang berkuasa. Individu-individu ini betul-betul diperdayakan dan rohnya dijual sepenuhnya kepada syaitan. Sebilangan pekerja syaitan tidak berupaya bercakap dengan syaitan melainkan perantara bercakap dengan mereka. Mereka menjadikan manusia dan binatang sebagai korban kepada syaitan.

"Banyak orang memberikan roh-roh mereka kepada syaitan. Mereka memilih untuk melayani mereka berbanding Aku. Pilihan mereka ialah kematian melainkan mereka bertaubat daripada dosa-dosa dan memanggil Aku. Aku boleh dipercayai, dan Aku akan menyelamatkan mereka daripada dosa-dosa. Banyak orang menjual roh mereka kepada syaitan dengan berpendapat mereka akan hidup selamanya. Namun mereka meninggal dalam keadaan mengerikan.

"Syaitan masih berfikir bahawa dia akan dapat menggulingkan Tuhan dan mengganggu rancangan Tuhan, tetapi dia sudah dikalahkan di salib. Aku mengambil kunci-kunci daripada syaitan, dan Aku memiliki segala kuasa di syurga dan di bumi.

"Selepas wanita ini meninggal, dia terus ke neraka. Iblis-iblis membawanya ke hadapan syaitan, dengan marahnya dia bertanyakan sebab iblis-iblis boleh mengawal mereka, kerana semasa di bumi dia yang mengawal mereka. Di sana mereka mengikut perintahnya. Dia juga bertanya syaitan tentang kerajaan yang dijanjikan kepadanya.

"Syaitan terus memperdayakannya walaupun sehingga selepas dia meninggal di bumi. Dia mengatakan bahawa dia akan mengembalikan hidupnya dan menggunakannya

lagi untuk tujuannya. Dengan penipuan, dia memberikan banyak jiwa, maka penipuan syaitan dianggap munasabah untuknya.

"Namun akhirnya, syaitan mentertawakan dan menghinanya. Dia memberitahunya, 'Aku memperdayakanmu dan mempergunakanmu selama beberapa tahun. Aku tidak akan memberikan kerajaanku.'"

Iblis melambai-lambaikan tangan kepada wanita itu, dan dagingnya terkoyak daripada tulang-tulangnya. Dia menjerit kesakitan semasa sebuah buku hitam dibawa kepada syaitan. Dia membukanya dan jarinya membelek-belek halaman sehingga dia menjumpai namanya.

"Oh, ya," syaitan berkata, "kamu telah melayani aku dengan baik semasa di bumi. Kamu telah membawa lebih daripada 500 orang jiwa." Dia berbohong kepadanya dan berkata kepadanya, "Hukuman kamu tidak akan seteruk dengan yang lain."

Suara ketawa yang terkekek-kekek kedengaran. Syaitan berdiri dan mengunjukkan jarinya ke arah wanita itu, dan angin yang kuat mengisi tempat itu. Bunyi seperti guruh datang daripadanya.

"Ha ha," kata syaitan, "dapatkan kerajaanmu jika kamu berupaya." Kemudian kuasa yang tidak kelihatan menghempasnya ke lantai.

"Kamu akan terus melayani aku di sini juga," syaitan mentertawakannya apabila dia cuba untuk bangkit. Wanita itu menjerit dalam kesakitan apabila dagingnya dikoyakkan daripada tulang-tulang daripada iblis-iblis. Dia dibawa ke kandangnya semula. Dia masih ingat janji-janji syaitan. Dia memberitahunya bahawa dia akan memiliki kesemua kuasa. Dia memberitahunya bahawa dia tidak akan mati. Dia memberitahunya bahawa dia memiliki kuasa untuk hidup atau mati dan wanita itu mempercayainya. Wanita itu diberitahu bahawa syaitan akan menghentikan sebarang unsur yang boleh membunuhnya. Syaitan menipunya dengan pelbagai penipuan dan memberikan pelbagai janji kepadanya.

Yesus berkata, "Aku datang untuk menyelamatkan semua orang. Aku menginginkan semua orang yang sesat akan bertaubat dan memanggil NamaKu. Bukan kehendakKu sesiapaupun untuk mati, tetapi memiliki hidup yang kekal. Sedih untuk mengatakan bahawa banyak orang yang tidak mahu bertaubat daripada dosa-dosa sebelum meninggal dan mereka akan ke neraka. Namun jalan ke syurga adalah sama untuk semua orang. Kamu harus dilahirkan semula untuk masuk ke Kerajaan Tuhan. Kamu harus datang kepada Bapa dalam NamaKu dan bertaubat daripada dosa-dosa. Kamu harus memberikan hatimu kepada Tuhan dan melayaninya dengan ikhlas. "

"Anak," sambung Yesus, "Perkara seterusnya yang ingin Aku tunjukkan kepadamu lebih dahsyat. Aku tahu pastinya membuatkan kamu berdukacita. Aku juga mahu seluruh dunia tahu dan mengetahui apa yang mahu diperkatakan roh kepada gereja-gereja.

"Di dalam sel ini, sepanjang yang dapat kamu lihat, jiwa-jiwa disiksa. Setiap kali sel diisi, neraka akan membesar sendiri untuk menerima lebih banyak jiwa-jiwa. Kamu akan memiliki segala deria di neraka. Sekiranya kamu buta di bumi, kamu akan buta di neraka. Sekiranya kamu hanya memiliki satu lengan di bumi, kamu juga hanya akan ada satu lengan di neraka."

Saya harus memberitahu kamu agar bertaubat, neraka merupakan tempat yang dahsyat, mengerikan, kesedihan yang melampau, dan tangisan penyesalan selamalamanya. Tolonglah, saya merayu kepadamu agar mempercayai apa yang saya cakap adalah benar. Hal ini sangat sukar untuk saya sehingga saya banyak kali jatuh sakit semasa menyediakan rekod ini.

Saya melihat hal-hal di neraka sangat dahsyat untuk diberitahu-lebih dahsyat daripada raungan akibat seksaan, bau daripada pereputan daging, dan kedahsyatan api neraka dengan lubang-lubang yang dalam. Saya juga melihat sesuatu yang Tuhan tidak membenarkan saya tulis.

Apabila kamu meninggal di bumi, jika kamu dilahirkan semula daripada Roh Tuhan, rohmu akan pergi ke syurga. Sekiranya kamu berdosa semasa meninggal, kamu terus ke neraka yang membakar (burning hell). Iblis-iblis dengan rantai-rantai besar akan menarik roh kamu masuk ke pintu neraka, tempat kamu dicampak ke dalam lubang-lubang dan disiksa. Kadangkala, kamu akan dibawa menghadap syaitan. Kamu akan tahu dan dapat berasa segala-gala yang berlaku kepada kamu di neraka.

Yesus memberitahu saya bahawa terdapat suatu tempat di neraka yang dipanggil "pusat hiburan." Jiwa-jiwa tertentu di lubang-lubang tidak boleh dibawa ke sini. Dia juga memberitahu saya bahawa seksaan yang berbeza dikenakan kepada jiwa-jiwa yang berbeza, kesemuanya dbakar dengan api.

Pusat hiburan berbentuk seperti arena sarkas. Beberapa orang yang harus berada di pusat hiburan dibawa ke tengah-tengah. Orang-orang ini dikenal pasti melayani syaitan di bumi. Mereka ini mengikut kemahuan sendiri, memilih untuk mengikut syaitan dari lubang-lubang. Di sekeliling arena terdapat jiwa-jiwa yang lain, melainkan mereka yang berada di lubang-lubang.

Jiwa yang berada di tengah-tengah merupakan ketua-ketua dalam kuasa ghaib sebelum mereka meninggal dunia. Mereka merupakan perantara, tukang ramal, ahli sihir, pembaca fikiran, perempuan sihir dan tukang sihir yang jahat-semua yang secara sedarnya memilih untuk melayani syaitan.

Semasa mereka hidup di bumi, mereka banyak memperdayakan orang dan menyebabkan mereka mengikut syaitan dan berdosa. Mereka yang diperdayakan jatuh dalam dosa datang dan disiksa oleh penipu-penipu mereka. Satu demi satu dibenarkan untuk menyiksa mereka.

Antara seksaan itu, tulang daripada jiwa diambil sebahagiannya dan ditanam di tempat lain di neraka. Jiwa itu betul-betul rasa kehilangan dan bahagian tulang itu bertaburan di neraka yang mempunyai pebangkai-pebangkai dengan kecerdasan luar biasa

berburu. Jiwa-jiwa yang cacat berasa sangat sakit. Mereka yang berada di luar arena dapat membalik batu ke arah mereka yang berada di tengah-tengah. Setiap seksaan daripada imaginasi dibenarkan. Jiwa-jiwa yang diseksa menangis bermati-matian, tetapi kematian itu selama-lamanya. Syaitan memberi arahan agar semua ini dilaksanakan. Itulah pusat hiburannya.

Yesus berkata, "Aku mengambil kunci-kunci neraka daripada syaitan banyak tahun yang lalu. Aku datang dan membuka sel-sel serta membenarkan orang-orangKu keluar. Semasa zaman Perjanjian Lama sebelum Aku memberikan hidupKu di salib, syurga terletak berdekatan dengan neraka. Sel-sel ini dahulunya berada di syurga; sekarang syaitan menggunakannya untuk tujuan jahat malah dia membinanya dengan lebih banyak.

"Oh pembaca, adakah kamu akan bertaubat daripada dosa-dosa sebelum selamanya terlambat? Semuanya akan datang kepadaKu semasa penghakiman. Syurga dipindahkan daripada posisi berdekatan neraka apabila Aku mati dan hidup kembali dengan kuasa Tuhan, BapaKu"

Sekali lagi, Aku ingin memberitahu kamu bahawa sel-sel ini yang mempunyai tujuh belas batu tinggi, merupakan penjara untuk orang yang dahulunya merupakan pekerja kegelapan syaitan, mereka yang terlibat dalam dosa yang berkaitan kuasa-kuasa syaitan, kuasa ghaib dan penyembahan syaitan.

Yesus berkata, "Mari, Aku ingin menunjukkan kepadamu sesuatu." Seketika kami berada kira-kira setengah batu di udara, di tengah-tengah pusat neraka, dan di pertengahan antara tujuh belas batu tinggi blok sel-sel. Rasanya seolah-olah berada di dalam perigi sama ada bahagian atas atau bahagian dasar tidak dapat dilihat kerana kegelapan. Cahaya berwarna kuning mula mengisi tempat itu. Saya memegang erat tangan Yesus.

"Tuhanku," saya bertanya, "mengapa kita di sini?"

Dalam pada itu, datang angin hurikan-angin yang kuat dan bunyi deruan yang kuat. Gelombang api mula berlumba-lumba menyambar tepi dinding sel-sel, membakar segalanya di laluan tersebut. Api tiba di dalam setiap sel dan menyebabkan tangisan kesakitan dan penderitaan. Walaupun Yesus dan saya tidak disentuh oleh api, ketakutan menguasai diri saya apabila melihat jiwa-jiwa sesat berlari-lari kembali ke sel-sel kecil, cuba untuk mencari tempat persembunyian.

Satu iblis mula naik dari kiri kami. Saya melihat syaitan sedang berdiri dengan membelakangkan kami dan dia dalam keadaan berapi. Namun, dia tidak terbakar; malah, dia yang mendatangkan api. Sekarang, dia berdiri dengan diselubungi api, seronok dengan tangisan jiwa-jiwa sesat yang malang. Apabila syaitan menggerakkan tangannya, bola-bola api yang besar ditembak daripadanya.

Jeritan yang amat menyedihkan dan tangisan kesakitan datang dari sel-sel. Jiwa-jiwa di dalamnya dibakar hidup-hidup dengan api yang lebih panas daripada tasik berapi,

dan mereka tidak mati. Iblis-iblis turut sama menyertai gelak ketawa syaitan semasa syaitan bergerak dari satu sel ke satu sel, menyeksa jiwa-jiwa sesat.

Yesus berkata, "syaitan makan daripada kejahatan. Kemuliaannya didapati daripada kesakitan dan penderitaan serta memperoleh kuasa daripadanya. "

Saya melihat syaitan dalam keadaan api merah-kekuningan dengan mata perang. Angin kencang meniup pakaiannya tetapi tidak terbakar. Bau daging bakar mengisi udara, dan saya baru perasan kedahsyatan neraka adalah benar. Syaitan berjalan dalam api, tetapi tidak berupaya membakarnya. Saya hanya dapat melihat belakangnya, saya dapat mendengar gelak ketawanya yang jahat di mana-mana.

Saya melihat syaitan naik ke asap gelap, dengan aliran api naik bersamanya ke atas perut neraka. Saya mendengar semasa dia berpaling sambil mengumumkan dengan kuat agar semua jiwa menyembahnya, atau dimasukkan ke lingkaran hiburan.

"Tidak, tolonglah, syaitan, kami akan menyembahmu," mereka menjerit dengan serentak sambil mula tunduk menyembah syaitan. Semakin mereka menyembahnya, semakin dia dahagakan pemujaan. Kuat dan semakin kuat kedengaran suara pujian sehingga kasau neraka berdering dengan bising.

Yesus berkata, "Kesemua yang mendiami di sel-sel neraka pernah mendengar gospel yang benar semasa mereka hidup di bumi. Banyak kali penyelamatan Aku ditawarkan kepada mereka. Banyak kali RohKu menarik mereka, tetapi mereka mahu mendengar atau datang kepadaKu untuk diselamatkan. "

Semasa Yesus sedang bercakap, syaitan sedang bercakap kepada rakyatnya, "Ha-ha, inilah kerajaanmu-kerajaan yang kamu semua peroleh, kerajaanku merangkumi keseluruhan bumi dan dunia di bawah." Saya mendengar dia menjerit, "Inilah hidupmu selama-lamanya!" Tangisan kekecewaan datang daripada sel-sel yang dibakar.

Yesus berkata, "PenyelamatanKu adalah percuma. Sesiapa sahaja yang mahu, biarkan dia datang dan diselamatkan daripada tempat hukuman yang kekal abadi. Aku tidak akan menghalanya keluar. Jika kamu pernah menjadi perempuan sihir atau tukang sihir, walaupun kamu pernah ada perjanjian dengan iblis. KuasaKu akan memusnahkannya, dan darahKu akan menyelamatkanmu. Aku akan mengambil sumpahan daripada hidupmu dan menebus kamu daripada neraka. Berikan hatimu kepadaKu dan Aku akan membuka dan membebaskanmu daripada dirantai. "

---

# Bab 10

## Jantung Neraka

Pada waktu malam saya pergi ke neraka bersama Yesus. Semasa siang, neraka masih terbayang-bayang di hadapan saya. Saya cuba memberitahu apa yang saya lihat, tetapi mereka tidak mempercayai saya. Saya berasa sangat bersendirian, dan hanya kemuliaan Tuhan membolehkan saya terus hidup. Semua kemuliaan dimiliki Tuhan Yesus Kristus.

Pada malam berikutnya Yesus dan saya kembali ke neraka. Kami berjalan sepanjang tepi perut neraka. Saya kenal sebahagian daripadanya kerana pernah ke sana sebelum ini. Pereputan daging yang sama, bau busuk iblis yang sama, hapak yang sama, udara panas di mana-mana. Saya sudah berasa sangat letih.

Yesus tahu fikiran saya dan berkata, "Aku tidak akan meninggalkanmu atau meminggirkanmu. Aku tahu kamu letih, tetapi Aku akan menguatkanmu. "

Sentuhan Yesus ada menguatkan saya, dan kami terus berjalan. Di hadapan kami saya nampak objek hitam yang besar, hampir sebesar gelanggang bola keranjang yang sedang bergerak ke atas dan ke bawah. Saya teringat bahawa saya pernah diberitahu ini merupakan "jantung neraka."

Keluar dari jantung hitam ini seperti lengan-lengan besar atau tanduk-tanduk. Ada yang keluar darinya dan naik ke atas keluar dari neraka serta masuk keluar ke bumi. Saya tertanya-tanya jika inilah tanduk-tanduk yang diperkatakan dalam Alkitab.

Di sekeliling jantung, bumi tampak kering dan berwarna perang. Kira-kira tiga puluh kaki dengan seluruh arah, bumi telah terbakar dan mengering sehingga berkarat dan berwarna perang. Jantung itu berwarna sangat hitam daripada warna-warna hitam yang ada, namun warna lain seperti sisik kulit ular bercampur dengan warna hitam. Bau yang busuk dikeluarkan setiap kali jantung berdegup. Jantung itu bergerak seperti jantung yang nyata dengan berdegup ke atas dan ke bawah. Angkatan iblis ada di sekelilingnya.

Saya melihat jantung jahat ini dengan menakutkan dan "tertanya-tanya akan tujuannya.

Yesus berkata, "Cabang-cabang ini yang kelihatan seperti arteri jantung, merupakan paip-paip yang keluar ke bumi untuk mengeluarkan iblis ke sana. Inilah tanduk-tanduk yang dilihat oleh Daniel yang mewakili kerajaan syaitan di bumi. Ada sebahagian yang sudah berada di sini, sebahagian yang bakal ke sini, dan sebahagian yang sekarang berada di sini. Kerajaan syaitan akan bangkit, dan antiKristus akan memerintah banyak orang, tempat dan hal. Berkemungkinan juga orang terpilih akan diperdayakan olehnya. Banyak orang yang akan berpaling dan akan menyembah syaitan serta imejnya.

"Keluar dari cabang-cabang utama atau tanduk-tanduk ini, tumbuh cabang-cabang kecil. Keluar dari cabang-cabang kecil ini merupakan iblis-iblis, roh-roh jahat dan



segala jenis kuasa jahat. Mereka akan dilepaskan ke bumi dengan arahan syaitan untuk melakukan banyak kerja-kerja jahat. Kerajaan-kerajaan ini dan kuasa-kuasa jahat akan mengikut syaitan, dan banyak yang akan mengikutnya ke arah kemusnahan. Di sinilah bermula segalanya iaitu jantung neraka. "

Inilah kata-kata yang diucapkan Yesus kepada saya. Dia memberikan arahan kepada saya untuk menulisnya dan membukukannya agar dapat diberitahu kepada dunia. Kata-kata ini adalah benar. Wahyu ini diberikan kepada saya daripada Tuhan Yesus Kristus agar semua orang akan tahu dan memahami kerja-kerja syaitan dan rancangannya pada masa hadapan.

Yesus berkata, "Ikutlah Aku." Kami berjalan naik ke tangga masuk ke jantung dengan pintu yang terbuka di hadapan kami. Di dalam jantung adalah gelap sepenuhnya. Saya mendengar bunyi-bunyi tangisan, dan ada bau yang sangat busuk sehingga menyukarkan saya bernafas. Semua yang dapat saya lihat dalam kegelapan hanyalah Yesus. Saya berjalan sangat rapat denganNya.

Kemudiannya, dengan tiba-tiba, Yesus hilang! Sesuatu yang tidak dapat difikirkan terjadi. Saya keseorangan di dalam jantung neraka. Ketakutan menguasai diri saya. Ketakutan mencengkam jiwa saya, dan kematian mengintai saya.

Saya menjerit memanggil Yesus, "Di mana Kamu? Di mana Kamu? Oh, tolonglah datang kembali, Tuhan!" saya memanggil dan memanggil, tetapi tiada balasan.

"Oh Tuhanku," saya meraung, "Saya mesti keluar dari sini." Saya mula berlari dalam kegelapan. Apabila saya menyentuh dinding-dinding, seolah-olah bernyawa, bergerak menentang tangan-tangan saya. Saya bukan berseorangan.

Saya mendengar bunyi ketawa dua iblis, dikelilingi oleh cahaya kuning yang samar, menyambar kedua-dua tangan saya. Mereka merantai tangan saya dengan segera dan mula menyeret saya masuk lebih mendalam ke dalam jantung. Saya menjerit memanggil Yesus, tetapi tiada balasan. Saya menangis dan melawan dengan segala kudrat saya, tetapi mereka terus menyeret saya yang tiada rintangan langsung.

Semasa masuk lebih dalam ke jantung neraka, saya dapat merasakan kesakitan yang dahsyat apabila ada kuasa menggosok badan saya. Seolah-olah daging saya dikoyakkan. Saya menjerit ketakutan.

Penawan-penawan itu menyeret saya ke sebuah sel dan membuang saya ke dalamnya. Apabila mereka mengunci pintu, saya menangis dengan lebih kuat. Mereka mentertawakan saya sambil menyindir dengan berkata, "Tidak ada gunanya kamu menangis. Apabila tiba masanya, kamu akan dibawa ke hadapan ketua kami. Dia akan menyeksamu demi keseronokannya."

Bau yang dahsyat daripada jantung menempel di tubuh saya. "Mengapa saya di sini? Apa salah saya? Adakah saya gila? Benarkan saya keluar!" saya menjerit dengan sia-sia.

Tidak lama kemudian, saya mula dapat berasa sisi sel yang saya berada. Bentuknya bundar dan lembut seolah-olah sesuatu yang hidup. Hidup dan mula bergerak. "Oh Tuhan," saya menjerit. "Apa yang berlaku? Yesus, di mana Kamu?" Namun hanya gema daripada suara saya sendiri kembali sebagai balasan.

Takut-perasaan paling takut-mencengkam jiwa saya. Untuk pertama kalinya Yesus meninggalkan saya, Saya mula sedar bahawa saya tersesat tanpa sebarang harapan lagi. Saya menangis teresak-esak sambil memanggil-manggil Yesus berulang kali. Kemudian saya mendengar suara dalam kegelapan berkata, "Tiada apa-apa yang baik dengan memanggil Yesus. Dia tiada di sini. "

Cahaya samar mula mengisi tempat itu. Untuk pertama kalinya, saya dapat melihat sel-sel lain-sama seperti sel saya, terbenam dalam dinding jantung. Kelihatan seperti sarang labah-labah di hadapan kami, dan di dalam setiap sel adalah berselut, melekit yang mengalir melalui sel-sel.

Suara wanita yang berada di sel sebelah berkata kepada saya, "Kamu tersesat di tempat penyeksaan ini. Tiada jalan keluar dari sini."

Saya hampir tidak dapat melihatnya dalam keadaan cahaya samar-samar. Dia dalam keadaan berjaga, seperti saya, tetapi penghuni-penghuni sel lain seolah-olah tidur atau separa sedar. "Tiada harapan," dia menangis, "tiada harapan!"

Perasaan yang terlalu kesunyian dan benar-benar putus asa menguasai diri saya. Kata-kata wanita itu tidak membantu. Dia berkata, "Inilah jantung neraka. Di sini kami diseksa, tetapi seksaan kami tidak seteruk mereka yang berada di tempat-tempat lain dalam neraka." Saya mendapati bahawa dia menipu tentang tidak banyak seksaan di sini seperti tempat lain di neraka.

"Kadangkala," dia menyambung, "kami dibawa ke hadapan syaitan dan dia menyeksa kami demi keseronokannya. Syaitan disuap daripada kesakitan kita dan menjadi kuat daripada tangisan putus asa dan kesedihan kita. Dosa-dosa sentiasa bersama kami. Kami tahu bahawa kami tidak beriman. Kami juga tahu bahawa kami pernah mengenali Tuhan Yesus tetapi menolaknya dan berpaling daripada Tuhan. Kami melakukannya mengikut kemahuan sendiri. Sebelum saya ke sini saya ialah pelacur. Saya bersama lelaki dan wanita demi wang mereka dan kami melakukan yang kami panggil 'cinta'. Saya merosakkan banyak keluarga. Banyak lesbian, homoseksual dan penzina-penzina berada di sel-sel ini."

Saya menjerit dalam kegelapan, "Saya bukan kepunyaan tempat ini. Saya diselamatkan. Saya milik Tuhan. Mengapa saya di sini?" Namun tiada jawapan.

Kemudian iblis-iblis kembali dan membuka pintu sel saya. Satu iblis menarik manakala satu lagi iblis menolak saya sepanjang jalan yang kasar. Sentuhan iblis ibarat api bernyala yang membakar daging saya. Mereka mencederakan saya.

"Oh Yesus, di mana Kamu? Tolonglah saya, Yesus!" tangis saya.

Api muncul di hadapan saya tetapi berhenti sebelum menyentuh saya. Sekarang, seolah-olah daging saya dikoyak-koyak dari badan saya. Rasa sakit yang tidak tertanggung iaitu di luar imaginasi saya meliputi tubuh. Saya disakiti melebihi daripada kepercayaan saya. Sesuatu yang tidak kelihatan mengoyak-ngoyak tubuh saya, manakala roh-roh jahat yang berupa seperti kelawar menggigit seluruh tubuh saya.

"Tuhan Yesus yang dikasihi," tangis saya, "Di mana Kamu? Oh, tolonglah keluarkan saya!"

Saya ditolak dan ditarik sehingga tiba di kawasan terbuka di jantung neraka, kemudian saya dicampak di hadapan altar yang kotor. Di atas altar itu terdapat buku yang besar dan terbuka. Saya mendengar suara ketawa iblis dan menyedari bahawa saya terbaring di hadapan syaitan.

Syaitan berkata, "Akhirnya saya mendapat kamu!"

Saya tersentak dalam ketakutan namun cepat sedar bahawa dia tidak melihat ke arah saya tetapi seseorang di hadapan saya. Syaitan berkata, "Ha-ha, akhirnya saya berupaya menghapuskan kamu dari bumi. Biar saya lihat hukuman yang akan kamu terima." Dia membuka buku dan jarinya membelek halaman demi halaman. Nama jiwa itu dipanggil, dan hukuman dijatuhkan.

"Tuhan yang dikasihi," tangis saya, "adakah semua ini nyata?"

Saya yang seterusnya, dan iblis-iblis menolak saya naik ke pentas dan memaksa saya menunduk di hadapan syaitan. Tawa yang sama jahatnya keluar darinya. "Saya menunggu kamu untuk sekian lamanya, dan akhirnya saya memilikimu," teriaknya dalam kegirangan. "Kamu cuba untuk lari dariku, tetapi sekarang aku memilikimu."

Perasaan takut yang belum pernah saya rasai sebelum ini datang kepada saya. Daging saya sekali lagi dikoyak dari saya, sebuah rantai yang besar dililit mengelilingi tubuh saya. Saya melihat diri saya semasa rantai dikenakan kepada saya. Saya sama seperti yang lain-lainnya. Saya sebuah rangka yang penuh dengan tulang-tulang mati. Ulat-ulat merangkak dalam diri saya, dan api mulai menjalar dari kaki dan membakar tubuh saya.

Saya menangis lagi, "Oh Tuhan Yesus, apa yang terjadi? Di mana Engkau, Yesus?"

Syaitan ketawa dan ketawa. "Yesus tiada di sini," katanya, "Akulah raja kamu sekarang. Kamu akan bersama aku di sini selamanya. Kamu milik aku sekarang."

Saya dicengkam oleh emosi-emosi yang dahsyat. Saya tidak dapat merasakan Tuhan, kasih, kedamaian mahupun kehangatan. Namun saya dapat merasakan perasaan dengan tajam, ketakutan, kebencian, kesakitan yang tidak tertahan dan kesedihan yang melebihi kebiasaan. Saya memanggil Tuhan Yesus agar menyelamatkan saya, tetapi tiada jawapan.

Syaitan berkata, "Akulah tuhan kamu sekarang," dan mengangkat tangannya untuk memerintah iblis ke sampingnya. Sekali gus iblis yang hodoh naik ke pentas tempat saya berdiri dan merenggut saya. Dia mempunyai tubuh yang besar, dengan muka seperti kelawar, berkuku panjang dan bau yang busuk datang darinya.

"Apa yang harus buat kepadanya, tuan syaitan?" tanya roh jahat, manakala iblis yang lain dengan berbulu seluruh badan dan bermuka seperti babi hutan juga merenggut saya. "Bawa dia ke bahagian paling dalam di jantung ini, tempat yang terdapat kengerian di depan matanya. Di sana dia akan belajar memanggilku tuhan. "

Saya diseret ke dalam kegelapan, tempat yang gelap dan dicampak ke sesuatu yang dingin dan lembab. Oh, bagaimana seseorang merasakan kedinginan dan kepanasan pada masa yang sama? Saya tidak tahu. Namun, api membakar tubuh saya dan ulat-ulat merangkak ke seluruh tubuh. Rintihan orang-orang mati mengisi udara.

"Oh Tuhan Yesus," saya menangis dengan putus asa, "mengapa saya di sini? Tuhan, biarkanlah saya mati."

Tiba-tiba ada cahaya menerangi tempat saya duduk. Yesus muncul dan mendakap saya ke lengannya, dan secara tiba-tiba saya kembali ke rumah.

"Tuhan Yesus, di manakah Kamu?" tangis saya, air mata mengalir menuruni kedua-dua belah pipi saya.

Dengan lembut Yesus berbicara dan berkata, "Anakku, neraka itu nyata. Namun kamu tidak akan tahu realitinya sehingga kamu sendiri mengalaminya. Sekarang kamu sudah tahu kebenarannya dan bagaimana rasa tersesat di neraka. Sekarang kamu boleh memberitahu orang lain tentangnya. Aku terpaksa membiarkan kamu mengalaminya sendiri supaya kamu mengetahuinya tanpa ragu-ragu."

Saya berasa sedih dan sangat letih. Saya rebah ke tangan Yesus. Walaupun Dia memulihkan saya keseluruhannya, saya mahu pergi jauh-jauh – dari Yesus, dari keluarga, dari sesiapaupun.

Selama beberapa hari berikutnya di rumah, saya sangat sakit. Jiwa saya sangat sedih, dan kengerian neraka sentiasa terbayang-bayang di depan saya. Memakan masa sehari-hari sebelum saya pulih sepenuhnya.

---

# Bab 11

## Di Luar Keigelapan

Malam demi malam Yesus dan saya kembali ke neraka agar saya dapat mencatat kebenaran-kebenaran yang mengerikan ini. Setiap kali kami melewati jantung itu, saya berjalan sangat dekat dengan Yesus. Perasaan takut yang sangat kuat mencengkam jiwa saya setiap kali teringat akan hal yang berlaku atas saya di sana. Saya tahu saya harus meneruskan demi menyelamatkan jiwa-jiwa. Hanya dengan belas kasihan Tuhan saya dapat kembali.

Kami berhenti di hadapan kumpulan iblis yang sedang menyanyi, berdiskusi dan memuja syaitan. Mereka kelihatan amat seronok. Yesus berkata, "Aku akan membiarkan kamu mendengar perkara yang diperkatakan mereka."

"Kita akan pergi ke rumah ini hari ini dan menyiksa mereka yang berada di sana. Kita akan mendapat lebih banyak kuasa daripada tuan syaitan jika kita membuatnya dengan betul," mereka berkata. "Oh, ya, kita akan menyebabkan banyak penderitaan dan penyakit di sana serta kesedihan kepada mereka semua. Mereka mula menari dan menyanyi lagu-lagu memuja syaitan, kemuliaan dalam kejahatan. Satu iblis berkata, "Kita harus memerhatikan mereka yang percaya kepada Yesus, kerana mereka dapat mengusir kita keluar."

"Ya," kata iblis yang lain, "saat mendengar nama Yesus kita harus lari."

Kemudian satu iblis terakhir berkata, "Tapi kita tidak akan pergi kepada mereka yang mengenali Yesus dan kuasa dengan namaNya. "

"Malaikat-malaikatKu," kata Yesus, "menjaga umatKu daripada roh-roh jahat, dan kerja mereka tidak akan berhasil. Aku juga melindungi banyak yang belum diselamatkan, walaupun mereka tidak tahu. Aku memiliki banyak malaikat yang dikerahkan untuk menghentikan rancangan-rancangan jahat syaitan."

Yesus berkata, "Ada banyak iblis di udara dan di bumi. Aku membenarkan kamu melihat sebahagian daripada iblis-iblis, tetapi yang lainnya tidak dibenarkan. Itulah sebabnya berita baik yang benar harus dikhotbahkan kepada semua orang. Kebenaran akan membebaskan manusia, dan Aku akan melindungi mereka daripada kejahatan. Dalam nama Aku, ada penyelamatan dan pembebasan. Aku memiliki kuasa di syurga dan bumi. Lakukan! Jangan takut akan syaitan, tetapi takut kepada Tuhan."

Apabila kami berjalan melalui neraka, Yesus dan saya datang kepada seorang lelaki yang sangat besar dan sangat hitam. Dia terbungkus dalam kegelapan dan memiliki penampilan seperti malaikat. Dia memegang sesuatu di tangan kirinya. Yesus berkata, "Tempat ini dipanggil luar keigelapan. "

Saya mendengar ratapan dan kertakan gigi. Tidak ada di mana-mana sebelum ini perasaan sangat putus asa yang begitu kuat seperti yang saya rasakan di sini. Malaikat yang berdiri di hadapan kami tiada sayap. Dia kelihatan mempunyai

ketinggian lebih kurang tiga puluh kaki, dan dia tahu dengan tepat hal yang dilakukannya. Dia mempunyai sebuah piring besar di tangan kirinya dan membalikkan tubuhnya perlahan-lahan dengan piring terangkat ke atas seperti bersiap sedia untuk melemparkannya.

Terdapat api di tengah-tengah piring itu, dan kegelapan di bahagian luar. Malaikai itu meletakkan tangan di bawah piring dan mencapai lebih jauh ke belakang untuk mendapatkan lebih pengumpulan.

Saya tertanya-tanya siapa malaikat gergasi ini dan apa yang akan dilakukannya.

Yesus tahu fikiran saya dan berkata, "Inilah luar kegelapan. Ingat firmanKu, 'Anak-anak kerajaan itu akan dicampakkan ke dalam kegelapan yang paling gelap, di sanalah akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.'"

"Tuhan," kata saya, "MaksudMu hamba-hambamu ada di sini?"

"Ya," kata Yesus, "hamba-hamba yang mengundurkan diri setelah Aku memanggil mereka. Hamba-hamba yang lebih menyayangi dunia daripada Aku dan kembali berkubang di lumpur dosa. Hamba-hamba yang tidak bersedia berdiri demi kebenaran dan demi kudus. Lebih baik seseorang itu tidak bermula apa-apa daripada mengundurkan diri setelah mulai melayaniKu. "

"Percayalah kepadaKu," kata Yesus, "Jika kamu berdosa, kamu ada peguam bela dengan Bapa. Jika kamu bertaubat daripada dosa-dosa, Aku dengan setianya membersihkan segala kejahatanmu. Tetapi jika kamu tidak mahu bertaubat, Aku akan datang pada saat tanpa kamu duga, dan kamu akan dibunuh bersama-sama dengan orang-orang yang tidak percaya dan dicampakkan ke dalam luar kegelapan. "

Saya melihat malaikat kegelapan pada saat dia melempar piring besar jauh, jauh ke dalam kegelapan.

"FirmanKu adalah benar; mereka akan dicampakkan ke dalam kegelapan yang paling gelap."

Kemudian, tiba-tiba Yesus dan saya berada di udara mengikuti piring itu hingga ke luar angkasa. Kami tiba di bahagian luar piring dan berdiri sambil melihat ke dalam.

Ada api di tengah-tengah piring tersebut, dan orang-orang berenang keluar dan masuk, di atas dan di bawah gelombang-gelombang api yang bernyala itu. Di sini tidak ada iblis-iblis atau roh-roh jahat, hanya ada jiwa-jiwa yang dibakar dalam lautan api.

Di luar piring itu merupakan kegelapan yang paling gelap. Hanya cahaya daripada nyalaan api di dalam piring menerangi udaran malam. Dalam cahaya itu, saya melihat orang-orang berusaha berenang ke tepi piring. Ada antara mereka hampir berjaya mencapai tepi sehingga ada hisapan dari dalam piring yang menarik mereka kembali ke dalam api. Saya melihat rupa mereka yang berubah menjadi rangka dengan jiwa-jiwa berasap kelabu. Saya tahu bahawa ini merupakan bahagian yang lain di neraka.

Kemudian, saya melihat satu penglihatan, malaikat-malaikat membuka meterai-meterainya. Bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan kelihatan terkunci di bawah meterai-meterai itu. Semasa malaikat-malaikat mematahkan meterai-meterai itu, lelaki-lelaki dan wanita-wanita, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan berjalan terus ke dalam api yang bernyala.

Saya melihat dengan penuh ngeri, tertanya-tanya jika saya mengenali mana-mana hamba Tuhan yang terjerumus ke lembah kehinaan sedang berarak lepas. Saya tidak dapat memalingkan kepala saya daripada pandangan jiwa-jiwa berarak masuk ke dalam api, dan tiada sesiapaupun cuba menghentikan mereka. Saya menangis, "Tuhan, tolonglah hentikan mereka sebelum mereka tiba di api!"

Namun Yesus berkata, "Orang yang memiliki telinga patut mendengar. Orang yang memiliki mata patut melihat. Anakku, jauhilah dosa dan kejahatan. Beritahulah hamba-hambaKu agar setia dan memanggil nama Tuhan. Aku membawamu melalui tempat yang dahsyat ini supaya kamu dapat memberitahu mereka tentang neraka."

Yesus menyambung, "Sebahagian orang tidak akan mempercayai kamu. Sebahagian orang mengatakan bahawa Tuhan terlalu baik untuk menghantar lelaki dan wanita ke neraka. Namun, beritahu mereka bahawa FirmaKu adalah benar. Beritahu mereka bahawa ketakutan dan ketidakpercayaan akan mendapat bahagian dalam tasik berapi."  
"

---

## **Bab 12** **Tanduk-tanduk**

Yesus berkata, "Malam ini, anakku, kita akan pergi ke bahagian yang berbeza dalam jantung neraka. Aku ingin memberitahu kamu tentang tanduk-tanduk dan menunjukkan kepadamu bagaimana tanduk-tanduk itu digunakan untuk menyalurkan roh-roh jahat kuasa-kuasa iblis ke atas permukaan bumi. "

Ketika Yesus berbicara, saya mula menyaksikan penglihatan yang terbuka. Dalam penglihatan itu, saya melihat sebuah rumah pertanian yang buruk, kelihatan kusam dan kekelabuan, dikelilingi pokok-pokok mati yang tinggi serta rumput-rumput mati. Perkarangan rumah pertanian ini berselerak dengan benda-benda mati. Tiada kehidupan di sana. Rumah pertanian itu kelihatan seolah-olah sudah ditetapkan di suatu sudut dan tenggelam di tengah-tengah lapangan. Tidak kelihatan bangunan lain di sana.

Kematian di mana-mana. Saya tahu bahawa rumah pertanian ini adalah sebahagian daripada neraka, tetapi saya tidak faham apa yang saya lihat. Di dalam rumah itu, di belakang jendela-jendela kotor, ada bayang-bayang besar yang samar dalam bentuk manusia. Penampilan mereka kelihatan jahat. Salah satu susuk itu bergerak ke pintu depan dan membukanya.

Saya melihat seorang lelaki besar dengan otot-otot yang sangat besar keluar dari pintu dan berjalan ke serambi. Saya melihatnya dengan jelas. Dia lebih kurang enam kaki tinggi, dengan bentuk badan gempal seperti seorang atlet angkat berat. Warnanya sama kelabu seperti persekitarannya. Dia hanya memakai seluar lelaki. Warnanya kekelabuan dan pucat seperti kulit bahagian atas badannya. Dagingnya seperti bersisik, dan kepalanya sangat besar. Kenyataannya, kepalanya sangat besar dan kakinya bengkok kerana membawa beban yang besar itu. Kakinya berjalan seperti babi. Mukanya serius dan jahat, dia kelihatan sangat tua. Matanya seolah-olah tidak bernyawa dan mukanya sangat lebar.

Dalam penglihatan itu, saya melihat makhluk hodoh berjalan di serambi buruk. Bumi bergetar apabila dia bergerak, dan tanduk-tanduk tumbuh dari atas kepala-tanduk besar bertumbuh, bertumbuh lalu tidak kelihatan lagi. Apabila dia berjalan, saya melihat tanduk-tanduk bertumbuh, lebih perlahan. Tanduk-tanduk lain mula tumbuh di kepalanya. Tanduk-tanduk kecil muncul dari tanduk-tanduk besar. Saya melihat kepalanya seperti binatang-binatang berkuasa yang jahat, penuh kebinasaan. Setiap langkahnya menggegarkan bumi.

Yesus berkata, "Lihat."

Saya melihat tanduk-tanduk itu semasa mereka pergi ke atas dan berakhir di rumah-rumah, gereja-gereja, hospital-hospital, pejabat-pejabat dan pelbagai jenis bangunan di seluruh bumi. Tanduk-tanduk melakukan banyak kemusnahan di seluruh tempat. Saya melihat iblis bercakap dan roh-roh jahat diludah keluar ke bumi. Saya melihat banyak orang digoda oleh kuasa iblis dan jatuh ke perangkap syaitan.

Kita dalam peperangan-kebaikan melawan kejahatan, fikir saya.

"Kita berada dalam peperangan," saya mendengar Roh Tuhan berkata. "Kebajikan melawan kejahatan."

Awan gelap keluar dari tanduk-tanduk dan menyembunyikan banyak bentuk iblis yang hendak ke bumi. Kesemua kekejian yang dibenci Tuhan ada di sana. Saya melihat kerajaan-kerajaan keluar dari bumi, berjuta-juta orang mula mengikut kuasa-kuasa jahat. Saya melihat tanduk-tanduk dilepaskan dan tanduk-tanduk baru mula tumbuh di tempatnya.

Saya mendengar Yesus berkata, "Hal-hal ini mula terjadi sekarang! Inilah hal-hal yang sedang terjadi dan akan terjadi. Manusia akan mengasihi dirinya sendiri daripada Tuhan. Kejahatan akan bermaharajarela pada hari-hari terakhir. Lelaki dan wanita lebih mencintai rumah, kereta, tanah, bangunan, perniagaan, perak dan emas daripada Aku.

"Bertaubatlah," KataNya, "kerana Aku ialah Tuhan yang cemburu. Tiada yang dapat menggantikan penyembahanmu kepadaKu-bukan anak lelaki atau anak perempuan atau isteri mahupun suami. Tuhan ialah Roh, dan Dia harus disembah dalam Roh dan kebenaran. "



Saya melihat tanduk-tanduk bergerak ke permukaan bumi, naik tinggi hingga ke langit. Kerajaan-kerajaan baru bangkit, ada peperangan dan kemusnahan di seluruh tempat. Mereka yang menyembah binatang itu sangat banyak.

Binatang jahat yang bertanduk itu berjalan mundur-mandir, seolah-olah berfikir bumi bergetar disebabkan berat badannya. Selepas beberapa minit dia kembali ke rumah pertanian. Awan gelap muncul dan banyak yang mati di tempat itu.

Saya melihat dunia sewaktu pertengahan zaman kesengsaraan yang besar, dan saya mula berdoa dengan sepenuh hati. "Oh Tuhan, tolonglah kami," ratap saya. Kemudian dua binatang besar bangkit dari bumi dan mula berlawan antara satu sama lain. Saya tahu bahawa mereka datang dari neraka.

Lautan manusia menyaksikan dua binatang itu berlawan antara dua kejahatan. Kemudian saya melihat sesuatu bangkit dari tanah antara mereka. Mereka berhenti berlawan dan masing-masing berdiri di sisi sebuah kapal besar. Kedua-dua binatang berusaha memusnahkan kapal itu, tetapi mereka tidak berupaya. Mereka menolak kapal itu kembali ke bawah bumi dan menguburkannya di tengah-tengah antara mereka. Mereka berdiri saling berhadapan semula, bersiap untuk kembali berlawan.

Saya mendengar suara berkata, "Lihat."

Ketika saya memerhatikan, muncul cahaya di atas tanah, tempat kapal itu dikuburkan. Kapal itu kemudiannya muncul semula di atas tanah dan menjadi piring yang besar. Kedua-dua binatang berubah rupa dan menjadi besar serta berwarna hitam. Pintu di hadapan piring terbuka, dan suatu cahaya terang yang kuat menampakkan tangga. Tangga itu menurun, turun ke bawah bumi, dan saya terdengar suatu suara berkata, "ke dalam neraka!"

Ada kejahatan yang kuat di udara, dan saya terasa kehilangan dan tidak habis semasa melihat. Kuasa yang melumpuhkan keluar dari piring, dan saya tiada tempat untuk melarikan diri. Saya rasa terperangkap, walaupun saya dalam keadaan roh.

Hampir sekali gus, Yesus mengangkat saya lebih tinggi dan tinggi sehingga saya melihat ke bawah dalam penglihatan itu. Namun sekarang, tangga itu berubah menjadi eskalator, yang bergerak naik turun dari pusat bumi. Selama saya berada di sebelah Yesus, saya berasa selamat dan dilindungi "eskalator itu dari neraka, "Saya mendengar suara mengatakannya.

Yesus berkata, "Hal ini akan terjadi. Namun belum lagi berlaku. Tuliskan agar semua orang tahu."

Dalam penglihatan saya, eskalator itu membawa kumpulan iblis dan roh-roh jahat. Kedua-dua binatang itu berdiri masing-masing di sisi kapal, dan saya melihat mereka berubah lagi. Saya mendengar raungan suara yang kuat-bunyi motosikal bergerak dalam kelajuan yang tinggi. Kepala binatang itu menjadi besar, dan mulai menerangi tangan-tangan mereka. Saya melihat kedua-dua binatang dan kapal itu bersatu ketiganya.

Banyak jiwa, semasa saya berjalan dalam tidur mereka, berarak masuk ke dalam salah satu binatang. Selama beberapa jam saya menyaksikan pemandangan yang mengerikan ini, sehingga akhirnya salah satu binatang itu penuh dengan manusia. Semasa saya mendengar, dari binatang yang pertama keluar raungan keras seperti sebuah pesawat yang bersedia hendak berlepas. Binatang itu mendapat kuasa daripada kapal itu. Apabila dia mula terbang, dia kembali ke rupa seorang manusia. Semasa terbang, kepalanya penuh dengan cahaya dan kuasa yang kuat datang daripadanya. '

Saat dia menghilang di langit, kepalanya kembali menjadi kapal semula.

Saya masih dapat mendengar suara dari binatang pertama semasa saya melihat binatang yang kedua diisi dengan jiwa-jiwa. Apabila dia sudah penuh, saya melihat binatang yang kedua bergerak lurus ke depan seperti roket. Dia bergabung dengan binatang yang lain, dan kedua-dua mereka bergerak perlahan ke langit yang kelabu. Binatang yang kedua berubah bentuk menjadi seorang lelaki. Saya mendengar suara raungan yang kuat semasa mereka menghilang dari pandangan.

Saya tertanya-tanya apa maksud semua ini. Saya melihat kapal atau piring kembali ke dalam bumi. Bumi menutupnya sehingga tidak kelihatan lagi. Apabila penglihatan mulai pudar, saya melihat ruang pengadilan yang besar, dan saya berfikir tentang takhta penghakiman putih yang agung.

---

## **Bab 13**

# **Lengan Kanan Neraka**

Selepas penglihatan yang pertama, Yesus dan saya pergi ke bahagian lain di neraka. Yesus berkata, "Hal-hal yang kamu saksikan ini berkaitan dengan akhir zaman." Penglihatan yang lain muncul di hadapan saya.

Yesus berkata, "Kita berada di lengan kanan neraka."

Kami berjalan mendaki bukit yang tinggi dan kering. Semasa di puncak bukit, saya melihat ke bawah dan melihat sungai yang bergelombang. Di sana tiada lubang-lubang, iblis-iblis atau roh-roh jahat, hanya ada sungai yang besar mengalir antara dua tebing yang tidak kelihatan. Tebing sungai itu tersembunyi dalam kegelapan. Yesus dan saya berjalan menghampiri sungai, dan saya melihat sungai itu penuh dengan darah dan api.

Apabila saya melihat dengan lebih dekat, saya melihat banyak jiwa, dirantai antara satu sama lain. Berat rantai menarik mereka ke dasar permukaan tasik berapi.

Jiwa-jiwa di neraka berada di dalam api neraka. Saya juga melihat mereka dalam keadaan rangka dengan jiwa-jiwa dalam rupa kabus kelabu.

"Apa ini?" saya bertanya kepada Tuhan.

"Inilah jiwa-jiwa orang yang tidak percaya dan tidak beriman. Inilah orang-orang yang mencintai dagingnya lebih daripada mencintai Tuhan. Mereka merupakan lelaki yang mencintai lelaki, dan wanita mencintai wanita, mereka yang tidak mehu bertaubat dan diselamatkan daripada dosa. Mereka seronok dengan hidup dalam dosa dan menghina penyelamatan daripadaKu. "

Saya berdiri di sebelah Yesus dan melihat ke tasik berapi. Api mulai meraung seperti relau yang besar, bergerak dan memakan segala yang berada di tempat laluan. Dengan cepat api hampir memenuhi seluruh lengan kanan neraka.

Api mendekati hingga sekaki jauhnya dari kami, tetapi tidak menyentuh kami. Sungai membakar segalanya yang berada di laluan. Saya melihat wajah Yesus, kelihatan sedih dan lembut. Dia masih ada kasih dan belas kasihan terhadap jiwa-jiwa sesat yang terpancar di wajahnya. Saya mulai mahu menangis dan berharap saya dapat meninggalkan tempat penyeksaan ini, kerana untuk meneruskannya merupakan hal yang hampir tidak tertanggung.

Saya melihat kembali jiwa-jiwa di dalam api. Mereka merah membara, dan tulang-tulang mereka kehitaman dan terbakar. Saya mendengar jiwa-jiwa menangis dengan kuat dalam penyesalan dan kesedihan.

Tuhan berkata, "Inilah penyeksaan untuk mereka. Dari rantai ke rantai, mereka terikat menjadi satu. Mereka berkeinginan sesama jenis, lelaki dengan lelaki, dan perempuan dengan perempuan, melakukan perkara yang tidak mengikut kebiasaan. Mereka mengheret banyak gadis muda dan lelaki muda melakukan dosa. Mereka menyebutnya kasih, tetapi penghujungnya dosa dan kematian.

"Aku tahu bahawa banyak lelaki muda dan perempuan muda, lelaki dewasa atau wanita dipaksa bertindak kejam-Aku tahu dan tidak akan menanggung dosa ini kepada mereka. Ingatlah hal ini," kata Yesus, "Aku tahu segalanya, Aku akan menghakimi dengan adil. 'Bagi para pendosa, Aku berkata, 'Bertaubatlah, dan Aku "Dari waktu ke waktu Aku mamanggil jiwa-jiwa ini agar bertaubat dan kembali kepada Aku. Aku akan mengampunkan mereka dan membersihkan mereka; dan di dalam nama Aku mereka sudah pasti dibebaskan. Namun, mereka tidak mahu mendengar Aku. Mereka mahukan nafsu daging melebihi daripada mengasihi Tuhan. Disebabkan Aku kudus, kamu harus kudus juga. 'jangan menyentuh sesuatu yang kotor, dan Aku akan menerimamu," kata Tuhan.

Saya berasa sakit apabila melihat jiwa-jiwa di dalam tasik berapi.

"Jika hanya mereka kembali kepadaKu sebelum terlambat," sambung esus. "DarahKu sudah tercurah maka semua orang dapat datang kepadaKu. Aku memberikan nyawaKu kepada para pendosa yang paling hina sekalipun akan hidup."

Pelbagai jiwa berjalan di sungai bernyala. Di seberang dan di bawah gelombang api, mereka pergi dengan tiada jalan keluar daripada dan berenang di dalam tasik berapi. Saya mendengar tangisan kekecewaan semasa sungai berdarah mengalir melewati kami.

Kami berjalan mendekati sebuah sungai. Di hadapan kami, sedang duduk di atas bukit, seorang wanita bertubuh besar. Dia berayun-ayun ke belakang dan depan seolah-olah dia telah mabuk. Padanya ada tulisan yang tertulis "Misteri Babylon."

Sekarang saya tahu punca kekejian di bumi berasal dari neraka. Kejahatan, kuasa yang kuat datang darinya. Saya melihat kepelbagaian, manusia dan lidah-lidah di bawahnya. Dia memiliki tujuh kepala dan sepuluh tanduk. Di tangannya darah para nabi, orang-orang kudus dan semua yang dibunuh di bumi.

"Jauhinya dan pisahkan diri daripadanya", kata Tuhan. "Semasa pada waktunya dia akan dibinasakan."

Kami terus berjalan melewati wanita jahat yang memiliki tanduk-tanduk di kepalanya. Semuanya mulai gelap. Sekarang Yesus merupakan satu-satunya cahaya. Kami berjalan sehingga kami berada di sisi bukit yang lain. Dalam jarak itu saya dapat melihat nyalaan api di udara. Udara menjadi panas dan melemaskan.

Kami berjalan di sekitar bukit dan tiba di sebuah pintu dengan celah di dalamnya. Pintu itu ditempatkan pada lereng bukit. Di pintu itu ada sebuah rantai besar, dan nyalaan api yang berang keluar darinya. Pintu itu juga diselak dengan kunci-kunci yang besar. Saya bertanya-tanya apa maksud semuanya ini.

Tiba-tiba, bayangan gelap seorang laki-laki, yang mengenakan pakaian panjang, mantel berwarna gelap, muncul di depan pintu. Wajahnya tampak sangat tua dan sangat letih. Kulit wajahnya tertarik ketat ke tulang-tulang tengkoraknya. Dia kelihatan berusia ribuan tahun.

Yesus berkata kepada saya, "Di belakang pintu itu terdapat parit yang tidak berdasar. Firman-Ku itu benar."

Nyalaan api di belakang pintu menjalar semakin tinggi sehingga pintu itu membonjol kerana tekanan daripada kepanasannya.

"Tuhan yang dikasihi," kata saya, "Saya akan senang hati kalau syaitan dicampakkan ke dalam parit yang tidak berdasar itu dan semua hal yang jahat ini berhenti untuk semusim."

Dia menjawab, "Mari, dengarkan apa yang akan dikatakan Roh kepada jemaah-jemaah. Kesudahannya sudah dekat, dan Aku memanggil para pendosa agar bertaubat dan diselamatkan. Lihat sekarang."

Kami sedang berdiri di tempat terbuka, dan saya bersama Tuhan dalam rupa roh. Saya memerhatikan dan melihat satu penglihatan terbuka. Dalam penglihatan itu saya melihat seekor ular yang menakutkan, mulai menyerang udara dengan ekornya yang sangat besar. Saya menyaksikan ular dalam roh itu bergerak dengan kekuatan yang mengagumkan.

Kemudian saya melihatnya kembali ke lengan kanan neraka dan menunggu. Saya tahu bahawa dia tidak dapat menyerang bumi sehingga firman Tuhan digenapi.

Saya melihat api dan asap naik keluar dari bumi, dan saya melihat suatu kabut aneh semasa terbentuk di atas bumi. Saya melihat tompok-tompok kecil kegelapan muncul di sana-sini. Tanduk- tanduk mulai tumbuh di kepala ular yang berapi-api itu. Tanduk-tanduk itu tersebar ke luar sehingga menutupi seluruh bumi. Syaitan memberikan perintah-perintah kepada ular yang berapi-api itu. Roh-roh jahat dan iblis juga hadir. Kemudian saya melihat ular yang jahat dan berapi-api itu keluar dari lengan kanan neraka, dan mulai menyerang bumi dengan kekuatan besar, melukai dan membinasakan banyak orang.

Yesus berkata, "Hal ini akan terjadi pada akhir zaman. Naiklah lebih tinggi lagi."

Pembaca, apabila anda sedang melakukan dosa-dosa yang telah saya tuliskan, berhentilah berbuat dosa dan panggillah Yesus untuk menyelamatkan anda. Anda tidak perlu pergi ke neraka. Panggillah Tuhan selama Dia dekat. Dia akan mendengar anda dan menyelamatkan anda. Setiap orang yang memanggil nama Yesus, akan diselamatkan.

---

## **Bab 14**

### **Lengan Kiri Neraka**

Nubuat daripada Yesus untuk semua orang

Yesus berkata, "Hal-hal ini sekarang sedang bermula di bumi atau belum terjadi, dan akan segera terjadi di seluruh bumi. Ular yang berapi-api itu adalah sebahagian daripada binatang tersebut. Penglihatan yang akan kau baca ini adalah benar. Penglihatan-penglihatan ini adalah benar. Perhatikan dan berdoalah. Kasihilah sesamamu. Kamu perlu kekal beriman. Jagalah agar tanganmu tetap bersih.

"Suami-suami, kasihilah isterimu seperti Kristus mengasihi umatnya. Suami-suami dan isteri-isteri, hendaklah saling mengasihi seperti Aku mengasihimu. Aku yang menetapkan perkawinan dan memberkatinya dengan firmanKu. Kekalkan kesucian katil perkahwinan. Bersihkanlah dirimu sendiri daripada semua kejahatan dan kuduslah kamu, kerana Aku kudus.

"Umat Allah yang kudus telah disesatkan oleh para penyanjung. Jangan tertipu; Allah tidak dapat dipermainkan. Kamu akan faham sekiranya kamu membuka telinga dan mendengar Aku. Ini merupakan mesej daripada Tuhan untuk para jemaahnya. Berhati-hatilah terhadap nabi-nabi palsu yang berdiri di tempat kudusKu dan menipu bersama para penyanjung. Oh, bumi, umatKu yang kudus telah tertidur oleh doktrin palsu. Bangunlah! Aku mengatakan kepadamu bahawa semua kejahatan adalah dosa. Bersihkan dirimu sendiri daripada segala dosa daging dan roh.

"Nabi-nabiKu yang kudus menjalani kehidupan yang kudus, tetapi kau telah memberontak terhadapKu dan kekudusanKu. Engkau telah membawa kejahatan atas dirimu sendiri. Kau telah berdosa dan membawa dirimu sendiri dalam penyakit dan kematian. Kau telah melakukan ketidakadilan dan telah melakukan kejahatan malah memberontak terhadapKu. Kau telah menyimpang daripada ajaran-ajaranKu dan daripada penghakimanKu. Kau tidak mendengar kata-kata yang disampaikan oleh hamba-hambaKu, nabi-nabi. Bukan berkat, tetapi sumpahan datang kepadamu, dan kau masih menolah untuk kembali kepadaKu dan bertaubat daripada dosa-dosa.

"Sekiranya kau mahu kembali dan bertaubat, dan jika kau menghormatiKu dengan kebenaran, Aku akan memberkati rumahmu dan menghargai perkawinanmu. Jika kau mahu merendahkan diri sendiri dan memanggilKu, Aku akan mendengar kamu dan memberkatimu.

"Dengar, para jemaah yang menyampaikan firmanKu yang kudus. Jangan mengajarkan umatKu untuk berbuat dosa terhadap Tuhan mereka. Ingatlah bahawa penghakiman bermula dari rumah Tuhan; melainkan kamu bertaubat, Aku akan mengalihkanmu daripada dosa-dosa yang kamu ajarkan kepada umatKu. Apakah kalian berfikir bahawa Aku buta sehingga Aku tidak dapat melihat, dan tuli sehingga Aku tidak dapat mendengar?

"Kau yang memegang kebenaran berbuat kejahatan dan memenuhi kantungmu dengan perak dan emas dengan merampas daripada orang-orang miskin- Aku katakan, bertaubatlah, sebelum terlambat. Pada hari penghakiman kau akan berdiri bersendirian di hadapanKu untuk memberi keterangan atas apa yang telah kau lakukan terhadap firmanKu. Apabila kau memanggil namaKu dalam taubat, Aku akan menghapuskan sumpahan dari tanahmu dan memberkatimu dengan berkat yang melimpah-limpah. Apabila kau mahu bertaubat dan malu dengan dosa-dosamu, Aku akan mengasihani dan berbelas kasihan terhadapmu, dan Aku tidak akan mengingati dosa-dosamu lagi. Berdoalah sehingga kamu menjadi pemenang.

"Bangun dan hiduplah. Bertaubatlah daripada dosa-dosamu yang membuat orang lain tersesat dan mengajarkan doktrin palsu. Katakan kepada mereka bahawa kau telah berdosa dan kau telah menceraikan domba-dombaKu. Mintalah pengampunan daripada mereka yang telah kau sesatkan dan ajarkan doktrin yang salah.

"Sesungguhnya, Aku sedang mempersiapkan satu bala tentara kudus. Mereka akan melakukan perbuatan-perbuatan yang luar biasa bagiKu dan menghancurkan tempat-tempat pemujaanmu. Bala tentara terdiri daripada lelaki kudus dan wanita-wanita, serta anak-anak lelaki dan perempuan yang kudus. Mereka telah diurapi untuk menyampaikan injil yang benar, menumpangkan tangan atas orang sakit, dan memanggil pendosa agar bertaubat.

"Ini adalah satu bala tentara yang terdiri daripada para pekerja lelaki, suri-suri rumah rumah tangga, lelaki-lelaki bujang, wanita-wanita yang belum berkahwin, dan anak-

anak sekolah. Mereka merupakan orang-orang biasa, kerana tidak banyak kaum bangsawan yang memberi respon terhadap panggilanKu. Pada waktu yang lalu, mereka telah disalah faham dan dilayan dengan tidak sepatutnya, diperlekehkan, dan ditolak. Namun Aku telah memberkati mereka dengan keberanian dalam kekudusan dan dalam roh. Mereka akan mulai memenuhi nubuatKu dan melakukan kehendakKu. Aku akan berjalan di dalam mereka, berbicara di dalam mereka, dan bekerja di dalam mereka.

"Mereka yang telah berbalik kepadaku dengan segenap hati, jiwa, fikiran dan kekuatannya. Angkatan bersenjata ini akan banyak menyedarkan orang kepada kebenaran dan kekudusan roh. Aku akan segera mulai bergerak atas mereka, memilih mereka yang mahu menjadi pasukanKu. Aku akan mencari mereka di kota-kota dan di desa-desa. Banyak orang akan terkejut terhadap mereka yang Aku pilih. Kamu akan dapat melihat mereka mula bergerak di seluruh tempat dan melakukan perkara-perkara besar demi kepentingan namaKu. Perhatikan dan lihat kuasaKu bekerja.

"Sekali lagi Aku katakan kepadamu, janganlah mencemari tempat tidur perkahwinan. Jangan mencemarkan tubuh tempat Roh Kudus berdiam di dalammu. Dosa tubuh menyebabkan dosa rohani. Jagalah perkahwinan tempat tidur agar tetap kudus. Aku menciptakan laki-laki untuk perempuan, dan perempuan untuk laki-laki, serta menetapkan bahwa kedua-duanya disatukan dalam perkawinan yang kudus. Sekali lagi Aku katakan, sedarlah."

Saya melihat banyak penglihatan lain di lengah kiri neraka. Saya diperintahkan oleh Tuhan agar tidak mendedahlannya sekarang. Banyak daripada penglihatan itu merupakan penglihatan mengenai dunia pada akhir zaman, ketika banyak umat Tuhan akan terjatuh dan tersesat.

Dalam pelbagai penglihatan tersebut, saya diberikan penglihatan-penglihatan tentang tubuh Kristus, jemaah dari anak-anak Allah, anak-anak kerajaan gelap, dan kembalinya Kristus. "Nanti, kau boleh mendedahkan berkenaan hal itu semua," kataNya, "tetapi bukan sekarang."

"Bala tentara ini," kata Tuhan, "seperti yang dikatakan oleh nabi Yoel, akan bangkit dari tanah itu dan melakukan pekerjaan-pekerjaan besar bagi Allah. Anak Lelaki Kebenaran akan bangkit dengan sayap-sayapNya yang pulih. Dia akan menghancurkan yang jahat, dan mereka akan menjadi abu di bawah telapak kakiNya.

"Mereka akan disebut bala tentara Tuhan. Aku akan memberikan ganjaran kepada mereka, dan mereka akan menunaikan pekerjaan-pekerjaanKu yang besar. Mereka akan mengusahakannya demi kemuliaan Tuhan. Aku akan mencurahkan RohKu ke atas semua manusia, maka anak-anak lelaki dan perempuanmu akan bernubuat."

"Bala tentara ini akan berperang melawan angkatan-angkatan jahat dan akan menghancurkan banyak pekerjaan syaitan. Mereka akan memenangkan banyak jiwa bagi Yesus Kristus sebelum hari binatang jahat itu bangkit" kata Tuhan.

Yesus berkata, "Mari, sudah tiba waktunya untuk pergi sekarang."

Akhirnya kami meninggalkan penglihatan-penglihatan tersebut dan lengan kiri neraka. Saya merasa sangat gembira.

Ketika kami pergi, Yesus berkata, "Ceritakan kepada keluargamu bahawa Aku mengasihi mereka dan tegurlah mereka dengan kasih. Katakan kepada mereka bahawa Aku akan menjaga mereka daripada kejahatan apabila mereka mahu memercayaiKu."

---

## **Bab 15** **Hari-hari Yoel**

Saya mendengar satu suara berkata, "Tuliskanlah, kerana segalanya adalah jujur dan benar." Sekali lagi, saya bersama Tuhan di dalam Roh. Dia terangkat naik dengan tinggi, dan suaranya bagaikan guruh.

"Lihatlah, Oh, bumi, hal-hal ini sedang terjadi, sudah terjadi, dan akan terjadi. Aku adalah Alfa dan Omega. Layanilah Aku, sang Pencipta, kerana Aku yang memberikan hidup, bukannya maut. Bangkitlah daripada kejahatanmu dan berserulah kepadaKu, maka Aku akan menyembuhkan dan membebaskanmu. Hal-hal yang kau baca di dalam buku ini adalah benar, dan semuanya akan terjadi."

"Bertaubatlah, kerana waktunya sudah dekat, dan Tuhan yang mulia akan segera datang. Bersiap-siaplah, kerana kau tidak tahu harinya mahupun waktunya. Ganjaran akan diberikan kepada mereka yang menanti-nantikan kedatanganKu. Aku akan memberkati anak-anakKu, mereka yang memelihara iman dan melayaniKu dalam kebenaran dan kejujuran. Tanpa mereka sedari, berkat itu akan turun ke atas mereka. Aku sudah mempersiapkan satu berkat bagi mereka yang telah setia terhadap panggilan mereka, dan mereka yang tidak menyangkal namaKu.

"Aku katakan, apabila umatKu, yang memanggil atas namaKu, akan merendahkan diri dan berdoa, Aku akan mengampuni mereka dan menyembuhkan mereka, serta memulihkan kehilangan mereka. Aku rindu mendengar, membebaskan, dan menyelamatkan semua yang percaya dan berseru kepadaKu.

"Sucikan dengan puasa yang kudus. Panggil perhimpunan penting. Kumpulkanlah orang-orang tua dan seluruh penduduk ke rumahKu, dan berserulah kepadaKu. Wahai, hari Tuhan datang seperti pencuri pada waktu malam-hari itu sudah dekat."

"Percayalah kepadaKu, dan Aku akan memulihkan tahun-tahun semasa hasil tanamanmu telah dimakan oleh belalang, ulat perosak, ulat beluncas dan ulat palmer.

"Pasukan tenteraKu yang besar, yang telah Aku panggil, tidak akan pernah menghentikan barisan dan langkah panjang mereka. Mereka akan melakukan perkara-



perkara besar, dan mereka tidak akan ditakluki, kerana Akulah yang menjadi kekuatan mereka. Suara-suara mereka akan seperti trompet, seperti gemuruh, dan semua orang akan mendengar dan mengetahui bahawa Akulah Tuhan Allahmu."

Tuhan Yesus yang dikasihi, inilah doa saya agar saya dianggap layak berada dalam bala tentara ini. Saya ingin ikut dalam pasukan ini, namun saya tahu bahawa saya harus suci dan kudus seperti Yesus adalah suci dan kudus. Dengan darah Yesus yang dicurahkan, bersihkanlah diri saya daripada segala kejahatan. Tolonglah saya agar selalu memiliki hati yang bertaubat, bersih dari segala kebencian dan kepahitan.

Bapa, saya tahu bahawa banyak umatMu yang tertidur. Saya takut kalau Kau harus memecahkan bejana tanah liat kami dan membuat kami merendahkan diri apabila ada buah-buah kebenaran.

Tuhan, saya tidak mahu pergi ke neraka lagi dan harus tinggal di sana. Oh, Tuhan, tolong saya untuk memperingatkan orang-orang. Berikan saya kekuatan untuk menghentikan pembesaran neraka agar tidak semakin membesar. Tolong saya dan umatMu agar berkelakuan baik, baik hati, saling memaafkan dan saling mengasihi. Tolong kami agar bercakap benar sepanjang masa.

Saya tahu bahawa Yesus Kristus akan segera datang, dan ganjaran ada bersamaNya. Saya tahu bahawa pesanan saya kepada dunia ini adalah "Bertaubat, kerana hari Tuhan sudah dekat." Bapa, saya tidak ingin menanggung darah manusia di tanganku."

---

## **Bab 16**

### **Pusat Neraka**

Tuhan dan saya kembali pergi ke neraka. Yesus berkata kepada saya, "AnakKu, untuk tujuan inilah kau dilahirkan, iaitu untuk menulis dan menceritakan yang Aku katakan dan tunjukkan kepadamu. Kejadian-kejadian ini dipercayai dan benar. Aku telah memanggilmu untuk tampil menceritakan kepada dunia melaluimu bahawa neraka itu ada, namun Aku telah memberikan jalan keluar darinya. Aku tidak akan menunjukkan seluruh bahagian neraka kepadamu. Terdapat hal-hal yang disembunyikan yang tidak dapat Aku tunjukkan kepadamu. Namun Aku akan menunjukkan banyak hal kepadamu. Sekarang, kemarilah dan lihatlah kuasa-kuasa kegelapan dan kesudahan mereka."

Kami kembali pergi ke perut neraka dan mulai berjalan ke arah sebuah bukaan kecil. Saya berpaling untuk melihat tempat kami masuk tadi dan menemukan bahawa kami berada di suatu jalan kecil di sebelah sebuah sel di tengah-tengah neraka. Kami berhenti di depan sebuah sel yang di dalamnya ada seorang wanita cantik. Di atas sel tersebut ada tulisan-tulisan "S.M."

Saya mendengar wanita itu berkata, "Tuhan, saya tahu bahawa Kau akan datang suatu hari nanti. Tolong keluarkan saya dari tempat seksaan ini." Wanita itu memakai pakaian

zaman kuno, dan dia sangat cantik. Saya tahu bahawa wanita ini sudah berada di tempat ini selama berabad-abad, namun tidak dapat mati. Jiwanya terseksa. Dia mulai memukul-mukul palang dan menangis.

Dengan lembut Yesus berkata, "Diam, bertenanglah." Ada nada sedih dalam suaranya apabila berbicara dengan wanita itu. "Wanita, kau tahu mengapa kau berada di tempat ini."

"Ya," jawab wanita itu, "tetapi saya dapat berubah. Saya ingat ketika Kau mengeluarkan mereka keluar dari syurga. Saya ingat akan firmanMu mengenai penyelamatan. Sekarang saya ingin menjadi orang baik," tangisnya, "dan saya akan melayaniMu." Wanita itu mencengkam palang-palang sel tersebut dengan kedua-dua tangannya yang kecil lalu mulai berteriak, "Keluarkan saya! Keluarkan saya!"

Pada ketika itu, wanita itu mulai berubah di hadapan kami. Pakaiannya mulai terbakar. Dagingnya berjatuh, dan yang tinggal hanya tengkorak hitam dengan lubang-lubang mata yang hangus serta kulit rongga jiwanya. Saya menyaksikan dengan ketakutan pada saat wanita tua itu terjatuh ke lantai. Dalam masa singkat semua kecantikannya lenyap. Terlintas dalam fikiran saya bahawa wanita itu sudah berada di tempat ini sebelum Kristus dilahirkan.

Yesus berkata kepadanya, "Kau tahu bagaimana hidupmu semasa di bumi dan pengakhirannya. Musa telah memberikan hukum itu kepadamu, dan kau mendengarnya. Namun kau tidak mematuhi hukumKu, kerana kau lebih memilih untuk menjadi alat di tangan syaitan, sebagai tukang ramal dan tukang sihir. Bahkan kau mengajarkan sihir. Kau mencintai kegelapan daripada terang, dan kelakuan-kelakuanmu jahat. Sekiranya kau bertaubat dengan sepenuh hati, BapaKu pasti akan mengampunimu. Namun sekarang sudah terlambat."

Dengan perasaan sedih dan kasihan dalam hati, kami pergi dari situ. Kepedihan dan penderitaannya tidak akan ada habisnya. Kedua-dua tangannya yang tinggal tulang cuba menggapai kami pada saat kami terus berjalan.

"AnakKu," kata Tuhan, "Syaitan menggunakan banyak tipu daya untuk menghancurkan lelaki-lelaki baik mahupun wanita-wanita. Dia bekerja siang dan malam, berusaha menarik orang-orang untuk melayaninya. Apabila kau tidak memilih untuk melayani Tuhan, maka kau telah memilih untuk melayani iblis. Pilihlah kehidupan, maka kebenaran akan membebaskanmu."

Setelah berjalan sebentar, kami berhenti di depan sel yang lain. Saya mendengar suara seorang laki-laki sedang memanggil, "Siapa di sana? Siapa di sana?" Saya bertanya-tanya mengapa dia memanggil-manggil.

Yesus berkata, "Dia buta."

Saya mendengar satu suara dan melihat ke sekeliling. Di depan kami ada sesusuk iblis besar dengan sayap-sayap besarnya yang tampaknya patah. Dia terus melihat ke arah kami. Saya berdiri dekat-dekat dengan Yesus. Kami sama-sama menoleh dan melihat ke arah laki-laki yang berbicara tadi. Dia juga berada di dalam sebuah sel, dan dia

membelakangi kami-dia dalam rupa tengkorak dan berbau bangkai serta api memancar dari tubuhnya. Dia memukul-mukul ke udara dan menangis, "Tolonglah saya. Seseorang tolonglah saya!"

Dengan lembut Yesus berkata, "Lelaki, diam, bertenanglah."

Lelaki itu berpusing dan berkata, "Tuhan, saya tahu bahwa Kamu akan datang kepada saya. Sekarang saya bertaubat. Tolong keluarkanlah saya dari tempat ini. Saya tahu kalau saya seorang yang jahat dan menggunakan kecacatan saya untuk mendapatkan keuntungan sendiri. Saya tahu bahawa saya seorang tukang sihir dan menipu banyak orang untuk syaitan. Namun Tuhan, saya bertaubat sekarang. Tolong keluarkanlah saya dari tempat ini. Siang dan malam saya disiksa di dalam nyalaan api ini, tidak ada air di sini. Saya sangat haus." Dia menangis, "tidak mahukah Kamu berikan saya air minum?"

Lelaki itu masih memanggil-manggil Yesus ketika kami berjalan. Saya melihat ke bawah dengan sedih.

Yesus berkata, "Semua tukang sihir dan pelaku-pelaku kejahatan akan mendapat bahagian mereka di lautan api dan belerang, iaitu kematian kedua."

Kami sampai di sel lainnya iaitu ada seorang laki-laki yang lain. Dia berkata, "Tuhan, saya tahu bahawa Kau akan datang dan melepaskan saya. Sudah lama saya bertaubat." Lelaki ini juga hanya tinggal tengkorak, penuh dengan nyalaan api dan ulat-ulat.

"Oh, manusia, kau masih penuh dengan penipuan dan dosa. Kau tahu bahawa dirimu ialah pengikut syaitan, seorang penipu yang menipu banyak orang. Kebenaran tidak pernah ada di mulutmu, dan kematian akan tetap menjadi ganjaranmu. Kau sering mendengar firmanKu dan mempermain-mainkan penyelamatanKu dan Roh KudusKu. Kau berdusta sepanjang hidupmu dan tidak mahu mendengar kata-kataKu. Iblis ialah bapamu. Semua pendusta akan mendapatkan bahagian di lautan api. Kau telah menghina Roh Kudus."

Laki-laki itu mulai menyumpah dan mengatakan banyak hal jahat terhadap Tuhan. Lalu kami meneruskan perjalanan. Jiwa ini akan selama-lamanya sesat di neraka.

Yesus berkata, "Siapapun boleh datang kepadaKu, dan dia yang kehilangan nyawanya kerana Aku, akan menjumpai kehidupan, dan memperolehnya dalam kelimpahan. Namun orang-orang berdosa harus bertaubat selama masih hidup di bumi. Sudah terlambat untuk bertaubat apabila mereka sudah tiba di sini. Banyak orang berdosa yang ingin melayani Tuhan dan syaitan, atau mereka percaya bahawa mereka memiliki waktu yang tidak terbatas untuk menerima kurniaan yang ditawarkan Tuhan. Orang yang benar-benar bijak akan memilih pada masa ini siapa yang mahu dilayan mereka."

Tidak berapa lama kemudian kami tiba di sel yang lain. Satu tangisan pilu dan putus asa terdengar dari dalam. Kami memerhatikan dan melihat satu tengkorak laki-laki membongkok di lantai. Tulang-tulanganya hangus terbakar, dan jiwanya di dalamnya

kotor - berwarna kabut keabua-abuan. Saya memerhatikan sebahagian tubuhnya ada yang hilang. Asap dan nyalaan api datang dari sekelilingnya. Ulat-ulat merangkak di dalamnya.

Yesus berkata, "Dosa orang ini sangat banyak. Dia seorang pembunuh dan ada dendam di hatinya. Dia tidak bersedia untuk bertaubat bahkan mempercayai bahawa Aku akan mengampuninya. Seandainya dia datang kepadaKu!"

"MaksudMu, Tuhan," tanya saya, "dia beranggapan bahawa Kau tidak akan mengampuninya kerana membunuh dan berdendam?"

"Ya," jawab Yesus. "Seandainya dia percaya dan datang kepadaKu, Aku sudah mengampuni semua dosanya, besar ataupun kecil. Sebaliknya, dia terus berdosa dan mati dalam kubangan dosa. Itulah sebabnya dia berada di sini hari ini. Dia diberikan banyak kesempatan untuk melayaniKu dan mempercayai injil, namun dia menolak. Sekarang sudah terlambat."

Sel berikut yang kami kunjungi penuh dengan bau yang tidak enak. Saya dapat mendengar tangisan orang-orang mati dan rintihan penyesalan di mana-mana. Saya berasa sangat sedih sehingga saya hampir sakit. Saya bertekad melakukan segala yang terdaya untuk menceritakan berkenaan tempat ini kepada dunia.

Suara seorang wanita berkata, "Tolonglah saya." Saya menatap ke sepasang mata yang sebenar, bukan rongga-rongga yang hangus, yang menandakan habis terbakar. Saya sangat sedih hingga tubuh saya gementar dan saya berasa kasihan serta dan sedih terhadap jiwa ini. Saya berasa sangat ingin menariknya keluar dari sel dan membawanya lari bersama. "Sakit sekali," katanya.

"Tuhan, sekarang saya akan melakukan yang baik. Dahulu saya pernah mengenaliMu, dan dahulu Kau ialah Penyelamaku." Tangannya mencengkam palang-palang sel. "Mengapa sekarang Kau tidak mahu menjadi Penyelamatku?" Potongan-potongan besar dari daging yang terbakar berjatuhan darinya, dan kini hanya tulang-tulang yang mencengkam palang-palang itu.

"Bahkan Kau menyembuhkan penyakit kanserku," katanya. "Kau memintaku untuk pergi dan tidak melakukan dosa lagi, supaya hal yang lebih buruk tidak terjadi pada saya. Saya sudah mencuba, Tuhan; Kau tahu, saya telah mencuba. Bahkan saya mencuba untuk bersaksi bagiMu. Namun, Tuhan, tidak berapa lama kemudian saya mendapati bahawa mereka yang menyampaikan firmanMu tidak popular. Saya ingin banyak orang menyukai saya. Lambat laun saya kembali ke dunia dan nafsu kedagingan menguasai saya. Kelub-kelub malam dan minuman keras menjadi lebih penting daripadaMu. Hubungan saya dengan teman-teman Kristian lainnya menjadi jauh, dan kemudian saya mendapati diri saya sendiri tujuh kali lebih buruk daripada sebelumnya.

"Meskipun saya menjadi kekasih untuk kedua-dua teman sejenis dan bukan sejenis, saya tidak pernah berniat untuk tersesat. Saya tidak tahu bahawa saya dikuasai oleh syaitan. Saya masih dapat merasakan panggilanMu untuk bertaubat di hati saya dan diselamatkan, namun saya tidak bersedia melakukannya. Saya terus berfikir bahawa saya masih memiliki waktu. Besok saya akan kembali kepada Yesus, dan Dia akan mengampuni saya dan membebaskan saya. Tetapi saya menunggu terlalu lama, dan kini sudah terlambat," tangisnya."

Matanya yang sedih dibakar api dan kemudian hilang. Saya berteriak dan jatuh ke hadapan Yesus. Oh Tuhan, saya fikir betapa mudahnya hal itu boleh terjadi pada diri saya atau kepada salah seorang daripada orang-orang yang saya kasihi! Tolonglah, orang-orang berdosa, bangunlah sebelum terlambat.

Kami bejalan ke sel yang lain. Di dalam sel itu ada seorang laki-laki dalam bentuk tengkorak dengan jiwa kotor-berwarna kelabu di dalamnya. Tangisan kesakitan dan penyesalan terdengar daripada lelaki ini yang saya tahu tidak akan dapat saya lupakan. Yesus berkata, "AnakKu, sebahagian besar orang yang membaca buku ini akan membandingkannya dengan cerita fiksiyen atau filem yang ditonton mereka. Mereka akan mengatakan bahawa hal ini tidak benar. Namun kau tahu bahawa kejadian-kejadian ini adalah benar. Kau tahu bahawa neraka itu nyata, kerana Aku sudah sering membawamu ke sana oleh RohKu. Aku telah menunjukkan kebenaran kepadamu sehingga kau dapat menjadi saksi." "

Orang-orang yang tersesat, apabila anda tidak mahu bertaubat dan dibaptis, serta percaya pada injil Yesus Kristus, anda pasti akan berakhir seperti itu.

"Laki-laki tersebut berada di sini," kata Tuhan, "kerana penentangannya. Dosa penentangannya adalah seperti dosa ilmu sihir. Sebenarnya, semua yang mengetahui firmanKu dan jalan-jalanKu malah telah mendengar gospel tetapi tidak mahu bertaubat, merupakan penentangan terhadapKu. Banyak orang berada di neraka hari ini kerana dosa ini."

Laki-laki tersebut berbicara kepada Yesus dan berkata, "Dahulu saya pernah berfikir untuk menjadikanMu Tuhan dalam hidup saya, tetapi saya tidak bersedia berjalan di jalanMu yang lurus dan sempit. Saya menginginkan jalan yang lebar. Jauh lebih mudah untuk melayani dosa. Saya tidak ingin menjadi benar. Saya mencintai jalan yang berdosa. Saya ingin minum minuman keras dan melakukan hal-hal yang lebih bersifat duniawi daripada mematuhi perintah-perintahMu. Tetapi sekarang saya berharap seandainya saya mendengar kata-kata mereka yang telah Kau kirim kepada saya. Sebaliknya, saya melakukan kejahatan dan tidak mahu bertaubat. "

Esakan yang kuat menyebabkan tubuhnya bergoncang semasa dia menangis dalam penyesalan. "Selama bertahun-tahun saya disiksa di tempat ini. Saya mengenali diri saya, dan saya tahu bahawa saya tidak akan keluar selamanya. Saya disiksa siang dan malam di dalam nyalaan-nyalaan api dan ulat-ulat. Saya menangis, namun tidak seorang pun yang datang menolong. Tidak seorangpun peduli jiwa saya berada di tempat ini-tidak seorang pun mempedulikan jiwa saya. " Dia terjatuh dalam timbunan kecil di lantai dan terus menangis.

Seorang wanita duduk sambil memungut ulat-ulat dari tulang-tulangnya. Dia mulai menangis ketika dia melihat Yesus. "Tolong saya, Tuhan," katanya, "Saya akan berkelakuan baik. Tolong keluarkan saya." Dia juga bangkit dan mencengkam palang-palang sel. Saya berasa sangat kasihan terhadapnya. Ketika dia menangis, esakan-esakannya membuatkan tubuhnya bergoncang.

Dia berkata, "Tuhan, semasa saya berada di bumi, saya memuja dewa-dewa Hindu dan banyak berhala. Saya tidak mahu mempercayai gospel yang disampaikan oleh para mubaligh kepada saya, meskipun seringkali saya mendengarnya. Suatu hari saya mati. Saya berteriak kepada dewa-dewa saya untuk menyelamatkan saya dari neraka, tetapi mereka tidak berupaya. Sekarang, Tuhan, saya mahu bertaubat."

"Sudah terlambat," kata Yesus.

Semasa kami terus berjalan, nyalaan api menutupi seluruh kerangkanya; tangisan-tangisannya masih dapat saya rasai bahkan hingga sekarang. Syaitan telah menipunya.

Dengan suara sedih, Yesus berkata, "Mari, kita akan kembali lagi esok. Sudah tiba waktunya untuk pergi. "

---

## **Bab 17** **Peperangan di Udara**

Roh Tuhan berada di atas saya, dan kami kembali pergi ke neraka. Yesus berkata, "Aku mengatakan yang benar kepadamu, banyak jiwa yang berada di sini kerana ilmu sihir, ilmu ghaib, pemujaan dewa-dewa, ketidakpatuhan, ketidakpercayaan, pemabuk, kecabulan daging dan rohani. Mari, Aku akan menunjukkan kepadamu suatu misteri dan memberitahumu hal-hal yang tersembunyi. Aku akan menunjukkan kepadamu bagaimana berdoa melawan kuasa-kuasa jahat."

Kami berjalan ke satu bahagian di neraka di sebelah jantung neraka. Yesus berkata, "Kita akan segera menuju ke rahang neraka, tetapi Aku ingin menunjukkan kepadamu bahawa neraka telah memperlebarnya sendiri."

Kami berhenti, dan Dia berkata, "Lihatlah dan percayalah." Saya memerhatikan dan menyaksikan satu penglihatan yang terbuka. Dalam penglihatan tersebut, Yesus dan saya berada tinggi di atas bumi, melihat ke luar angkasa. Saya melihat suatu lingkaran roh, tinggi di atas bumi. Lingkaran tersebut tidak dapat dilihat dengan mata jasmani, tetapi dengan mata roh, saya dapat melihatnya dengan baik. Saya tahu bahawa penglihatan tersebut berhubungan dengan perjuangan kita melawan pemerintah-pemerintah dan penguasa-penguasa di udara.

Ketika saya terus memerhatikan, sebenarnya ada beberapa lingkaran. Di dalam lingkaran pertama banyak roh jahat yang warnanya keruh. Saya melihat roh-roh yang keruh itu dalam rupa tukang sihir, dan mereka mulai terbang di udara dan banyak melakukan kerosakan rohani. Saya mendengar suara Yesus berkata, "Di dalam namaKu, Aku memberikan kepada anak-anakKu kuasa untuk melawan kekuatan si jahat. Dengar dan pelajari bagaimana cara berdoa."

Saya melihat satu rupa aneh muncul dari lingkaran yang lain dan mulai berputar dan melontarkan mantra-mantra. Kemudian saya melihat sesusuk iblis muncul, dan dia melakukan hal-hal yang jahat kepada bumi ini. Iblis itu memiliki roh ahli sihir. Dia membalikkan tubuhnya dan ketawa, dan dari satu tongkat di tangannya, dia melontarkan mantra-mantra jahat kepada pelbagai jenis orang. Saya melihat roh-roh jahat lainnya bergabung dengan ahli sihir itu, dan syaitan memberikan kekuatan yang lebih besar lagi.

"Lihatlah, apa yang kau ikat di bumi, akan Kuikat di syurga," kata Yesus. "Syaitan harus diikat apabila para pendoa daripada orang-orang kudus efektif pada hari-hari terakhir ini."

Dari lingkaran yang lain, saya melihat tukang sihir yang lain muncul, dan dia mulai memberikan perintah-perintah. Hujan dan api turun ke atas bumi semasa dia berbicara. Dia mengatakan hal-hal yang jahat, dan dia menipu orang-orang di bumi. Semasa saya memerhatikan, saya melihat ada dua roh jahat lagi yang bergabung dengan tukang sihir tersebut, jauh tinggi di atas bumi. Mereka semua ialah pemerintah-pemerintah jahat dan penguasa-penguasa di udara.

Mereka memberikan kekuatan kepada ahli-ahli sihir itu, yang telah berkumpul bersama di suatu tempat untuk melakukan kejahatan." Pekerja-pekerja kegelapan berkumpul di sekeliling mereka. Roh-roh datang dan pergi mengikut pilihan mereka.

"Perhatikan baik-baik," kata Yesus, "kerana Roh Kudus sedang menunjukkan kebenaran besar kepadamu."

Dalam penglihatan tersebut, saya melihat hal-hal mengerikan sedang terjadi di bumi. Iblis semakin besar dan dosa semakin penuh. Kekuatan-kekuatan iblis menyebabkan manusia mencuri, menipu, berdusta, saling menyakiti, mengeluarkan kata-kata jahat, dan mengalah pada nafsu kedagingan. Segala bentuk kejahatan dilepaskan ke atas bumi.

Saya berkata, "Yesus, hal ini sangat mengerikan untuk disaksikan."

Yesus berkata, "AnakKu, di dalam namaKu, iblis pasti lari. Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kau dapat berdepan pada hari yang jahat itu dan tetap berdiri sesudah kau menyelesaikan segalanya."

Ketika roh-roh jahat memuntahkan kekejian dan fitnah mereka ke atas bumi, saya melihat umat Allah mulai berdoa. Mereka berdoa di dalam nama Yesus dan dalam

keimanan. Ketika mereka berdoa, firman Tuhan hadir melawan roh-roh jahat, yang mulai mengalami kekalahan. Ketika orang-orang kudus berdoa pasukan-pasukan iblis kehilangan cengkeraman mereka. Mantra-mantra jahat dipatahkan. Mereka yang dilemahkan oleh kekuatan-kekuatan neraka diberikan kekuatan.

Ketika mereka berdoa dalam satu suara, malaikat-malaikat syurga memasuki daerah peperangan itu. Saya melihat malaikat-malaikat kudus itu berperang dengan penguasa-penguasa dunia yang jahat di udara, dan malaikat-malaikat Allah menghancurkan kekuatan-kekuatan jahat.

Saya memerhatikan, dan melihat ada barisan demi barisan kekuatan malaikat, dengan setiap barisnya terdiri daripada kira-kira 600 malaikat. Ketika umat mempercayai Tuhan, para malaikat maju ke depan. Allah yang memberikan perintah, dan kuasaNya sungguh luar biasa. Dia memberikan kekuatan yang besar kepada umatNya dan kepada para malaikat untuk menghancurkan pekerjaan-pekerjaan syaitan. Allah berperang melawan iblis di udara. Ketika umat berdoa dan memercayai Tuhan, kekuatan-kekuatan iblis dihancurkan. Namun apabila ada ketidakpercayaan, kekuatan-kekuatan iblis mulai menguasai.

"UmatKu harus percaya, dan mereka harus bersetuju antara satu sama lain dan denganKu," kata Tuhan, "apabila segalanya diserahkan di bawah kaki Bapa." Langit dan bumi harus sepakat apabila kita ingin menghancurkan musuh-musuh kita.

Ketika puji-pujian dari umat Allah mulai naik dari bumi, kekuatan-kekuatan iblis berundur. Saya melihat orang-orang kudus Tuhan berdoa dengan sungguh-sungguh untuk melawan pelbagai tipu muslihat iblis. Semasa mereka melakukannya, mantra-mantra jahat dan sumpahan-sumpahan dipatahkan, dan orang-orang kudus memperoleh kemenangan.

Iniilah yang terjadi. Ketika malaikat-malaikat Tuhan berperang dengan iblis dan kekuatan-kekuatan jahat, orang-orang kudus menyampaikan doa. Ketika umat menyampaikannya, banyak puji-pujian dengan suara keras sampai kepada Allah, dan puji-pujian itu membawa kemenangan yang lebil besar lagi. Hanya ketika hasil doa tidak kelihatan untuk seketika, menyebabkan puji-pujian terhenti dan maka iblis mulai menguasai peperangan.

Saya mendengar seorang malaikat dengan suaranya yang keras berkata, "Oh Tuhan, iman umatMu ini lemah. Mereka harus memiliki iman kalau mereka menginginkanMu untuk melepaskan mereka daripada gerombolan syaitan. Tuhan, kasihanilah pewaris-pewaris penyelamatan ini."

Suara yang Mahakuasa menjawab, "Tanpa iman, tidak mungkin dapat menyenangkan hati Tuhan. Namun Tuhan itu setia, dan Dia akan menguatkanmu."

Sekali lagi dalam penglihatan, saya melihat Tuhan mencurahkan RohNya ke atas semua orang, dan umat percaya bahawa Allah akan melakukan semua yang diminta mereka, kerana mereka adalah milikNya dan saya mengasihinya dengan tulus. Mereka



memiliki iman tentang Tuhan dan memercayai firmanNya, serta Tuhan membebaskan mereka. Firman Tuhan tumbuh di tempat itu.

Tuhan berkata, "Segalanya adalah mungkin bagi mereka yang percaya. Aku menjaga firmanKu untuk dilaksanakan. Kau melakukan bahagianmu, dan kau dapat mengetahui bahawa Aku akan melakukan bahagianKu. Apabila umatKu teguh dalam kebenaran dan bertanding dalam iman yang benar, maka hal-hal yang hebat akan terjadi seperti pada hari Pentakosta. Berserulah kepadaKu dan Aku akan mendengarnya. Aku akan menjadi Tuhanmu dan kau akan menjadi umatKu. Aku akan membuatmu hidup dalam kebaikan, kebenaran, dan ketulusan."

Dalam penglihatan itu, saya melihat orang-orang Kristian dilahirkan seperti bayi-bayi mungil. Saya melihat malaikat-malaikat berdiri di depan mereka untuk melindungi mereka daripada kebinasaan. Saya melihat Tuhan alam semesta berlawan untuk pertempuran mereka dan memberikan kemenangan kepada mereka. Kemudian saya melihat bayi-bayi itu membesar dan menuai di ladang Tuhan yang Mulia. Mereka melakukan pekerjaan Tuhan dengan hati yang sukacita- mengasihi Tuhan, mencintai Tuhan, dan melayani Tuhan. Saya melihat malaikat-malaikat dan firman Tuhan bergabung untuk menghancurkan kejahatan dari muka bumi. Saya melihat kedamaian di bumi apabila segalanya berakhir di bawah kaki Tuhan.

---

## **Bab 18**

# **Penglihatan-penglihatan**

## **Terbuka dari Neraka**

Tuhan berkata, "Penglihatan ini tentang masa depan, dan akan terjadi. Namun Aku akan kembali untuk menebus mempelaiKu, jemaahKu, dan mereka tidak patut melihatnya. Bangunlah, Oh, umatKu. Bunyikanlah tanda peringatan ke seluruh pelosok bumi, kerana Aku akan kembali seperti yang dikatakan oleh firmanKu."

Saya melihat ular yang menakutkan berada di lengan kanan neraka.

Yesus berkata, "Mari, lihatlah apa yang akan dikatakan oleh Roh kepada dunia."

Saya melihat tanduk-tanduk ular yang menakutkan itu semasa memasuki tubuh umat di bumi. Banyak orang benar-benar dikuasai oleh ular itu. Ketika saya memerhatikan, saya melihat seekor binatang besar muncul di suatu tempat yang tinggi dan kembali menjadi seorang manusia. Para penghuni bumi melarikan diri darinya, sebahagian besar ke hutan belantara, sebahagian lagi ke gua-gua, dan sebahagian lagi ke stesen kenderaan bawah tanah dan perlindungan daripada bom. Mereka mencari tempat perlindungan untuk bersembunyi daripada pandangan binatang itu. Tidak ada seorangpun memuliakan Allah atau berbicara tentang Yesus.

Satu suara berkata kepada saya, "Di manakah umatKu ?"

Saya memerhatikan dengan lebih dekat lagi dan saya melihat orang-orang seperti orang mati yang berjalan. Suasana yang sangat menyedihkan sungguh terasa, dan tidak seorang pun yang berpaling ke kanan atau ke kiri. Saya melihat orang-orang sedang dituntun oleh kekuatan yang tidak kelihatan. Sekali sekala, satu suara berbicara kepada mereka dari udara dan mereka mematuhi suara itu. Mereka tidak berbicara antara satu sama lainnya. Saya juga melihat bahawa angka "666" tertulis pada setiap dahi dan tangan orang-orang. Saya melihat para tentera berkuda mengembalakan orang-orang seolah-olah mereka ialah lembu.

Bendera Amerika yang sobek dan terkoyak, terbiar kesepian di tanah. Tidak ada sukacita, tidak ada tawa, tidak ada kebahagiaan. Saya melihat kematian dan hal-hal yang jahat di mana-mana.

Orang-orang berjalan berbaris masuk ke toko yang besar. Mereka terus berjalan seperti tentera-tentera yang ketakutan dan pakaian mereka seperti pakaian seragam penjara. Toko itu dikelilingi oleh pagar, dan para penjaga berjaga-jaga di sana sini. Ke mana-mana sahaja saya memandangi, saya melihat tentera-tentera dengan pakaian seragam tempur.

Saya memandangi orang-orang seperti zombi digembalakan masuk ke dalam toko, mereka hanya dapat membeli keperluan-keperluan yang paling sederhana. Ketika masing-masing menyelesaikan perbelanjaan mereka, dia dinaikkan ke atas sebuah trak tentera besar yang berwarna hijau. Trak tersebut yang dijaga dengan ketat kemudiannya dibawa ke tempat lain.

Di tempat ini, sejenis klinik, orang-orang itu diperiksa untuk mengetahui sama ada mereka dijangkiti penyakit mudah menular atau cacat. Sebilangan kecil daripada mereka diseret ke tepi sebagai penolakan.

Tidak berapa lama kemudian, mereka yang tidak lulus ujian dibawa ke bilik lain. Di dalam bilik tersebut, kelihatan suatu rangkaian suis, tombol dan meter berjajar di sepanjang dinding. Sebuah pintu terbuka, dan beberapa juruteknik masuk. Salah seorang daripada mereka mulai memanggil nama-nama orang yang ada di dalam bilik tersebut. Tanpa melawan, mereka bangkit ketika nama mereka dipanggil lalu berarak masuk ke dalam sebuah kotak besar. Ketika mereka sudah di dalam, juruteknik yang lain menutup pintu lalu menarik sebuah tombol yang terdapat di panel dinding.

Beberapa minit kemudian, dia membuka pintu itu, lalu mengambil sebuah penyapu dan pembersih debu, lalu menyapu sisa-sisa tubuh mereka di lantai. Tidak ada apa-apa melainkan hanya sedikit debu yang tersisa di dalam bilik yang sebelumnya penuh dengan orang itu!

Saya melihat orang-orang yang lulus pemeriksaan kesihatan dikembalikan ke dalam trak yang sama dan dibawa ke keretapi. Tidak ada seorang pun berbicara bahkan

saling melihat. Di bangunan yang lain, setiap mereka diberikan tugas masing-masing. Mereka semua bekerja tanpa membantah sama sekali. Saya memerhatikan mereka sangat bekerja keras melakukan tugas-tugas yang diberikan kepada mereka, dan kemudian pada waktu malam mereka dibawa ke sebuah apartmen yang dikelilingi pagar tinggi. Mereka membuka pakaian masing-masing lalu tidur. Keesokan harinya mereka akan bekerja keras kembali.

Saya mendengar suatu suara yang keras memenuhi ruangan udara malam. Saya melihat seekor binatang besar, dan duduk di atas takhta yang besar. Semua orang mematuhi binatang itu. Saya melihat tanduk-tanduk keluar dari kepalanya. Tanduk-tanduk itu menjangkau ke dalam dan ke luar dari setiap tempat di bumi. Binatang itu memikul banyak posisi pihak berkuasa dan banyak dan banyak jabatan, dan kekuasaannya semakin besar.

Binatang itu masuk ke banyak tempat dan memperdayakan banyak orang. Orang kaya dan terkenal ditipu, demikian juga dengan orang miskin dan yang tak berdaya. Yang kecil dan yang besar menyatakan hormat kepada binatang itu.

Sebuah mesin besar dibawa masuk ke dalam sebuah pejabat. Binatang itu meletakkan tanda di atasnya, dan suaranya keluar dari mesin tersebut. Di sana juga ada "saudara" dari mesin tersebut, yang dapat melihat ke dalam rumah-rumah dan perusahaan-perusahaan. Hanya mesin itu saja yang ada, dan mesin itu milik binatang tersebut. Bahagian daripada mesin yang terletak di rumah-rumah orang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, namun dapat dan memberikan laporan kepada binatang tersebut mengenai setiap pergerakan yang dilakukan oleh orang-orang. Saya memerhatikan ketika mahkota dan kepala binatang tersebut berpaling ke arah saya. Di dahinya terdapat angka 666.

Ketika saya memerhatikan, saya melihat ada laki-laki lain di pejabat yang lain menjadi sangat marah terhadap binatang tersebut. Dia mendesak agar berbicara dengannya. Dia berteriak dengan suara menengking. Binatang tersebut muncul dan tampaknya sangat ramah ketika berkata, "Mari, saya dapat menolongmu mengatasi semua masalahmu."

Binatang itu membawa laki-laki yang marah itu ke sebuah ruangan besar dan menyuruhnya agar berbaring di atas sebuah meja. Bilik dan meja tersebut mengingatkan saya akan bilik kecemasan di hospital. Laki-laki itu diberikan suntikan anesthesia dan ditolak masuk dengan roda di bawah mesin yang sangat besar itu. Binatang itu memasang wayar-wayar di kepala laki-laki itu dan menyalakan mesinnya. Di bahagian atas mesin tersebut tertulis kata-kata, "Alat pencuci minda ini milik binatang itu, 666."

Ketika laki-laki itu dikeluarkan dari meja, tatapan matanya kosong, dan gerakannya mengingatkan saya akan salah satu zombie yang ada di dalam filem. Saya melihat satu bintik putih besar di atas kepalanya, dan saya mengetahui bahawa fikirannya sudah diubah melalui pembedahan, sehingga dia dapat diawasi oleh binatang tersebut.

Binatang itu berkata, "Sekarang, adakah anda berasa lebih baik? Sudah saya katakan bahawa saya dapat mengatasi semua masalah anda, bukan? Saya sudah memberikan otak yang baru kepadamu. Anda tidak akan khuatir ataupun memiliki masalah lagi sekarang."

Binatang itu berkata, " Bukankah saya sudah mengatakan bahawa saya mengambil berat masalah kamu? Saya memberi pemikiran baru kepadamu. Kamu tidak akan ada kerisauan atau masalah sekarang."

Lelaki itu tidak berkata-kata.

"Anda akan mematuhi setiap perintah saya," kata binatang itu semasa dia mengambil suatu benda kecil dan meletakkannya pada kemeja lelaki itu. Dia kembali berbicara dengan lelaki itu, dan lelaki itu menjawab tanpa menggerakkan bibirnya. Dia bergerak seperti lelaki mati yang hidup. "Kamu akan bekerja dan tidak marah atau kecewa, mahupun menangis atau sedih. Kamu akan bekerja untuk saya sampai kamu mati. Saya memiliki banyak orang seperti kamu yang dapat saya kawal. Ada yang suka berbohong, membunuh, mencuri, menyebabkan perang, yang memiliki anak, yang menjalankan mesin, dan yang melakukan hal-hal lain. Ya, saya mengendalikan segalanya." Lalu dia mengeluarkan tawa yang jahat.

Lelaki itu menyerahkan kertas-kertas untuk ditandatangani. Dengan bangga dia memberikan seluruh miliknya kepada binatang itu.

Dalam penglihatan itu saya melihat lelaki tersebut meninggalkan pejabat binatang tersebut, masuk ke dalam kereta dan memandu pulang. Ketika lelaki itu mendekati isterinya, dia berusaha menciumnya, namun laki-laki itu tidak berusaha untuk memberikan respon. Dia tidak lagi memiliki perasaan terhadap isterinya mahupun orang lain. Binatang itu telah membuatnya tidak dapat merasai apa-apa emosi. Isterinya menjadi sangat marah dan berteriak kepada suaminya, namun sia-sia saja. Akhirnya isterinya berkata, "Baiklah, aku akan pergi kepada binatang itu. Dia tahu apa yang harus dilakukan." Selepas membuat panggilan telefon dengan pantas, dia meninggalkan rumah dan memandu ke bangunan yang sama ditinggalkan suaminya tadi.

Binatang itu menyambutnya dengan baik dan berkata, "Katakan kepada saya semua masalahmu. Saya yakin bahawa saya dapat menolongmu."

Seorang lelaki yang sangat tampan memegang tangannya dan membawanya ke meja yang sama di mana suaminya tadi diikat. Setelah menjalani operasi yang sama, dia juga menjadi hamba yang tidak ada personaliti kepada binatang tersebut.

Saya mendengar binatang itu bertanya, "Bagaimana perasaanmu?" Wanita itu tidak menjawab sehingga binatang tersebut meletakkan suatu benda kecil ke kemejanya. Kemudian wanita itu mengakui bahawa binatang tersebut ialah ketua dan tuhan, serta mulai menyembahnya.

"Kau akan menjadi pembiak," ujarnya. "Kau akan memiliki bayi-bayi yang sempurna, dan mereka akan memuja dan melayani saya."

Wanita itu menjawab dengan suara seperti robot. "Ya tuan, saya akan menurut perintah."

Saya melihat wanita itu lagi. Kali ini dia berada di bangunan yang lain. Di sana ada banyak wanita hamil. Wanita-wanita itu berbaring tanpa nyawa di atas tempat tidur mereka dan sambil menyanyi dengan suara monoton memuja binatang itu. Semuanya memiliki tanda angka 666 pada dahi mereka.

Ketika bayi-bayi mereka lahir, mereka dibawa ke bangunan lain di mana para jururawat yang otak mereka sudah dicuci bertugas memelihara mereka. Semua jururawat juga memiliki tanda 666 pada dahi mereka.

Kekuasaan binatang tersebut bertambah besar hingga kerajaannya tersebar ke seluruh bumi. Bayi-bayi itu juga membesar, dan pada waktu tertentu, mereka juga dimasukkan ke dalam mesin pencuci minda. Mereka menyembah binatang itu dan imejnya. Namun, mesin itu tiada kuasa atas anak Tuhan.

Saya mendengar suara Tuhan berkata, "Orang-orang yang memuja binatang dan patungnya akan binasa. Banyak orang akan ditipu dan jatuh, namun Aku akan menyelamatkan anak-anakKu daripada binatang itu. Hal-hal ini akan terjadi pada akhir zaman. Jangan memakai tanda binatang tersebut. Bertaubatlah sekarang sebelum terlambat.

"Binatang itu akan memanggil dirinya sebagai pembawa damai. Dia akan membawa kedamaian bagi banyak bangsa daripada masa yang sukar. Dia akan dapat membekalkan banyak barangan murah kepada dunia ini, dan dia akan menjamin bahawa setiap orang dapat membelinya dengan harga yang berpatutan. Dia akan bersekutu dengan banyak bangsa, dan orang-orang besar dunia ini akan mengikutinya masuk ke dalam perasaan selamat yang salah.

"Sebelum masa-masa ini, Aku akan membangkitkan suatu bala tentara daripada orang-orang percaya yang akan berdiri teguh demi kebenaran dan kebajikan. Bala tentara besar yang dikatakan oleh nabi Yoel akan mendengar suaraKu dari pagi hingga petang.

"Pada malam hari, mereka juga akan mendengar suaraKu, dan mereka akan menjawabKu. Mereka akan bekerja untukKu, dan mereka akan berlari seperti pahlawan perang yang perkasa. Mereka akan melakukan pekerjaan-pekerjaan besar untukKu, kerana Aku akan menyertai mereka."

Semua hal ini ditunjukkan kepada saya oleh Tuhan Yesus Kristus dalam penglihatan terbuka. Itulah firman yang keluar dari mulutNya, dan firman itu berkenaan hari-hari terakhir.

Yesus dan saya kembali ke rumah, dan saya tertanya-tanya mengenai pelbagai hal yang telah ditunjukkanNya dan diperkatakan kepada saya. Saya tertidur setelah berdoa meminta penyelamatan bagi seluruh umat manusia.

---

## **Bab 19**

### **Rahang Neraka**

Pada malam berikutnya Yesus dan saya berjalan masuk ke rahang neraka.

Yesus berkata, "Kunjungan kita ke neraka hampir selesai, anakKu. Aku tidak akan menunjukkan seluruh neraka. Tetapi Aku ingin kau memberitahu dunia apa yang sudah Kutunjukkan kepadamu. Katakan kepada mereka bahawa neraka itu nyata. Katakan kepada mereka bahawa cerita ini benar.

Setelah kami berjalan, kami berhenti di atas sebuah bukit yang menghadap ke sebuah desa kecil. Sejauh saya memandang, saya dapat melihat longgokan-longgokan jiwa manusia berbaris di sisi bukit ini. Saya dapat mendengar tangisan mereka. Suara-suara yang kuat memenuhi tempat itu. Yesus berkata, "AnakKu, inilah rahang neraka. Setiap kali mulut neraka terbuka, kau akan mendengar suara yang kuat." keras."

Jiwa-jiwa itu sedang berusaha untuk keluar, namun tidak berupaya, kerana mereka melekat pada sisi bukit.

Semasa Yesus berbicara, saya melihat banyak makhluk gelap jatuh melewati kami dan mendarat dengan bunyi berdebut di bawah bukit. Iblis-iblis dengan rantai-rantai besarnya sedang menarik jiwa-jiwa itu. Yesus berkata, "Itu ialah jiwa-jiwa yang baru saja mati di bumi dan tiba di neraka. Kegiatan ini berterusan siang dan malam.

Tiba-tiba, tempat itu menjadi sangat senyap. Yesus berkata, "Aku mengasihimu, anakKu, dan Aku ingin engkau mengatakan kepada orang-orang di bumi mengenai neraka."

Saya melihat jauh ke bawah rahang neraka melalui seperti pintu angin di sisi-sisi rahang. Teriakan kesakitan dan seksaan berasal dari sana. Bilakah ini akan berakhir? Saya tertanya-tanya. Saya akan berasa senang sekali apabila semua ini berhenti.

Kemudian, tiba-tiba, saya berasa sangat kehilangan. Saya tidak dapat mengatakan bagaimana saya mengetahuinya, tetapi saya benar-benar mengetahui bahawa Yesus sudah pergi. Saya berasa sangat sedih. Saya melihat ke tempat Dia berdiri tadi. Benar, Yesus tidak ada! "Oh tidak!" Saya menangis, "Jangan lagi! Oh, Yesus, di manakah Kau?"

Apa yang akan anda baca akan membuat anda takut. Saya berdoa agar hal itu akan membuat anda cukup takut, sehingga anda menjadi orang yang percaya. Saya berdoa agar anda bertaubat daripada dosa-dosa anda, sehingga anda tidak pergi ke tempat yang mengerikan itu. Saya berdoa supaya anda mempercayai saya, kerana saya tidak ingin hal ini terjadi kepada siapapun. Saya mengasihi anda dan berharap agar anda akan sedar sebelum terlambat.

Sekiranya anda ialah orang Kristian dan sedang membaca buku ini, pastikanlah keselamatan anda. Bersiaplah untuk bertemu Tuhan setiap waktu, kerana kadangkang tidak ada waktu untuk bertaubat. Biarlah cahaya anda tetap menyala dan minyak pelita anda penuh. Bersiaplah, kerana anda tidak tahu waktunya Dia akan kembali. apabila anda belum dilahirkan semula, bacalah Yohanes 3:16-19, dan panggillah Tuhan. Dia akan menyelamatkan anda daripada tempat penyeksaan ini.

Ketika saya berteriak kepada Yesus, saya mulai berlari menuruni bukit mencarinya. Saya dihentikan oleh sesusuk iblis besar yang memegang sebuah rantai. Dia tertawa dan berkata, "Tidak ada tempat berlari untukmu, perempuan. Yesus tidak ada di sini untuk menyelamatkanmu. Kau akan berada di neraka selamanya."

"Oh tidak," teriak saya, "biarkan saya pergi!" Saya melawannya dengan segenap kekuatan saya, namun tidak berapa lama saya diikat dengan sebuah rantai dan dilemparkan ke tanah. Ketika saya terbaring di sana, suatu selaput melekit yang aneh dan berbau busuk, mula menutupi tubuh saya dengan begitu mengerikan, sehingga saya berasa mual. Saya tidak tahu apa yang akan terjadi.

Kemudian saya berasa daging dan kulit saya mulai jatuh dari tulang-tulang saya! Saya berteriak ketakutan. "Oh Yesus," teriak saya, "di manakah Kau?"

Saya menatap diri saya sendiri dan melihat lubang-lubang mulai muncul di seluruh sisa daging saya yang tinggal. Saya mulai berubah warna menjadi warna kelabu kotor, dan daging yang berwarna kelabu berjatuh dari saya. Di tubuh saya, di kaki, tangan, dan lengan saya, ada banyak lubang. Saya berteriak, "Oh, tidak! Saya berada di neraka selamanya! Oh, tidak!"

Saya mulai dapat merasakan ulat-ulat ada di dalam diri saya dan melihat tulang-tulang saya sudah dikerumuni ulat-ulat itu. Meskipun saya tidak dapat melihatnya, saya tahu bahawa ulat-ulat itu ada di sana. Saya berusaha mengeluarkan ulat-ulat itu dari tubuh saya, tetapi semakin banyak yang datang. Saya dapat merasakan tubuh saya mereput.

Ya, saya mengetahui segalanya dan dapat mengingat dengan tepat segala yang telah terjadi di bumi. Saya dapat merasakan, melihat, mencium, mendengar, dan merasai seksaan-seksaan di neraka. Saya dapat melihat bahagian dalam tubuh saya sendiri. Saya hanya dalam rupa tengkorak yang kotor, namun saya dapat merasakan semua yang terjadi pada diri saya. Saya melihat yang lainnya juga seperti saya. Sejauh saya memandang, ada jiwa-jiwa di sana.

Saya menangis dengan pilu, "Oh Yesus! Tolonglah saya, Yesus." Saya ingin mati saja, tetapi tidak dapat. Saya kembali merasakan kobaran api di kedua-dua kaki saya. Saya berteriak, "Di manakah Kau, Yesus?" Saya berguling-guling di tanah dan menangis bersama dengan yang lainnya. Kami terbaring di rahang neraka dalam tompokan kecil, seperti sampah yang dibuang. Perasaan sedih yang tak terkira mencengkam jiwa kami.

Saya berteriak terus-menerus, "Di manakah Kau, Yesus? Di manakah Kau, Yesus?"

Saya tertanya-tanya apakah ini hanya mimpi? Adakah saya akan terjaga? Adakah saya benar-benar berada di neraka? Adakah saya telah melakukan dosa terhadap Tuhan dan kehilangan keselamatan saya? Apa yang telah terjadi? Adakah saya berdosa terhadap Roh Kudus? Saya ingat semua ajaran Alkitab yang pernah saya dengar. Saya tahu bahawa keluarga saya ada di atas saya. Dalam keadaan takut, saya menyedari bahawa saya berada di neraka sama seperti semua jiwa lainnya yang pernah saya temui dan bercakap-cakap dengan mereka.

Aneh sekali rasanya dapat melihat ke dalam tubuh saya secara menyeluruh. Ulat-ulat itu sudah mulai merangkak kembali ke tubuh saya. Saya dapat merasakan ulat-ulat merangkak. Saya berteriak dalam ketakutan dan kesakitan.

Kemudiannya sesusuk iblis berkata, "Yesusmu telah mengecewakanmu, bukan? Nah, sekarang kau adalah milik syaitan!" Dia tertawa dengan licik semasa mengangkat saya dan meletakkannya di atas sesuatu.

Saya dengan pantas mendapati saya berada di belakang bangkai sejenis binatang. Binatang itu, sama seperti saya, berupa daging mati berwarna kelabu kotor, penuh dengan najis dan mereput, daging mati. Bau yang tidak enak memenuhi udara yang kotor itu. Binatang itu mengangkat saya tinggi ke atas pinggiran tebing. Saya berfikir, "Oh Tuhan, di manakah Kau?"

Kami melewati banyak jiwa yang sedang berteriak minta diselamatkan. Saya mendengar suara keras dari rahang neraka yang terbuka dan ada lebih banyak jiwa yang jatuh melewati saya. Kedua-dua tangan saya terikat di belakang saya.

Rasa sakit tidak tetap-datangnya secara tiba-tiba dan hilang pun dengan tiba-tiba. Saya berteriak setiap kali rasa sakit itu datang dan menunggu dengan rasa takut hingga rasa sakit itu mereda.

Saya berfikir, Bagaimana saya dapat keluar? Apa yang ada di depan? Inikah berakhirnya? Apa yang telah saya lakukan sehingga terpaksa masuk neraka? "Oh, Tuhan, di manakah Kau?" Saya menangis dalam kesakitan.

Saya menangis, tetapi tidak ada air mata yang keluar-hanya esakan tanpa air mata yang membuat tubuh saya bergerak. Binatang itu berhenti di depan sesuatu. Saya memandang ke atas dan melihat sebuah bilik indah yang penuh dengan permata berkilauan yang sangat mewah. Di tengah-tengah ruangan itu ada seorang wanita cantik berpakaian seorang ratu. Dalam keadaan sedang berputus asa, saya tertanya-tanya apa semua ini.



Saya berkata, "Perempuan, tolonglah saya." Dia mendekati saya dan meludah ke wajah saya. Dia menyumpah saya dan mengucapkan kata-kata kotor kepada saya. "Oh, Tuhan, apakah lagi ini?" Saya menangis. Tawa yang jahat keluar dari dirinya.

Tepat di hadapan saya wanita itu berubah menjadi seorang lelaki, seekor kucing, kuda, ular, tikus dan seorang lelaki muda. Dia berubah rupa seperti apa-apa yang diinginkan. Dia mempunyai kekuatan jahat yang sangat besar. Di atas kamarnya tertulis "Ratu Syaitan."

Binatang itu terus berubah selama berjam-jam, dan kemudiannya berhenti. Tubuh saya dihempaskan dengan hentakan daripada binatang itu ke tanah. Saya memandang ke atas dan melihat bala tentara manusia dengan menunggang kuda bergerak ke arah saya. Saya terpaksa ke tepi semasa mereka melepasi saya. Mereka juga dalam keadaan tengkorak kelabu keruh.

Setelah mereka melewati saya, saya diangkat dari tanah dan dimasukkan ke dalam sebuah sel. Ketika seseorang mengunci pintunya, saya melihat ke sekeliling sel dengan ketakutan dan menangis. Saya berdoa, tetapi tanpa harapan. Saya menangis dan bertaubat ribuan kali daripada dosa-dosa saya. Benar, saya memikirkan banyak hal sehingga saya tidak dapat memimpin orang-orang lain datang kepada Kristus dan menolong seseorang pada saat mereka memerlukan saya. Saya bertaubat daripada hal-hal yang telah saya lakukan dan hal-hal yang belum saya lakukan.

"Oh, Tuhan, selamatkanlah saya," teriak saya. Saya memanggil Tuhan berulang-ulang untuk menolong saya. Saya tidak dapat melihatNya atau merasakannya. Saya berada di neraka sama seperti orang-orang lain yang saya temui. Saya jatuh ke lantai kesakitan lalu menangis. Saya berasa tersesat selama-lamanya. Jam demi jam berlalu, dan seringkali suara yang keras itu terdengar kembali, dan jiwa-jiwa lainnya masuk ke dalam neraka. Saya terus-menerus memanggil, "Yesus, di manakah Kau?" Tidak terdengar jawapan. Ulat-ulat itu kembali merangkak ke dalam saya. Saya dapat merasakan semuanya di dalam tubuh saya.

Di mana-mana ada kematian. Saya tidak mempunyai daging, tanpa organ tubuh, tanpa darah, tanpa tubuh, dan tanpa harapan. Saya terus-menerus menarik ulat-ulat itu keluar dari rangka saya. Saya mengetahui segalanya yang sedang terjadi, dan saya ingin mati tetapi tidak dapat. Jiwa saya akan terus hidup untuk selamanya.

Saya mulai menyanyi tentang kehidupan dan kuasa di dalam darah Yesus, yang dapat menyelamatkan saya daripada dosa. Ketika saya melakukannya, iblis-iblis besar dengan memegang tombak muncul dan berteriak, "Hentikan!" Mereka menikam saya dengan tombak-tombak itu, dan saya berasa nyalaan api yang panas semasa hujung-hujungnya menjalar ke wujud saya. Mereka menikam saya terus-menerus.

Mereka menyanyikan, "Syaitan ialah tuhan di sini. Kami membenci Yesus dan semua wakil-wakilNya!"

Apabila saya tidak berhenti bernyanyi, mereka membawa saya keluar dari sel dan menarik saya ke suatu tempat terbuka yang besar. "Kalau kau tidak diam," kata mereka, "seksaan-seksaanmu akan lebih berat lagi."

Saya berhenti bernyanyi, dan akhirnya mereka mengembalikan saya ke sel. Saya teringat dengan ayat Alkitab mengenai malaikat-malaikat yang jatuh, yang diikat dengan rantai hingga penghakiman terakhir. Saya bertanya-tanya apakah ini waktu penghakiman saya. "Tuhan, selamatkanlah orang-orang di bumi," tangis saya. "Bangunkan mereka sebelum terlambat." Banyak ayat Alkitab terlintas di benak saya, namun saya takut kepada iblis-iblis itu, jadi saya tidak mengucapkannya

Raungan dan teriakan memenuhi udara kotor itu. Seekor tikus merangkak mendekati saya. Saya menendangnya. Saya memikirkan suami dan anak-anak saya. "Oh, Tuhan, jangan biarkan mereka datang ke tempat ini," tangis saya, kerana saya tahu dengan pasti bahawa saya berada di neraka.

Tuhan tidak dapat mendengar saya. Telinga Yang Maha Kuasa tertutup bagi tangisan-tangisan di neraka, fikir saya. Seandainya seseorang mahu mendengarkan. Seekor tikus besar berlari naik ke kaki saya dan menggigit saya. Saya berteriak dan menariknya dari tubuh saya. Rasanya sakit sekali.

Api keluar dari suatu tempat dan perlahan-lahan menjalar ke arah saya. Detik demi detik, minit demi minit, jam demi jam berlalu. Saya ialah orang berdosa, yang masuk ke neraka. "Oh, kematian, datanglah," tangis saya. Tangisan saya sepertinya memenuhi seluruh rahang neraka. Jiwa yang lainnya bergabung bersama tangisan saya- sesat untuk selama-lamanya-tiada jalan! Saya ingin mati, namun tidak dapat.

Saya jatuh ke lantai dalam timbunan, merasakan semua seksaan ini. Saya mendengar rahang itu membuka kembali, dan lebih banyak lagi jiwa yang datang. Kini api membakar saya, dan muncul rasa sakit yang baru. Fikiran saya tajam. Saya mengetahui semua yang terjadi, dan saya mengetahui bahawa ketika jiwa-jiwa mati di bumi dan tidak diselamatkan dari dosa-dosa mereka, maka mereka datang ke sini.

"Oh, Tuhan, selamatkanlah saya," teriak saya. "Tolong selamatkan kami semua."

Saya teringat seluruh hidup saya dan semua orang yang menceritakan hal Yesus kepada saya. Saya teringat untuk berdoa bagi orang sakit dan bagaimana Yesus telah menyembuhkan mereka. Saya ingat firman kasihNya dan menenangkan serta kesetiaanNya

Seandainya saja waktu itu, atau setelah itu, saya lebih seperti Yesus, saya tidak akan berada di sini, fikir saya. Saya memikirkan semua hal baik yang diberikan Tuhan kepada saya-bagaimana Dia memberikan saya udara untuk bernafas, makanan, anak-anak, rumah, dan hal-hal baik untuk dinikmati. Namun, jika Dia ialah Tuhan yang baik, maka mengapa saya berada di sini? Saya tidak memiliki kekuatan untuk bangkit, namun jiwa saya terus menangis, "Keluarkanlah saya dari tempat ini."

Saya tahu bahawa ada kehidupan yang berlangsung ke atas saya, dan di suatu tempat, teman-teman dan keluarga saya menjalani kehidupan mereka sehari-hari. Saya tahu ada gelak tawa, kasih, dan kebaikan di suatu tempat di atas sana. Namun hal itu mula memudar secara menyakitkan. Suatu kabut agak gelap dan samar-samar mengisi mana-mana bahagian rahang ini. Cahaya kuning samar-samar muncul di mana-mana, dan bau daging mereput hampir-hampir merupakan hal yang terlalu sulit ditanggung. Minit demi minit terasa seperti berjam-jam lamanya, dan jam demi jam diregangkan menjadi selama-lamanya. Oh, bilakah hal ini akan berhenti?

Saya tidak mempunyai kesempatan untuk tidur dan beristirahat, tidak ada makanan mahupun air. Saya sangat lapar dan lebih haus daripada yang dapat saya bayangkan sepanjang hidup saya. Saya begitu letih dan mengantuk-namun rasa sakit itu terus-menerus. Setiap kali rahang tersebut terbuka, mereka melemparkan banyak orang yang sesat ke dalam neraka, saya tertanya-tanya adakah orang yang saya kenal antara mereka. Apakah mereka membawa suami saya ke tempat ini?

Jam demi jam telah berlalu sejak saya tiba di rahang neraka. Namun saya memerhatikan ada cahaya yang mulai memenuhi ruangan tersebut. Tiba-tiba api itu berhenti, dan tikus-tikus melarikan diri, dan rasa sakit di tubuh saya tidak terasa lagi. Saya mencari-cari setiap kesempatan untuk melarikan diri, namun tidak ada. Saya tertanya-tanya apa gerangan yang sedang terjadi. Saya melihat keluar dari tingkap-tingkap neraka, mengetahui bahawa ini adalah sesuatu yang mengerikan. Kemudian neraka mulai bergegar dan api yang membakar kembali muncul. Ular-ular dan tikus-tikus serta ulat-ulat kembali muncul! Sakit yang tiada terkira memenuhi jiwa saya ketika seksaan-seksaan mulai menyerang kembali.

"Oh Tuhan, biarkan saya mati," tangis saya semasa mula memukul lantai bumi sel dengan rangka tangan saya. Saya menjerit, tetapi tiada yang tahu atau peduli.

Tiba-tiba saya terangkat dari sel oleh suatu kekuatan yang tidak kelihatan. Ketika saya sedar kembali, Tuhan dan saya sedang berdiri di samping rumah saya. Saya menangis, "Mengapa, Tuhan, mengapa?" lalu saya tersungkur di bawah kakiNya dengan perasaan putus asa.

Yesus berkata, "Tenanglah." Tiba-tiba saya menjadi tenang. Dia mengangkat tubuh saya dengan lemah lembut, dan saya jatuh tertidur di lenganNya.

Ketika saya terbangun keesokan harinya, tubuh saya terasa sangat sakit. Selama sehari-hari, saya teringat kembali dengan kengerian-kengerian neraka dan seksaannya. Pada malam hari saya terbangun dengan berteriak dan mengatakan ada cacing-cacing yang merangkak ke dalam tubuh saya. Saya sangat takut akan neraka.

## **Bab 20**

### **Syurga**

Saya sakit selama sehari-hari setelah saya ditinggalkan di rahang neraka. Saya terpaksa membiarkan lampu tetap menyala semasa saya tidur. Saya memerlukan Alkitab sepanjang waktu, dan saya membacanya dengan konsisten. Jiwa saya sangat terkejut. Saya sekarang tahu derita yang ditanggung oleh jiwa-jiwa yang sesat apabila mereka masuk ke neraka.

Yesus berkata, "Bertenanglah, diam," dan ketenangan mengalir dalam jiwa saya. Tetapi beberapa minit kemudian, saya bangun sambil berteriak, histeris ketakutan.

Sepanjang waktu itu, saya tahu bahawa saya tidak pernah bersendirian-Yesus sentiasa hadir. Namun meskipun saya mengetahui hal itu, kadang-kadang saya tidak dapat merasakan kehadiranNya. Saya sangat takut untuk kembali ke neraka lagi, sehingga saya sangat takut masuk ke sana meskipun kadang-kadang Yesus berada dekat dengan saya.

Saya berusaha mengatakan kepada orang-orang lain mengenai berbagai-bagai pengalaman saya di neraka. Mereka tidak mahu mendengar kata-kata saya. Saya memohon kepada mereka, "Tolonglah, bertaubat daripada dosa-dosa kalian sebelum terlambat." Sukar bagi semua orang untuk mempercayai apa yang telah saya katakan kepada mereka mengenai seksaan yang telah saya saksikan dan bagaimana Yesus memerintahkan saya untuk menulis tentang neraka.

Tuhan meyakinkan saya bahawa Dialah Tuhan yang memilihkan saya. Meskipun pada waktu itu saya percaya bahawa saya tidak akan pulih sepenuhnya, tetapi penyembuhan itu tetap datang.

Kemudian hal itu terjadi lagi. Saya kembali berada dalam roh bersama Tuhan Yesus, dan kami terbang tinggi di langit.

Yesus berkata, "Aku ingin menunjukkan kepadamu kasih dan kebaikan Tuhan serta bahagian-bahagian dari syurga. Aku ingin agar kau melihat pekerjaan-pekerjaan Tuhan yang menakjubkan, begitu indah untuk dilihat."

Di hadapan kami, saya melihat dua buah planet raksasa, indah dan agung dengan segala kemegahannya. Tuhan sendiri yang menjadi cahaya di tempat itu.

Seorang malaikat menyambut kami dan berkata kepada saya, "Lihatlah kebaikan Tuhan Allahmu. Belas kasihnya kekal selamanya." Ada kasih dan kelembutan yang kuat dalam suara malaikat itu sehingga saya ingin menangis ketika dia berkata kembali, "Lihatlah kuasa dan kehebatan serta keagungan Tuhan. Mari saya tunjukkan tempat yang telah disediakan untuk anak-anakNya.

Tiba-tiba muncul sebuah planet besar di hadapan kami, sebuah planet yang besarnya sebesar bumi. Kemudian saya mendengar suara Bapa berkata, "Bapa, Anak dan Roh

Kudus adalah satu. Bapa dan Anak adalah satu, dan Bapa dengan Roh Kudus adalah satu. Aku mengirim AnakKu untuk mati di kayu salib, sehingga tidak seorang pun akan tersesat.

"Tetapi," kataNya dengan tersenyum, "Aku akan menunjukkan kepadamu tempat yang sudah Aku sediakan untuk anak-anakKu. Aku sangat mengambil berat semua anak. Aku memelihara ketika seorang ibu kehilangan anaknya, bahkan saat dia masih dalam bentuk benih di dalam kandunganmu, anakKu, yang dibuang sebelum waktunya. Kau lihat, Aku mengetahui segalanya, dan Aku mengambil berat.

"Dari waktu adanya kehidupan di dalam kandungan, Aku mengetahuinya. Aku mengetahui bayi-bayi yang dibunuh saat mereka masih berada di dalam tubuh ibunya-nyawa yang digugurkan, yang dibuang dan tidak diinginkan. Aku mengetahui bayi-bayi yang mati pada saat dilahirkan dan anak-anak yang dilahirkan cacat. Sejak masa pembenihan, roh sudah ada.

"Malaikat-malaikatKu turun dan membawa anak-anak itu kepadaKu saat mereka mati. Aku mempunyai tempat untuk mereka dapat membesar, belajar, dan dikasihi. Aku memberikan kepada mereka tubuh yang lengkap dan memulihkan bahagian-bahagian yang tiada. Aku memberikan mereka tubuh yang mulia."

Di seluruh planet itu ada perasaan dikasihi, suatu perasaan sebagai makhluk hidup yang sempurna. Segalanya begitu sempurna Di sana sini, di tengah-tengah hamparan rumput tebal berwarna hijau dan kolam-kolam dengan airnya yang jernih bagaikan kristal ada tempat bermain dengan tempat-tempat duduk yang diperbuat daripada marmar dan bangku-bangku daripada kayu yang sangat halus digilap untuk duduk-duduk.

Di sana ada banyak anak-anak. Ke mana saja seseorang memandang, ada anak-anak yang sedang melakukan pelbagai kegiatan. Anak-anak itu masing-masing mengenakan jubah putih tanpa noda dan sandal. Jubah-jubah mereka begitu bercahaya sehingga berkilauan terkena cahaya yang sangat sempurna di planet itu. Warna-warni yang terdapat di mana-mana membuatkan warna putih jubah anak-anak itu jadi lebih menonjol. Malaikat-malaikat itu menjadi penjaga gerbang, dan semua nama anak-anak itu tertulis dalam sebuah buku.

Saya melihat anak-anak sedang belajar firman Tuhan dan diajarkan muzik daripada sebuah buku yang dibuat daripada emas. Saya terkejut melihat binatang-binatang daripada segala jenis menghampiri anak-anak itu, atau duduk di sebelah mereka semasa mereka berada di sekolah malaikat tersebut.

Tidak ada air mata dan tidak ada kesedihan. Segalanya sangat indah, dan di mana-mana hanya ada kegembiraan serta kebahagiaan.

Kemudian malaikat itu menunjukkan kepada saya planet yang lain, yang bersinar seperti suatu cahaya besar di hadapan saya. Cahaya itu bersinar dengan pancaran dari jutaan bintang, dan segalanya di planet tersebut begitu indah dan hidup.

Dari jauh, saya melihat dua buah gunung yang diperbuat daripada emas tulen, sementara itu yang berdekatan dengan saya ada dua buah pintu gerbang yang diperbuat daripada emas yang ditempel dengan permata-permata dan batu-batu berharga lainnya. Saya tahu bahawa ini ialah bumi yang baru, dan kota yang berdiri dengan megahnya di depan saya ialah Yerusalem Baru-kota Allah yang turun ke bumi. Kemudian saya kembali berada di bumi yang lama-bumi seperti sebelum api penghabisan yang akan membersihkannya dan memurnikannya untuk tujuan Allah. Di sini jugalah kota Yerusalem bani, kota besar milenium. Saya melihat orang-orang keluar dari gua-gua dan dari gunung-gunung dan sedang menuju ke kota itu.

Di tempat ini Yesus ialah Raja, dan semua bangsa di bumi membawa hadiah-hadiah untukNya dan memberikan penghormatan kepadaNya.


Yesus memberikan tafsiran tentang penglihatan saya. KataNya, "Aku akan segera kembali dan terlebih dahulu membawa bersamaKu orang-orang benar yang sudah mati ke syurga, kemudian setelah mereka, orang-orang yang masih hidup dan yang setia akan diangkat bersama-sama denganKu di awan. Setelah itu, Antikris akan berkuasa di bumi dalam jangka waktu yang ditentukan, dan akan ada kesengsaraan seperti yang belum pernah terjadi sebelumnya, mahupun tidak akan ada lagi.

"Kemudian Aku akan kembali bersama orang-orang kudusKu, dan syaitan akan dilemparkan ke dalam jurang maut, di mana dia akan diikat selama seribu tahun. Selama masa seribu tahun itu, Aku akan memerintah di bumi dari Yerusalem. Ketika masa milenium berakhir, syaitan akan dilepaskan untuk suatu tempoh, dan Aku akan mengalahkannya dengan cahaya terang kedatanganKu. Bumi yang tua ini akan berlalu.

"Lihatlah, akan ada bumi baru dan Yerusalem baru turun ke atasnya-dan Aku akan memerintah untuk selama-lamanya."

## **Bab 21** **Agama Palsu**

Tuhan berkata, "jika orang-orang di bumi mendengar kata-kataKu dan bertaubat daripada dosa-dosanya, Aku akan menahan pekerjaa Antikris dan binatang itu sehingga tiba waktu perubahan yang memberangsangkan itu. Bukankah orang-orang Niniwe bertaubat daripada dosa semasa mendengar kesaksian Yunus? Aku tetap sama, dahulu, sekarang, dan hingga selama-lamanya. Bertaubatlah, dan Aku akan mencurahkan berkatKu."



Kemudian saya mendengar Yesus berkata, "UmatKu harus saling mengasihi dan saling menolong. Mereka harus membenci dosa dan mengasihi orang yang berdosa. Dengan kasih ini, semua orang mengetahui bahwa kalian ialah pengikut-pengikutKu."

Ketika Yesus berbicara, bumi terbuka, dan kami kembali berada di neraka. Saya melihat sisi lereng penuh dengan batang pohon mati dan keadaan di sekitarnya berwarna kelabu keruh. Saya juga melihat lubang-lubang kecil di sisi bukit, dan wujud manusia berwarna kelabu berjalan dan berbicara.

Saya mengikuti Yesus di atas sebuah jejak yang berliku-liku dan kotor, yang menuju ke sisi bukit yang kelabu itu. Ketika kami semakin dekat, saya melihat orang-orang dalam keadaan tubuh yang lengkap, tetapi mati. Mereka terdiri daripada daging mati yang berwarna kelabu, dan mereka diikat menjadi satu dengan tali perhambaan, semacam tali dari bahan yang berwarna kelabu yang mengikat semua orang yang berada di bukit. Meskipun tidak kelihatan adanya api, namun saya tahu bahawa tempat ini adalah sebahagian daripada neraka, kerana daging-daging yang sudah mati berjatuh dan tulang-tulang orang-orang yang berada di sana, kemudian tumbuh begitu cepat. Di mana-mana ada kematian, tetapi orang-orang itu seperti tidak sedar-mereka benar-benar asyik berbincang-bincang.

Yesus berkata, "Mari kita dengarkan apa yang sedang diperkatakan mereka"

Seorang laki-laki berkata kepada yang lainnya, "Adakah kamu pernah mendengar tentang orang yang bernama Yesus, yang datang untuk menghapuskan dosa?"

Seorang laki-laki menjawab, "Saya mengenali Yesus. Dia menghapuskan dosa saya. Sebetulnya, saya tidak mengerti sebab saya berada di sini."

"Saya juga tidak," ujar laki-laki yang pertama.

Seorang lelaki yang lain berkata, "Saya sudah berusaha memberi kesaksian kepada saudara saya mengenai Yesus, tetapi dia tidak mahu mendengar. Ketika isterinya meninggal, dia datang kepada saya untuk meminjam wang agar dapat menguburkan isterinya, tetapi saya ingat bahawa Yesus telah berkata bahawa kita harus cerdik seperti ular dan jinak seperti merpati. Jadi saya menolaknya. Saya tahu bahawa dia akan menghabiskan wang itu untuk sesuatu yang lainnya. Kita harus menjadi pengurus yang baik untuk wang kita, bukan?"

Laki-laki yang pertama berbicara sekarang kembali berbicara. "Benar, saudaraku," ujarnya, "ada seorang anak kecil di gereja kami memerlukan pakaian dan sepatu, tetapi ayahnya seorang pemabuk, jadi saya menolak untuk membelikan apa-apapun untuk anaknya-kami benar-benar ingin memberikannya pengajaran."

"Nah," ujar laki-laki yang satunya, seraya memegang tali perhambaan itu dan memilin-milin di sekitarnya dengan gugup, kita harus selalu memberi pengajaran

kepada orang-orang lainnya untuk hidup seperti Yesus. Lelaki itu tidak mempunyai hak untuk mabuk. Biarkan saja dia menderita."

Yesus berkata, "Oh, orang-orang yang bodoh dan lambat hatinya, tegakkanlah kebenaran, dan kasihlah antara satu sama lain dengan kasih yang sungguh-sungguh. Tolonglah orang-orang yang tidak berdaya. Berikanlah kepada orang-orang yang memerlukan tanpa mengharapkan balasan.

"Kalau kamu mahu bertaubat, Oh, bumi, Aku akan memberkatimu dan tidak mengutukmu. Bangunlah dari tidurmu, dan datanglah kepadaKu. Rendahkanlah dirimu dan tundukkanlah hatimu di hadapanKu, dan Aku akan datang dan tinggal di dalammu. Kau akan menjadi umatKu, dan Aku akan menjadi Tuhanmu."

---

## **Bab 22** **Tanda Binatang** **( Mark of the Beast)**

Saya mendengar Tuhan berkata, "Rohku tidak akan selama-lamanya tinggal di dalam manusia. Mari dan lihatlah binatang itu.

"Pada hari-hari terakhir, seekor binatang jahat akan muncul dari dalam bumi dan menipu banyak orang dari setiap bangsa di bumi. Dia akan memaksa setiap orang menerima tandanya, yaitu angka 666, ditempatkan di tangan dan dahi mereka. Setiap orang yang menerima tandanya akan menjadi milik binatang itu dan akan dicampakkan bersama dengannya ke dalam lautan api yang terbakar dengan api dan belerang.

"Binatang itu akan bangkit untuk menyatakan kepada dunia bahawa dia akan membawa kedamaian dan kemakmuran seperti yang tidak pernah diingat oleh manusia. Ketika dia telah memperoleh kekuasaannya di bumi ini, orang-orang yang tidak menerima tandanya pada dahi dan tangan mereka tidak akan dapat membeli makanan, pakaian, kenderaan, rumah atau lain-lain yang perlu dibeli. Mereka juga tidak dapat menjual segala yang dimiliki mereka kepada orang lain, kecuali mereka memiliki tanda itu.

"Tuhan Allah dengan tegas menyatakan bahawa orang-orang yang menerima tanda itu telah menyatakan kesetiaan mereka kepada binatang itu, dan hubungan mereka dengan Allah akan terputus untuk selama-lamanya. Mereka akan mendapat tempat bersama orang-orang yang tidak percaya dan para pelaku kejahatan. Tanda tersebut jelas menyatakan bahawa orang-orang yang memiliki tanda itu telah menolak Allah dan telah berbalik kepada binatang itu sebagai mangsanya.



"Binatang itu dan para pengikutnya akan menganiaya mereka yang menolak tanda itu dan akan membunuh kebanyakan daripada mereka. Mereka akan memberikan tekanan dalam bentuk apa-apapun untuk memaksa orang-orang yang memercayai Allah yang benar menerima tanda tersebut. Anak-anak dan bayi-bayi akan dibunuh di depan mata orang tua mereka yang menolak menerima tanda tersebut. Akan ada waktu dukacita yang dahsyat.

"Orang-orang yang memiliki tanda tersebut akan dipaksa untuk menyerahkan segala milik mereka sebagai balasan daripada janji bahawa binatang itu akan memenuhi segala keperluan para pengikutnya.

"Beberapa daripada kalian akan menjadi lemah dan menyerah kepada binatang itu dan menerima tandanya pada tangan atau dahi kalian. Kalian akan berkata, "Tuhan akan mengampuni. Tuhan akan mengerti." Tetapi Aku tidak akan menyesali firmanKu. Aku telah memperingatkanmu berulang kali melalui mulut nabi-nabiKu dan pelayan-pelayanKu yang menyampaikan firmanKu. Bertaubatlah sekarang juga selagi masih siang, akan datang masa gelap apabila penghukuman telah ditentukan untuk selama-lamanya.

"Sekiranya kau tidak mematuhi binatang itu dan menolak untuk menerima tandanya, Aku akan memeliharaku. Aku tidak berkata bahawa banyak orang tidak perlu mati kerana iman mereka pada masa-masa ini, disebabkan banyak orang akan dipancung kerana mempercayai Yesus. Tetapi orang yang mati di dalam nama Yesus diberkati, kerana besarlah ganjaran yang akan diterimanya.

"Benar, akan ada waktu kedamaian dan kemakmuran selama binatang itu memperoleh populariti dan disanjung. Dia akan membuat masalah-masalah dunia seakan-akan tidak bererti-tetapi kedamaian tersebut akan berakhir dalam pertumpahan darah, dan kemakmuran akan berakhir dengan kebuluran yang melanda di seluruh dunia.

"Jangan takut dengan apa-apa yang dapat dilakukan oleh manusia terhadapmu, tetapi takutlah kepada Dia yang dapat membinasakan baik jiwa mahupun tubuh di dalam neraka. Kerana meskipun penganiayaan besar dan penindasan bertambah, Aku akan membebaskanmu daripada semua itu.

"Tetapi sebelum hari yang jahat itu, Aku akan membangkitkan suatu bala tentara yang dahsyat, yang akan menyembahKu dalam roh dan dalam kebenaran. Bala tentara Allah akan melakukan perkara-perkara besar dan mukjizat-mukjizat untukKu. Oleh sebab itu, datanglah dan sembahlah Aku dalam roh dan kebenaran. Bawalah hasil keimanan, dan berikan apa-apa yang patut Aku terima, dan Aku akan menjagamu pada masa-masa yang jahat. Bertaubatlah sekarang dan terimalah penyelamatan daripada hal-hal jahat yang akan menimpa orang-orang yang memberontak dan yang tidak diselamatkan.

"Upah dosa adalah maut, tetapi kurnia Allah ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus. Berserulah kepadaKu selagi mungkin, dan Aku akan

menerimamu dan mengampunimu. Aku mengasihimu dan tidak menginginkan kamu tersesat.

"Percayalah pada catatan ini dan hiduplah. Tentukanlah hari ini, siapa yang akan kau layani."

---

## **Bab 23**

# **Kedatangan Kristus Kembali**

Saya melihat kedatangan Tuhan. Saya mendengar panggilanNya seperti bunyi sangkakala dan suara malaikat tertinggi. Seluruh bumi bergetar, dan dari dalam kubur bangkit orang-orang benar yang sudah mati untuk bertemu Tuhan mereka di angkasa. Selama berjam-jam, saya mendengar sangkakala bertiup, dan dari dalam bumi serta dari dalam laut bangkit orang-orang yang sudah mati. Tuhan Yesus Kristus berdiri di atas awan-awan dengan pakaian kerajaan yang bersinar, dan melihat pemandangan yang mulia.

Saya kembali terdengar bunyi trompet. Ketika saya memerhatikan orang-orang yang masih hidup dan yang masih berada di bumi terangkat menyambut mereka. Saya melihat orang-orang yang ditebus seperti jutaan titik-titik cahaya yang berpusat pada suatu tempat berkumpul di langit. Di sana para malaikat memberikan jubah putih bersih kepada mereka. Ada sukacita besar di sana.

Para malaikat itu diberi kuasa untuk mengatur mereka. Mereka seolah-olah berada di mana-mana untuk memberikan perhatian khusus kepada orang-orang yang dibangkitkan. Satu orang yang ditebus diberikan tubuh yang baru, dan mereka diubah semasa mereka melewati angkasa. Sukacita besar dan kebahagiaan memenuhi langit, dan para malaikat menyanyikan, "Kemuliaan bagi Raja segala Raja!"

Jauh tinggi di atas langit, saya melihat sesusuk tubuh yang besar dalam roh-tubuh itu ialah tubuh Kristus. Tubuh itu berbaring telentang di atas tempat tidur, dan darah menitis ke bumi. Saya tahu bahawa itu adalah tanda korban tubuh Tuhan kita. Kemudian tubuh itu bertumbuh semakin besar hingga memenuhi langit. Jutaan orang yang ditebus masuk dan keluar dari tubuh itu.

Saya menyaksikannya dengan kehairanan ketika jutaan orang memanjat tangga ke tubuh itu dan memenuhinya, mulai dari kaki dan terus sampai ke paha, lengan, perut, jantung dan kepala. Ketika tubuh itu sudah penuh, saya melihat laki-laki dan perempuan dari segala bangsa, suku, dan bahasa di bumi memenuhi tubuh itu. Dengan suara yang kuat mereka memuji Tuhan.

Jutaan orang duduk di hadapan sebuah takhta, dan saya melihat malaikat-malaikat ketika mereka membawa buku-buku yang daripadanya penghakiman

dibacakan. Di sana ada kerusi belas kasihan, dan banyak orang yang diberikan ganjaran.

Kemudian ketika saya memerhatikan, kegelapan menutupi wajah bumi, dan pasukan-pasukan iblis muncul di mana-mana. Roh-roh jahat yang tidak terhitung jumlahnya dilepaskan dari penjara mereka dan ditumpahkan ke atas bumi. Saya mendengar Tuhan berkata, "Berdukalah penghuni bumi, kerana iblis telah turun kepadamu."

Saya melihat seekor binatang yang marah, dan dia memuntahkan bisanya ke seluruh bumi. Neraka bergetar hebat, dan dari dalam jurang maut muncul sekelompok makhluk jahat yang membuat bumi ini menjadi gelap dengan jumlahnya yang sangat banyak. Lelaki dan perempuan berlari sambil menangis masuk ke bukit-bukit, gua-gua dan gunung-gunung. Akan berlakulah peperangan, kebuluran, dan kematian di atas bumi.

Akhirnya saya melihat kuda-kuda api dan kereta-kereta perang di langit. Bumi bergetar, dan matahari berubah merah seperti darah. Seorang malaikat berkata, "Dengarlah, Oh, bumi, sang Raja akan datang!"

Kemudian Raja segala Raja dan Tuan segala Tuan muncul di langit, dan orang-orang kudus daripada segala bangsa ada bersama-sama denganNya, berpakaian putih bersih. Saya ingat bahawa setiap mata akan melihat Dia dan setiap lutut berlutut di hadapanNya.

Kemudian malaikat-malaikat bersedia dengan sabit-sabitnya dan menuai biji-bijian yang sudah masak-itulah pengakhiran dunia ini.

Yesus berkata, "Bertaubatlah dan terimalah penyelamatan, kerana kerajaan Allah sudah dekat. Kehendak dan firmanKu akan dilaksanakan. Persiapkanlah jalan bagi Tuhan."

Saya berfikir, kita harus mengasihi sesama kita. Kita harus teguh dalam kebenaran dan membetulkan anak-anak kita dalam terang Kristus yang akan segera datang. Sudah pastinya Raja akan datang!

---

## Bab 24

# Rayuan Terakhir Tuhan

Yesus berkata, "Peringatkanlah orang-orang kaya di dunia ini agar mereka janganlah sombong dan jangan berharap pada sesuatu yang tidak tentu seperti kekayaan, melainkan meletakkan kepercayaan kepada Allah yang memberi kita segala kekayaan untuk dinikmati. Hiduplah dalam Roh, maka kamu tidak akan menuruti keinginan daging.

"Jangan terpedaya; Allah tidak akan membiarkan diriNya dipermainkan, kerana apa yang ditabur orang, itu juga yang dituainya. Hal ini disebabkan sesiapa yang menabur dalam dagingnya, dia akan menuai kebinasaan dari dagingnya, tetapi siapa yang menabur dalam Roh, dia akan menuai hidup yang kekal. Perbuatan daging adalah seperti percabulan, pelacuran, hawa nafsu, penyembahan berhala, sihir, iri hati, amarah, mementingkan diri sendiri, dengki, pemabuk, pesta pora dan sebagainya. Barang siapa melakukan hal-hal yang demikian, dia tidak akan mendapat bahagian dalam kerajaan Allah.

"Hasil daripada Roh adalah: kasih, sukacita, kedamaian, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, lemah lembut, dan kawalan diri. Barang siapa menjadi milik Kristus Yesus, dia telah menyalibkan daging bersama dengan segala hawa nafsu dan keinginannya.

"Apabila firman Allah sudah digenapi, maka pengakhirannya akan datang. Tidak seorang pun yang mengetahui hari mahupun waktu Anak Allah akan kembali ke bumi. Bahkan Anak pun tidak tahu, kerana hanya Bapa yang mengetahuinya. Firman akan digenapi dengan segera. Datanglah seperti seorang anak kecil, dan biarlah Aku menyucikanmu daripada perbuatan-perbuatan daging. Berdoalah kepadaKu, "Tuhan Yesus, masuklah ke dalam hati saya dan ampunilah dosa-dosa saya. Saya tahu bahawa saya ialah orang berdosa, dan saya bertaubat daripada dosa-dosa saya. Basuhlah saya dalam darahMu, dan jadikan saya bersih. Saya sudah berdosa terhadap syurga dan di hadapanMu, dan tidak wajar disebut sebagai anak. Dengan iman saya menerima Engkau sebagai Juruselamat saya."

"Aku akan mengirinkan pendeta-pendeta yang Kupilih sendiri kepadamu, dan Aku akan menjadi Gembalamu. Engkau akan menjadi umatKu, dan Aku akan menjadi Tuhanmu. Bacalah firman, dan janganlah menjauhkan diri daripada pertemuan-pertemuan ibadah. Serahkanlah seluruh hidupmu kepadaKu, dan Aku akan menjagamu. Aku tidak akan meninggalkan atau membiarkanmu."

Umat Tuhan, dengan satu Roh, kita memiliki jalan kepada Bapa. Saya berdoa agar Anda semua akan datang dan memberikan hati Anda kepada Tuhan.

## **Bab 25**

# **Penglihatan-penglihatan Syurga**

Beberapa daripada penglihatan-penglihatan berikut diberikan kepada saya sebelum Yesus membawa saya ke neraka. Beberapa daripadanya muncul menjelang akhir perjalanan saya di neraka.

### **Persamaan dengan Tuhan**

Saya menerima penglihatan tentang syurga pada masa saya sedang berdoa, meditasi, dan menyembah dengan sungguh-sungguh.

Kemuliaan Tuhan turun di tempat saya berdoa. Gelombang besar api bersinar dengan terang, dan kuasa yang penuh keagungan hadir di depan mata saya. Di tengah-tengah api dan sinaran itu ada takhta Tuhan. Di takhta tersebut ada yang menyerupai Tuhan. Sukacita, ketenangan, dan kasih mengalir dari Allah Yang Maha Kuasa.

Suasana di sekitar takhta itu penuh dengan bayi-bayi kerubim, yang sedang menyanyi dan mencium wajah, tangan dan kaki Tuhan. Nyanyian yang dinyanyikan mereka adalah, "Kudus, kudus, kuduslah Tuhan Allah yang Mahakuasa." Di atas kepala-kepala kerubim dan di hujung-hujung setiap sayap yang kecil itu ada lidah-lidah api. Gerakan sayap mereka tampaknya selaras dengan gerakan kuasa dan kemuliaan Tuhan.

Sesusuk kerubim terbang ke arah saya dan menyentuh kedua-dua mata saya.

### **Gunung-gunung Emas**

Dalam suatu penglihatan, saya memandang jauh ke arah bumi. Saya dapat melihat bahawa berbatu-batu jauhnya tanah itu kehausan hujan. Tanahnya retak, kering, dan tandus. Tidak terlihat pepohonan atau tumbuh-tumbuhan jenis apa-apapun di sana.

Kemudian saya diizinkan untuk melihat jauh ke tempat yang kering itu, hingga ke langit. Di sana, ada dua gunung raksasa yang berdampingan dan bersentuhan di bahagian dasarnya. Saya tidak tahu berapa tingginya, tetapi gunung-gunung itu sangatlah tinggi. Saya bergerak mendekati kedua-dua gunung itu dan mendapati bahawa gunung-gunung itu diperbuat daripada emas tulen-emas yang begitu murninya sehingga tampak lutsinar.

Melalui dan melewati gunung-gunung itu saya melihat cahaya putih yang terang, dan cahaya itu berkembang mengisi alam semesta. Saya berasa dalam hati saya bahawa ini merupakan tapak letaknya syurga.

Manusia berkelahi merebutkan cincin emas yang kecil, tetapi Tuhan yang memiliki semua emas.

## **Pembinaan Mahligai**

Semasa saya sedang berdoa, saya menerima penglihatan ini. Saya melihat malaikat-malaikat sedang membaca laporan pekerjaan-pekerjaan seperti yang kita lakukan di bumi. Sebahagian malaikat memiliki sayap, sementara sebahagian lagi tidak. Sebahagian ukurannya besar, sebahagian lagi kecil, tetapi wajah mereka semua berbeza. Seperti manusia di bumi, malaikat-malaikat itu dapat dikenal melalui raut wajah mereka.

Saya melihat malaikat-malaikat itu sedang memotong berlian-berlian yang berukuran sangat besar dan menempatkannya di dasar rumah-rumah besar. Permata-permata itu satu kaki tebalnya dan dua kaki panjangnya, serta sangat indah. Setiap kali satu jiwa dimenangkan untuk Tuhan, sebuah permata ditambahkan ke rumah pemenang jiwa tersebut. Tidak ada pekerjaan yang sia-sia jika dilakukan untuk Tuhan.

## **Pintu-pintu Gerbang Syurga**

Pada waktu lain ketika saya sedang berdoa, saya melihat penglihatan syurga ini. Saya berada dalam roh dan seorang malaikat datang mengunjungi saya serta membawa saya ke langit. Sekali lagi terdapat pemandangan gelombang cahaya yang sangat indah dan kemuliaan yang menakjubkan seperti yang saya lihat di balik gunung-gunung emas itu muncul. Saya sangat terpesona melihat kuasa Tuhan ditunjukkan seperti ini.

Ketika malaikat itu dan saya mendekati kedua-dua pintu gerbang raksasa yang menempel pada sebuah dinding yang sangat besar, kami melihat dua susuk malaikat yang luar biasa besarnya dengan pedang di tangannya. Tingginya kira-kira lima puluh kaki, dan rambutnya panjang berwarna emas. Pintu-pintu gerbang itu begitu tinggi sehingga saya tidak dapat melihat ke bahagian puncaknya. Pintu-pintu gerbang itu merupakan hasil seni yang terindah yang pernah saya lihat. Diukir oleh tangan, dengan lipatan-lipatan, hiasan-hiasan, lapisan-lapisan dan ukir-ukiran yang rumit, dan juga bertatahkan mutiara, permata, batu delima, batu nilam, dan batu-batuan lainnya. Segala sesuatu yang terdapat di pintu gerbang itu sangat serasi, dan pintu gerbang itu membuka ke luar. Sesusuk malaikat dengan sebuah buku di tangannya keluar dari balik pintu-pintu gerbang itu. Setelah memeriksa buku tersebut, malaikat itu mengangguk, mengesahkan bahawa saya boleh masuk.

Pembaca, Anda tidak dapat masuk ke syurga apabila nama anda tidak tertulis di dalam Buku Kehidupan Anak Domba.

## Ruang Catatan

Dalam suatu penglihatan, seorang malaikat membawa saya ke syurga dan menunjukkan kepada saya sebuah ruang yang sangat besar dengan dindingnya yang diperbuat daripada emas tulen. Huruf-huruf abjad terukir di sana-sini pada dinding. Pemandangan itu lebih seperti sebuah perpustakaan besar, tetapi buku-buku itu menempel pada dinding dan bukannya di atas rak.

Malaikat-malaikat yang mengenakan jubah panjang sedang mengambil buku-buku keluar dari dinding dan mempelajarinya secara teliti. Mereka kelihatan melakukannya dengan serius. Saya memerhatikan bahawa muka depan buku-buku itu diperbuat daripada emas tebal dan sebahagian daripada halaman-halamannya berwarna merah. Buku-buku itu sangat indah.

Malaikat yang bersama dengan saya mengatakan bahawa buku-buku ini merupakan catatan kehidupan setiap orang yang pernah lahir di bumi. Saya diberitahu bahawa ada ruangan-ruangan lainnya di suatu tempat dengan catatan-catatan yang lebih banyak lagi. Dari waktu ke waktu malaikat-malaikat tertinggi membawa catatan-catatan ke hadapan Tuhan untuk dipersetujui atau tidak. Buku-buku itu berisi permintaan-permintaan doa, nubuatan, perbuatan-perbuatan, pertumbuhan di dalam Tuhan, jiwa-jiwa yang dibawa kepada Kristus, hasil Roh (fruit of Spirit) dan banyak lagi. Segalanya yang kita lakukan di bumi dicatat di salah satu daripada buku-buku itu oleh para malaikat.

Seringkali seorang malaikat akan menurunkan sebuah buku dan mencuci halaman-halamannya dengan secarik kain lembut. Halaman-halaman yang dicuci itu kemudian berubah merah.

## Sebuah Tangga Syurga

Kemudian Roh Tuhan membawa saya ke penglihatan berikutnya. Saya melihat sebuah tangga besar dalam roh, yang turun dari syurga ke bumi. Di satu sisi tangga itu, malaikat-malaikat turun ke bumi, sementara di sisi yang lain naik ke atas.

Malaikat-malaikat yang berada di tangga tidak mempunyai sayap, tetapi setiap malaikat memegang sebuah buku dengan satu nama tertulis pada muka depannya. Sebahagian daripada malaikat-malaikat itu seperti sedang memberikan petunjuk-petunjuk dan jawapan atas pertanyaan-pertanyaan yang ditujukan kepadanya oleh malaikat-malaikat yang lain. Setelah petunjuk-petunjuk itu diterima dan pertanyaan-pertanyaan mereka terjawab, mereka menghilang.

Saya juga melihat tangga-tangga lain di bahagian-bahagian lain dari bumi. Malaikat-malaikat turun dan naik dengan gerakan yang tetap. Malaikat-malaikat itu bergerak dengan gagah dan berwibawa, kerana mereka ialah pembawa-pembawa perintah daripada Tuhan.

## **Bab 26**

# **Nubuat daripada Yesus**

Ketika pertama kalinya Yesus muncul di hadapan saya, Dia berkata, "Kathryn, kau telah dipilih Bapa untuk menemaniKu memasuki kedalaman-kedalaman neraka. Aku akan menunjukkan kepadamu banyak hal yang Aku ingin dunia mengetahui tentang neraka dan syurga. Aku akan mengatakan kepadamu apa yang harus ditulis, sehingga buku ini menjadi catatan yang benar tentang tempat-tempat yang belum diketahui ini. RohKu akan menyingkapkan rahsia-rahsia mengenai kekekalan, penghukuman, kasih, kematian, dan kehidupan selepasnya."

Firman Tuhan kepada dunia yang tersesat ini adalah: "Aku tidak menginginkanmu masuk ke neraka. Aku menciptakanmu untuk kesenanganKu dan untuk persekutuan yang kekal. Kau adalah ciptaanKu, dan Aku mengasihimu. Berserulah kepadaKu selagi Aku dapat ditemui, dan Aku akan mendengar dan menjawabmu. Aku ingin mengampunimu dan memberkatimu."

Pesanan kepada orang-orang yang sudah baru dilahirkan semula, Tuhan berkata: "Janganlah menjauhkan diri daripada pertemuan-pertemuan ibadahmu. Berkumpullah bersama-sama, berdoa, dan pelajarilah firmanKu. Sembahlah Aku dalam roh yang kudus."

Tuhan berkata kepada gereja-gereja dan bangsa-bangsa: "Malaikat- malaikatKu selalu berjuang untuk pewaris-pewaris penyelamatan dan bagi orang-orang yang akan menjadi pewaris-pewaris. Aku tidak pernah berubah. Aku tetap sama kemarin, hari ini, dan hingga selama-lamanya. Carilah Aku, dan Aku akan mencurahkan RohKu ke atasmu. Anak-anak lelakiKu dan anak-anak perempuanKu akan bernubuat. Aku akan melakukan perkara-perkara besar antara kamu."

Apabila anda belum diselamatkan, ambillah waktu sekarang juga berlutut di hadapan Tuhan dan mintalah kepadaNya untuk mengampuni anda daripada dosa-dosa anda dan membuat anda menjadi anakNya. Bagaimanapun caranya, anda harus menentukan sekarang bahawa syurga akan menjadi rumah anda yang kekal. Neraka itu mengerikan, dan neraka itu nyata.



# Kata-kata Penutup

Saya berharap dapat meyakinkan anda sekali lagi bahawa hal-hal yang telah anda baca dalam buku ini adalah benar. Neraka merupakan tempat api penyeksaan yang nyata. Namun saya juga ingin mengatakan kepada anda bahawa syurga itu sama nyatanya dan boleh menjadi rumah anda yang kekal.

Sebagai hamba Tuhan, saya telah menyerahkan diri saya mengutamakan Tuhan Yesus Kristus dan mencatatkan hal-hal yang sebenarnya telah ditunjukkanNya dan perkatakan kepada saya.

Untuk hasil yang terbaik, anda sebaiknya membaca buku ini bersama dengan Alkitab anda, dan menyelaraskan apa yang tertulis di sini dengan ayat-ayat Alkitab. Semoga Tuhan menggunakan buku ini untuk kemuliaanNya.

Mary Kathryn Baxter

Wahyu 20:13-15    Matius 10:28    Lukas 12:5    Lukas 16:20-31    Mazmur 9: 17  
Amsal 7:27        Amsal 9: 18    Yesaya 5:14  
Yesaya 14:12-15    Matius 5:22  
Matius 23:33        Markus 9:43-48    Roma 10:9-10    1 Yohanes 1:9

---

## Berkenaan Penulis

Mary Kathryn Baxter lahir di Chattanooga, Tennessee. Semasa dia masih muda, ibunya mengajarkan kepadanya tentang Yesus Kristus dan penyelamatanNya.

Mary lahir semula pada usia sembilan belas tahun. Setelah melayani Tuhan beberapa tahun, dia kembali kepada yang asal untuk suatu waktu. Akan tetapi, Roh Kudus tidak mahu melepaskannya, dan dia memberikan hidup yang baru kepada Kristus. Dia masih melayaniNya dengan setia.

Pada pertengahan tahun 1960-an, Mary pindah bersama keluarganya ke Detroit, Michigan, dia tinggal di sana untuk beberapa waktu lamanya. Dia kemudian berpindah ke Belleville, Michigan, tempat dia mulai mendapat penglihatan-penglihatan daripada Allah.

Pada tahun 1976, ketika dia masih tinggal di Belleville, Yesus menampakkan diri kepadanya dalam bentuk manusia, mimpi, penglihatan, dan pewahyuan. Semenjak itu, dia telah menerima banyak kunjungan daripada Tuhan. Selama kunjungan-kunjungan tersebut, Tuhan telah menunjukkan kepadanya

kedalaman, darjah, tingkat, dan seksaan jiwa yang sesat di neraka. Dia juga banyak menerima penglihatan mengenai syurga, masa kesengsaraan yang dahsyat dan akhir zaman.

Selama suatu tempoh dalam masa hidupnya, Yesus menampakkan diri kepadanya setiap malam selama empat puluh hari. Dia menyingkapkan kepadanya tentang kengerian neraka dan kemuliaan syurga, serta mengatakan kepadanya bahawa pesanan itu adalah untuk disampaikan ke seluruh dunia.

Para pelayan Tuhan, pemimpin dan orang-orang kudusNya menghormati Mary dan pelayanannya. Pergerakan Roh Kudus ditekankan dalam semua pelayanannya, dan banyak mukjizat terjadi. Kurniaan Roh Kudus dengan kuasa demonstrasi kuasa adalah manifestasi akan pertemuannya dengan Roh Kudus yang memimpin dan memberikan kuasa itu kepadanya. Dia mengasihi Tuhan dengan segenap hati, fikiran, jiwa, kekuatan dan hasratnya melebihi segalanya untuk menjadi pemenang jiwa bagi Yesus Kristus.

Dia seorang hamba Tuhan yang penuh dedikasi. Dia mendapat panggilan yang spesifik khususnya dalam bahagian mimpi, penglihatan, dan pewahyuan. Dia ditahbiskan sebagai seorang pendeta pada 1983 di *Full Gospel Church of God* di Taylor, Michigan. Sekarang dia melayani bersama *National Church of God* di Washington, D. C.

---

## Info Buku

Untuk janji temu ceramah, sila hubungi: Mary K. Baxter  
Lowery Ministries International  
P.O. Box 2550  
Cleveland, TN 37320-2550

ISBN: 0-88368-279-6

Printed in the United States of America @ 1993 by Lowery Ministries International

Library of Congress Cataloging-in-Publication Data

Baxter, Mary K.

A divine revelation of hell! Mary K. Baxter.

p. cm.

ISBN 0-88368-279-6 (trade paper)

1. Hell-Christianity. 2. Private revelations.

4. Baxter, Mary K. I. Title. BT838.B35 1997 236'.25-dc21

96-49171s